



MENJANA SEMULA EKONOMI
MENSEJAHTERAKAN RAKYAT

ISI KANDUNGAN



Rasional Muka Hadapan

Reka bentuk muka hadapan Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2021 memaparkan Keluarga Malaysia daripada pelbagai latar belakang yang merupakan fokus utama pembangunan sosioekonomi di Wilayah ini.

Dalam meneruskan usaha untuk menjana semula ekonomi dan mensejahterakan rakyat di NCER dalam era pasca pandemik, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah mengambil pendekatan serampang tiga mata iaitu **menarik pelaburan swasta** dari dalam dan luar negara, menjalankan **program-program pembangunan modal insan berteraskan rakyat**, serta melaksanakan **program dan projek infrastruktur strategik** bagi memacu pertumbuhan sosioekonomi Wilayah.

Kesemua usaha ini adalah berpandukan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rangka Kerja Strategik untuk Menangani Impak COVID-19 oleh NCIA, yang sejajar dengan Pelan Pemulihan Nasional Kerajaan dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

- 2 Perutusan Pengerusi NCIA
- 4 Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (2021)
- 6 Pengurusan NCIA
- 8 Laporan Ketua Eksekutif
- 15 Mengenai NCER dan NCIA
- 17 Struktur Organisasi NCIA
- 20 Laporan Tadbir Urus Korporat
- 22 Cabaran Utama Bagi Mencapai Keseimbangan Wilayah
- 23 Petunjuk Keberhasilan Utama (KRI) NCIA setakat 31 Disember 2021
- 24 Kajian Penilaian Keberhasilan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)
- 27 Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)
- 29 Kajian Lapangan COVID-19
- 33 Agenda Pembangunan Lestari di NCER
- 36 Peristiwa Penting 2021
- 42 Kalendar Aktiviti 2021
- 50 NCER di Media 2021
- 52 Laporan Kemajuan Pelaburan di NCER
- 90 Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat
- 128 Laporan Kemajuan Projek & Program di NCER
- 156 Warga Kerja NCIA
- 162 Penyata Kewangan



LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

Muka Surat

52



PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERTERASKAN RAKYAT

Muka Surat

90



LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Muka Surat

128

MENJANA SEMULA EKONOMI, MENSEJAHTERAKAN RAKYAT

Rasional Tema Laporan Tahunan NCER 2021

Tema **“Menjana Semula Ekonomi, Mensejahterakan Rakyat”** telah dipilih untuk Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2021 bagi mencerminkan **kesinambungan usaha Kerajaan** melalui NCIA untuk memulihkan dan membangunkan semula ekonomi wilayah ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Tahun 2021 juga merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang menyaksikan kesinambungan kemajuan yang telah dicatatkan di NCER dalam tempoh RMKe-11.

Dalam menangani kesan pandemik terhadap landskap sosioekonomi di NCER, adalah penting bagi pihak NCIA untuk mengekalkan **kelestarian inisiatif** yang dilaksanakan untuk rakyat dan komuniti perniagaan di Wilayah ini. Ini untuk memastikan agar impak positif yang dicetuskan setakat ini kekal mampan untuk jangka masa panjang demi manfaat golongan sasaran.

Sehubungan itu, program-program strategik pemulihan ekonomi oleh NCIA akan diteruskan di Wilayah ini bagi meningkatkan taraf hidup rakyat serta membasmu kemiskinan tegar, dan seterusnya merapatkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar. Usaha promosi pelaburan juga akan terus dipergiat bagi mengukuhkan kedudukan NCER sebagai sebuah destinasi pelaburan dan hab teknologi bertaraf dunia, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baharu dan kesan limpahan ekonomi untuk rakyat.

Perutusan Pengerusi NCIA



Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Perdana Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), saya amat berbangga dengan pencapaian pihak NCIA dalam **"Menjana Semula Ekonomi, Mensejahterakan Rakyat"**, yang merupakan tema Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2021 ini.

NCER terus membuktikan daya tahannya pada tahun berakhir 31 Disember 2021 dari segi usaha pemulihan dan pertumbuhan ekonomi wilayah yang terkesan akibat impak pandemik COVID-19.

Usaha yang berlandaskan **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** dan **Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19** ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) serta memastikan Malaysia kekal

komited dalam menangani isu dan cabaran sosioekonomi semasa kesan pandemik COVID-19, tetapi juga untuk mencapai pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan.

Dalam mempercepatkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi di NCER, NCIA telah mengambil pendekatan serampang tiga mata iaitu **Melaksanakan Program-program Modal Insan Berteraskan Rakyat, Mengutamakan Projek dan Program Strategik, serta Mempercepatkan Pertumbuhan Pelaburan Swasta**. Pendekatan bersepadu dan holistik ini ternyata berhasil, yang mana NCER telah berjaya melangkaui sasarannya dengan menarik pelaburan berjumlah **RM26.27 bilion** pada tahun 2021 menerusi usaha NCIA, yang akan mewujudkan **30,573 pekerjaan** untuk rakyat.

Perutusan Pengerusi NCIA



YAB Perdana Menteri diiringi oleh YAB Menteri Besar Perlis dan Ketua Pegawai Operasi NCIA melawat ruang pameran PIP di Majlis Pelancaran TPB 2030 di KL Convention Centre pada 6 Disember 2021

Program-program Modal Insan berteraskan rakyat yang dijalankan oleh NCIA telah memberi manfaat kepada hampir **67,935 Keluarga Malaysia dari 30 daerah di NCER** sejak tahun 2019 sehingga 2021. Program-program ini adalah sejajar dengan aspirasi Keluarga Malaysia dalam memastikan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif serta sasaran sifar miskin tegar menjelang 2025 di bawah RMKe-12. Usaha tersebut dilaksanakan melalui suntikan bantuan sara hidup yang diintegrasikan dengan pendidikan, latihan kemahiran untuk rakyat tempatan, serta pewujudan peluang pekerjaan bagi golongan sasaran.

NCIA juga terus membangun, membimbing dan memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan demi membantu memastikan kelangsungan perniagaan dan memperluaskan pasaran mereka sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan projek-projek strategik berimpak tinggi di NCER turut giat dilaksanakan oleh NCIA pada tahun 2021, antaranya, Kedah Rubber City (KRC), Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Perlis Inland Port (PIP), Kedah Science & Technology Park (KSTP), Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing (SLAM) Hub di Kedah Aerotropolis, SilverValley Technology Park (SVTP) dan NCER Technology Innovation Centre (NTIC).

Berdasarkan kemajuan yang telah ditunjukkan setakat ini, saya yakin NCER mampu mencapai sasarannya untuk menjana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak **RM300 bilion** menjelang 2025, dengan pelaburan terkumpul berjumlah **RM146.5 bilion** dan **161,197 pekerjaan** baharu untuk Keluarga Malaysia.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri NCER, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, dan juga semua agensi pelaksana yang terlibat atas segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek NCER.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan seluruh lapisan pegawai NCIA atas dedikasi, komitmen dan kerja keras mereka dalam menjayakan agenda pembangunan di NCER, terutamanya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19 yang serba mencabar ini.

Kerajaan Persekutuan terus komited dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek dan program-program di NCER demi memastikan momentum pemulihan ekonomi di peringkat wilayah dan negara. Saya yakin, dengan tekad dan sokongan padu semua pihak, matlamat "Keluarga Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" mampu menjadi realiti, insya-Allah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob

Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (2021)



**YAB DATO' SRI
ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**
Perdana Menteri (Pengerusi)



**YB SENATOR TENGKU
DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN
TENGKU ABDUL AZIZ**
Menteri Kewangan



**YB DATO' SRI
MUSTAPA MOHAMED**
Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Ekonomi)



**YBHG. TAN SRI DATO' SERI
MOHD ZUKI BIN ALI**
Ketua Setiausaha Negara

Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (2021)



YAB DATO' SERI AZLAN BIN MAN
Menteri Besar Perlis



YAB DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR
Menteri Besar Kedah



YAB TUAN CHOW KON YEOW
Ketua Menteri Pulau Pinang



YAB DATO' SERI SAARANI MOHAMAD
Menteri Besar Perak



**YBHG. TAN SRI DR. IR. AHMAD
TAJUDDIN BIN ALI**
Wakil Sektor Swasta



**YM DATUK TENGKU
MUHAMMAD TAUFIK TENGKU
KAMADJAJA AZIZ**
Wakil Sektor Swasta



**YBHG. DATUK SERI
JEBASINGAM ISSACE JOHN**
Setiausaha: Ketua Eksekutif NCIA
(Tarikh kuat kuasa persaraan: 28 Feb 2022)

JAWATANKUASA AUDIT

PENGERUSI

YM Datuk Tengku Muhammad Taufik
bin Tengku Kamadjaja Aziz
(Wakil Sektor Swasta)

AHLI

YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali
(Wakil Sektor Swasta)


YBhg. Dato' Ahmad Zamri bin Khairuddin
(Wakil dari EPU, Jabatan Perdana Menteri)

YBrs. Encik Farithal bin Sahari
(Wakil dari Kementerian Kewangan)


Pengurusan NCIA



**YBHG. DATUK
SERI JEBASINGAM
ISSACE JOHN**
Ketua Eksekutif



**EN. HASRI A.
HASAN**
Ketua Pegawai
Operasi



**EN. MOHAMAD HARIS
KADER SULTAN**
Ketua Pegawai
Kewangan
(Tarikh kuat kuasa
pelantikan sebagai
Ketua Eksekutif baharu:
1 Mac 2022)



**EN. ZUHAIRI
MOHMAD**
Pengarah Kanan,
Perkhidmatan
Korporat



**EN. FAJAFRI
MOHD FADZIL**
Pengarah Kanan,
Pelaburan

Pengurusan NCIA

**DATIN SHAHDEE
DATO' AHMAD**
Ketua, Sekretariat &
Modal Insan



**EN. MUHAMMAD
FAZLULLAH ABDUL
AZIZ**
Ketua,
Pelaksanaan Projek



**EN. MOHD. SHUHAIMI
MOHD NOR**
Ketua, Unit Pengurusan
Risiko dan Pematuhan



**EN. ARMIY RAIS AHMAD
SHARIFUDDIN**
Penasihat
Undang-undang



**EN. KHAIRUL ANUAR
ABDULLAH**
Ketua, Unit Audit
Dalaman



**CIK JULIAH SHAMSUL
SHAARI**
Ketua, Komunikasi
Korporat
(Tarikh kuat kuasa
pelantikan:
3 Januari 2022)



Laporan Ketua Eksekutif



**Datuk Seri
Jebasingam Issace John**
Ketua Eksekutif NCIA

Selaku Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), saya dengan sukacitanya membentangkan laporan pelaksanaan projek dan pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Tahun 2021 merupakan satu detik penting buat NCER yang menandakan permulaan **Tempoh Pemulihan Pasca COVID-19** di wilayah ini setelah mengharungi impak pandemik tersebut dengan penuh berdaya tahan pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini mencerminkan kejayaan usaha NCIA dalam mempercepatkan pertumbuhan dan pemulihan ekonomi pasca pandemik seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19, yang sejajar dengan Pelan Pemulihan Nasional Kerajaan dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Tahun 2021 juga merupakan **tahun pertama** pelaksanaan **RMKe-12** yang menyaksikan kesinambungan kemajuan yang telah dicatatkan oleh NCER dalam tempoh RMKe-11, khususnya dalam merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar.

Laporan Ketua Eksekutif

Seperti yang dirangkumkan oleh tema “Menjana Semula Ekonomi, Mensejahterakan Rakyat” untuk Laporan Tahunan NCER 2021, usaha-usaha pemulihan pasca pandemik NCIA di NCER dijalankan melalui pendekatan serampang tiga mata iaitu **Melaksanakan Program-program Modal Insan Berteraskan Rakyat, Mengutamakan Projek dan Program Strategik, serta Mempercepatkan Pertumbuhan Pelaburan Swasta**, dengan setiap pendekatan membentuk sinergi yang simbiotik antara satu sama lain.



Pemulihan Ekonomi Dipacu oleh Pelaburan Swasta, Projek-projek Strategik dan Program Modal Insan Berteraskan Rakyat

Secara keseluruhan, **NCIA telah berjaya mencapai majoriti Petunjuk Keberhasilan Utama (KRI)** organisasi untuk tahun 2021 di bawah teras “Memacu Pelaburan Swasta untuk Menangani Ketidakseimbangan Wilayah” yang mencerminkan komitmennya dalam menarik pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan di NCER. Kebanyakan projek strategik NCIA juga berjaya disempurnakan mengikut jadual manakala selebihnya dijangka siap sepenuhnya pada 2022, yang bakal mempertingkatkan lagi pembangunan sosioekonomi di NCER. **Program-program Modal Insan berteraskan rakyat juga telah mencapai sasaran yang ditetapkan**, khususnya dalam memperkasakan golongan rentan di wilayah ini.

Pada 2021, NCIA telah berjaya memudah cara pelaburan berjumlah **RM26.27 bilion** ke NCER berbanding sasaran asal RM16 bilion, yang akan mewujudkan **30,573 peluang pekerjaan** baharu untuk rakyat. Wilayah ini juga telah menyumbang majoriti pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan di Malaysia sehingga Suku Tahun Ketiga 2021, iaitu 61.4% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia dalam tempoh tersebut.

PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN

RM26.27 bilion
61.4% daripada jumlah keseluruhan pelaburan



Program-program Pembangunan Modal Insan berteraskan rakyat NCIA berupaya membantu kemiskinan masa hadapan (“future poor”) di wilayah ini

(*Foto dirakam sebelum pandemik COVID-19 bermula)

Di samping itu, Pakej Insentif Rangsangan yang telah dilaksanakan sebagai pendekatan berimpak tinggi juga berjaya mempercepatkan proses merealisasikan pelaburan swasta yang tertangguh sebelum ini, serta pelaburan baharu susulan peluang yang telah diwujudkan daripada pemelbagaian rantaian bekalan di NCER. Prestasi dagangan eksport NCER pada Suku Tahun Pertama hingga Suku Tahun Ketiga 2021 juga meningkat sebanyak 20% tahun ke tahun, yang menyumbang 36% daripada eksport negara, dipacu oleh pertumbuhan dalam sektor pembuatan elektrik dan elektronik (E&E) dan peranti perubatan, serta produk minyak sawit.

Kadar pengangguran di NCER juga kekal di bawah kadar pengangguran nasional pada 4.1% setakat Suku Tahun Ketiga 2021, manakala kadar penyertaan tenaga buruh telah meningkat secara berterusan kepada 67.8% dan dijangka terus menunjukkan aliran peningkatan pada 2022.



Pembangunan Modal Insan: Menjana Pendapatan Mampan dan Membasmi Kemiskinan Melalui Program-program Berteraskan Rakyat

Dalam usaha mensejahterakan rakyat di wilayah ini dan meningkatkan pendapatan mereka, NCIA telah melaksanakan pelbagai program modal insan berteraskan rakyat yang berjaya memberi manfaat kepada **67,935** penduduk setempat dari **30 daerah di NCER** sejak tahun 2019 hingga 2021. Program-program holistik tersebut, yang menyasarkan kumpulan B40, wanita dan Orang Asli serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Nasional dan sasaran **sifar miskin tegar menjelang 2025** di bawah RMKe-12.

Bagi membantu golongan yang terkesan akibat COVID-19, antaranya, siswazah menganggur, pekerja yang dibuang kerja dan usahawan dalam sektor tidak formal, NCIA turut meneruskan pelaksanaan program-program modal insan berbentuk “fast track” menerusi inisiatif **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** dengan kerjasama dan sokongan Kementerian Kewangan (MOF).

Laporan Ketua Eksekutif



Lawatan Familiarisasi NCIA bersama Pengarah dan kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK)

JomKerja@NCER

137

syarikat mengambil bahagian

Menawarkan

6,529

peluang pekerjaan

JomNiaga@NCER

3,760

Usahawan mengambil bahagian

Menjana

800

penempatan pekerjaan

Secara kumulatif, sebanyak 137 syarikat telah mengambil bahagian dalam JomKerja@NCER setakat penghujung 2021, yang menawarkan 6,529 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Program JomNiaga@NCER pula telah berjaya melahirkan 3,760 usahawan, serta mewujudkan 800 penempatan pekerjaan untuk rakyat tempatan dari kumpulan B40.

Ke Arah Membasmi Miskin Tegar dan Kemiskinan Masa Hadapan

Sejajar dengan sasaran sifar miskin tegar menjelang 2025, kaum wanita yang mewakili **20,836 isi rumah** telah menerima bantuan kos sara hidup melalui sistem kad tanpa tunai di bawah program **Kasih Ibu NCER** oleh NCIA, salah satu penyelesaian jangka pendek untuk meringankan beban kumpulan sasaran, terutamanya mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Bermula dengan Program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) yang dilaksanakan di Kedah sejak 2019, kejayaan inisiatif ini telah mendorong perluasan program yang sama ke negeri Perlis dan Perak yang masing-masing dikenali sebagai Kasih Ibu Perlis dan Kasih Ibu Darul Ridzuan.

Sehingga 31 Disember 2021, seramai **12,000 penerima program Kasih Ibu NCER di ketiga-tiga negeri** terbabit telah menerima manfaat, dengan penglibatan **264 panel kedai runcit dan pasar raya**, serta **94 buah klinik** secara keseluruhan. Tahun 2021 juga

menyaksikan hasil daripada permulaan **integrasi program Kasih Ibu NCER** dengan program-program modal insan NCER yang lain seperti empowerNCER dan JomNiaga@NCER, di mana seramai 367 penerima dan tanggungan program Kasih Ibu NCER yang menyertai program-program tersebut berjaya melonjakkan pendapatan mereka dan mencapai pendapatan terkumpul sebanyak RM1.43 juta berbanding RM100,000 sebelum ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 137 orang telah berjaya melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK 2019) dan mewujudkan 39 peluang pekerjaan dalam kalangan komuniti setempat.

Sementara itu, program **empowerNCER-Akademik** yang bermatlamat membasmi kemiskinan masa hadapan terus dilaksanakan dengan beberapa penyesuaian seperti penyediaan tablet dan perisian pembelajaran dalam talian susulan pelaksanaan **Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)**. Pada tahun 2021, program ini telah memberi manfaat kepada **6,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021** dari keluarga B40 di 127 sekolah dan **900 pelajar Orang Asli Tahun 5 dan 6** dari 15 sekolah di 30 daerah di NCER. Hasil daripada bimbingan yang diterima, peserta SPM 2020 di bawah program ini berjaya mencapai Kadar Kelulusan **98.8%** dalam keputusan peperiksaan tersebut, iaitu melebihi Kadar Kelulusan Purata Kebangsaan 88.68%, dengan 62% peralihan dan penempatan ke institusi pengajian tinggi.

Laporan Ketua Eksekutif

Bagi membasmi kemiskinan dalam kalangan komuniti Orang Asli, NCIA juga telah menyempurnakan **Projek Perintis Pendekatan Holistik dan Bersepadu - Pembasmian Kemiskinan Dalam Komuniti Orang Asli di Lata Kinjang (Fasa 1)** yang melibatkan penaiktarafan infrastruktur sedia ada di tarikan ekopelancongan tersebut, serta pelaksanaan program pembangunan modal insan untuk 150 Orang Asli tempatan dan penubuhan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang bagi membolehkan mereka menjana pendapatan yang mampan.

Peluang Keusahawanan Yang Menongkah Trend Penurunan Pendapatan

Program **empowerNCER-Latihan Kemahiran & Keusahawanan dan program fast-track JomNiaga@NCER** turut diteruskan pada tahun 2021, di mana latihan dilaksanakan secara langsung **dalam talian** atau melalui video yang dirakam terlebih dahulu, dengan penekanan terhadap pengetahuan **e-dagang**. Setakat 31 Disember 2021, seramai **5,675** peserta yang tamat latihan telah mencapai lonjakan pendapatan terkumpul berjumlah **RM71.93 juta** daripada RM1.3 juta sebelum ini, dan mewujudkan 757 peluang pekerjaan untuk komuniti setempat. Pencapaian ini sekali gus menongkah arus dari segi trend penurunan pendapatan susulan impak pandemik COVID-19, di mana lebih daripada 2,000 peserta telah melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK 2019).

Program **entrepreneurNCER** pula telah berjaya membantu kelangsungan para **usahawan mikro dan PKS**, terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik dan hanya mempunyai aliran tunai yang cukup untuk tempoh tiga hingga enam bulan. Setakat 31 Disember 2021, sebanyak **6,970 permohonan pinjaman mudah** bernilai **RM104.6 juta** di bawah program entrepreneurNCER telah diluluskan, yang mana NCIA berperanan menampung sebahagian daripada kos pembiayaan melalui mekanisme "topping up" kadar faedah pinjaman. Program ini dilaksanakan melalui kolaborasi strategik NCIA dengan Maybank dan Agrobank, dengan jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak **RM233.9 juta** untuk **16,600 PMKS** sejak 2019

sehingga kini, manakala dua lagi bank iaitu CIMB dan AFFIN Bank akan turut bekerjasama dengan NCIA bagi program yang sama mulai Disember 2021. Dengan penglibatan keempat-empat bank tersebut, lebih **22,500 PMKS** disasarkan akan mendapat manfaat daripada program ini sepanjang tempoh RMKe-12.



Pelaburan: Memacu Pemulihan Ekonomi Dalam Era Pasca Pandemik

Walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan akibat pandemik, NCER terus membuktikan daya tahannya sebagai sebuah destinasi pelaburan yang kompetitif dalam kalangan pelabur domestik dan antarabangsa. Kejayaan ini adalah hasil daripada program-program promosi pelaburan oleh NCIA yang menawarkan pelbagai insentif menarik serta galakan kepada para pelabur untuk melabur di NCER.

Sejak tahun 2008 sehingga 31 Disember 2021, jumlah pelaburan terkumpul yang telah diluluskan di NCER adalah sebanyak **RM155.79 bilion** dan akan mewujudkan sebanyak **195,458 peluang pekerjaan** untuk rakyat di wilayah ini. Daripada jumlah pelaburan tersebut, sebanyak **RM134.49 bilion** telah pun direalisasikan dengan jumlah peluang pekerjaan terkumpul yang direalisasi sebanyak **169,309**.

Sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama terhadap jumlah keseluruhan pelaburan di NCER pada 2021 dengan pelaburan sebanyak **RM24.32 bilion**, iaitu **93%** daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang dicapai pada tahun tersebut. Industri **peranti perubatan serta elektrik dan elektronik (E&E)** terus kekal berdaya tahan dan memainkan peranan penting dalam ekonomi NCER, serta merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan baharu di wilayah ini pada tahun tersebut.



Pelaksanaan projek dan program strategik di NCER dipantau dengan rapi oleh pasukan NCIA bagi memastikan ia berjalan lancar seperti dirancang

(*Foto dirakam sebelum pandemik COVID-19 bermula)

Laporan Ketua Eksekutif

DDI Terajui Pemulihan Ekonomi; FDI Tunjukkan Peningkatan

Pelaburan langsung domestik (DDI) telah menerajui pemulihan ekonomi wilayah ini pada tahun 2021, dengan sumbangan terhadap jumlah keseluruhan pelaburan di NCER sebanyak **64 peratus** berbanding 36 peratus daripada pelaburan langsung asing (FDI). Dalam masa yang sama, pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat berdasarkan Pelan Pemulihan Negara serta strategi promosi pelaburan yang lebih agresif oleh NCIA juga telah menampakkan peningkatan hasil yang ketara dari segi jumlah kemasukan FDI berbanding pada tahun sebelumnya apabila negara mula dilanda pandemik COVID-19.

Sentimen positif di kalangan pelabur juga dapat dilihat sewaktu penyertaan NCIA dalam Expo 2020 Dubai pada bulan November 2021. Penglibatan NCIA dalam acara ini telah berjaya meraih **nilai pelaburan berpotensi sebanyak RM4.12 bilion** hasil daripada rundingan dengan pelabur-pelabur yang menunjukkan minat terhadap NCER.

Projek Strategik dan Insentif Memangkin Kemasukan Pelaburan Swasta

Lonjakan pelaburan di NCER pada tahun 2021 juga didorong oleh ketersediaan taman-taman perindustrian baharu seperti **Kedah Rubber City (KRC)** dan **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)** yang telah mula menerima pelaburan-pelaburan baharu pada tahun 2021. Dalam menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif kepada pelabur-pelabur, NCIA telah mewujudkan program-program insentif bagi memastikan keperluan tenaga kerja yang relevan dan berkualiti tinggi bagi industri-industri di NCER.

NCER Technology Innovation Center (NTIC), misalnya, menyediakan platform untuk pembangunan teknologi dan inovasi bagi membolehkan pemain industri di NCER menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing. Program Dana Usahawan NCER (DU@NCER) pula merupakan sebuah program "tipping point" bagi menyokong penglibatan PKS Bumiputera dalam pembangunan ekosistem dan rantaian nilai di taman-taman industri baharu di wilayah ini. Sehingga penghujung tahun 2021, program DU telah memberi manfaat kepada 32 syarikat di NCER dengan jumlah pelaburan terkumpul **RM871 juta** dan **1,582** peluang pekerjaan.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, sewaktu lawatan beliau ke Chuping Valley Industrial Area (CVIA)

(*Foto dirakam sebelum pandemik COVID-19 bermula)

Program NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) yang bermatlamat mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan tempatan telah menarik penyertaan **92** syarikat, dengan **2,784** graduan tempatan berjaya mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat tersebut.

NCIA juga telah memperkenalkan **langkah-langkah intervensi strategik (SIP)** untuk membantu pemain-pemain industri yang terkesan dengan COVID-19 sehingga terpaksa menutup perniagaan mereka, antaranya, dengan membantu menempatkan pekerja yang diberhentikan untuk bekerja di syarikat lain yang berkeupayaan.

Kejayaan NCIA dalam mengekalkan momentum kemasukan pelaburan ke NCER juga adalah hasil daripada kerjasama erat NCIA dengan agensi-agensi pusat dan kerajaan negeri seperti Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan juga agensi-agensi pelaburan negeri yang lain di NCER, serta Jabatan Imigresen Malaysia dari segi penyumberan tenaga-tenaga mahir dalam bidang teknologi tinggi.



Projek-projek Strategik: Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Wilayah

Untuk terus merencanakan pertumbuhan dan pemulihan ekonomi di NCER pasca COVID-19, NCIA akan terus mengutamakan pelaksanaan projek pembangunan dan infrastruktur berimpak tinggi di wilayah ini. Sehingga penghujung 2021, beberapa projek strategik telah dirancang dan dibangunkan yang kini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Taman-taman Perindustrian Tematik untuk Memangkin Pelaburan Swasta

Antara projek yang sedang giat dijalankan pada 2021 ialah kerja-kerja fizikal di **Kedah Rubber City (KRC)** dan **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)**. **Projek KRC dan CVIA kini bersedia untuk menarik pelabur** di mana KRC sehingga kini telah berjaya menarik pelaburan komited bernilai kira-kira **RM4 bilion** yang akan mewujudkan **7,000** peluang pekerjaan baharu manakala CVIA telah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak **RM2.5 bilion** yang akan mewujudkan kira-kira **2,000** peluang pekerjaan.

Laporan Ketua Eksekutif



Penyerahan cenderahati oleh Ketua Eksekutif NCIA kepada YAB Perdana Menteri sesuai Mesyuarat NCIA ke-28 dan sebelum pelancaran Kedah Rubber City (KRC) pada 7 Februari 2022

NCIA juga sedang dalam peringkat prapelaksanaan bagi pembangunan taman-taman ekoindustri tematik untuk memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di NCER di bawah **RMKe-12** melalui pendekatan bersepadu. Taman-taman tersebut antaranya ialah **Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing (SLAM) Hub** dan **Kedah Science & Technology Park (KSTP)** di Kedah, **SilverValley Technology Park (SVTP)** di Perak, serta **Penang Technology Park** dan **Taman Perindustrian Bersepadu** di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang akan diterajui oleh pelabur swasta. Secara keseluruhan, pembangunan taman perindustrian baharu ini dijangka akan memberikan impak kepada **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kumulatif NCER berjumlah RM200 bilion** serta akan menarik pelaburan swasta berpotensi berjumlah RM61.6 billion yang akan mewujudkan 92,000 peluang pekerjaan baharu di NCER.

Peningkatan dan Penaiktarafan Infrastruktur Strategik

Bagi menyokong pembangunan ini, NCIA juga sedang melaksanakan projek-projek infrastruktur strategik yang akan memperkukuhkan lagi rantai nilai industri di NCER, antaranya, pembangunan **Northern Corridor Highway (NCH)**, pembangunan di **Pulau Bunting** serta pembangunan **Perlis Inland Port (PIP)** dan **Kangar Sentral** yang akan mengukuhkan kedudukan

NCER sebagai hab logistik di Malaysia. Projek-projek ini juga akan memangkinkan pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar dan pembukaan kawasan pembangunan baharu di NCER. Selain itu, **Pembangunan Kompleks Jeti Kargo dan Penumpang di Pulau Pangkor**, **Pembangunan Inisiatif Pelancongan Warisan Ipoh ("Ipoh Heritage")** di Perak dan **Pembangunan Galeri Arkeologi Guar Kepah** di Pulau Pinang juga sedang giat dibangunkan dan akan menyokong pemulihan sektor pelancongan pasca COVID-19 di NCER.

Penekanan Terhadap Sekuriti Makanan dan Pembangunan Ekonomi Komuniti

NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ) telah diperkenalkan bagi mendukung agenda sekuriti makanan negara dan memperkukuhkan hala tuju agromakanan di NCER. Zon ekonomi khusus ini akan diterajui oleh pihak swasta, yang mana ia dijangka menyumbang sebanyak RM6-8 bilion kepada KDNK, menggantikan import makanan sebanyak RM3.5 bilion, serta mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi dan melahirkan lebih ramai usahawan agro menjelang tahun 2025.

Tahun 2021 juga telah menyaksikan pelancaran projek **Pusat Ekonomi dan Komuniti Bersepadu atau Integrated Economic & Community Centre (iCON)** di Baling dan Yan secara maya pada 28 Oktober, yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 200 usahawan dan 500 peluang pekerjaan baharu apabila kedua-duanya beroperasi kelak.



Prospek: Pemerksaan Rakyat dan Penjana Semula Ekonomi

Tahun 2022 dijangka akan menyaksikan kesinambungan Tempoh Pemulihan ekonomi NCER, di mana KDNK wilayah ini diunjurkan terus meningkat pada kadar 6.5%-6.9% pada tahun tersebut. Pengutamaan projek pemangkinkan, program modal insan berteraskan rakyat dan insentif yang berpandukan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19 dijangka merangsang pertumbuhan dan pemulihan ekonomi, manakala pengukuhan keyakinan pengguna dijangka akan meningkatkan kembali permintaan.

Sentimen pelabur juga dijangka akan terus pulih secara beperingkat pada tahun 2022, dengan pelaksanaan kebanyakan pelaburan swasta yang ditangguhkan sebelum ini dan pelaburan baharu dalam tempoh tersebut, lantas memacu kadar pertumbuhan yang tinggi. Sehubungan itu, NCIA akan meneruskan usahanya dalam menarik pelabur domestik dan luar negara ke wilayah ini menerusi **Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19** untuk NCER yang merangkumi insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri NCER yang bersifat lebih menyeluruh dan berdaya saing di peringkat serantau.

NCIA telah mengenal pasti beberapa sektor yang berpotensi untuk berkembang dan berupaya menarik pelaburan baharu, antaranya, sektor Farma dan Peranti Perubatan, Elektrik dan Elektronik, E-dagang dan Ekonomi Gig, serta Perniagaan Tani dan Keselamatan Makanan sebagai sektor penerima manfaat ("winning sectors") dalam tempoh pasca pandemik ini. Sektor logistik dan pengangkutan pula diyakini akan terus mantap dan berkembang bagi merencanakan pemulihan ekonomi negara.

Laporan Ketua Eksekutif



Projek-projek logistik berimpak tinggi seperti **Perlis Inland Port** dan **Kedah Aerotropolis** dijangka mampu menarik pelaburan swasta dan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Dalam masa yang sama, **ekonomi digital**, infrastruktur digital, dan produktiviti adalah faktor penting bagi memulihkan pertumbuhan ekonomi, sekali gus menghasilkan pekerjaan berpendapatan tinggi di NCER. Dalam hal ini, penyertaan NCIA dalam inisiatif-inisiatif seperti Digital Investment Office (DIO) dan Pelan Pembangunan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dijangka akan meningkatkan lagi pelaburan syarikat-syarikat ekonomi digital di NCER.

Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan di NCER, terutamanya kepada YAB Perdana Menteri merangkap Pengerusi NCIA atas kepimpinan beliau dan panduan yang diberikan, serta Anggota-anggota Majlis NCIA atas sumbangan dan buah fikiran mereka. Ribuan terima kasih

yang tidak terhingga juga ingin saya ucapkan kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri NCER atas segala sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan agenda pembangunan sosioekonomi wilayah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ingin saya rakamkan kepada semua Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat di peringkat Kerajaan Negeri dan Persekutuan, antaranya, Jabatan Perdana Menteri (JPM), MOF, Unit Perancang Ekonomi (EPU), MITI, MIDA dan lain-lain, yang telah banyak membantu dalam memastikan kelancaran projek-projek serta program-program NCER.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan khas kepada pihak pengurusan dan segenap lapisan warga kerja NCIA atas kecekalan dan komitmen mereka dalam menjayakan usaha pemulihan dan pertumbuhan ekonomi NCER, terutamanya dalam era pasca pandemik ini.

Dengan prospek yang lebih cerah untuk 2022 dan tahun-tahun seterusnya, NCIA kekal fokus dan komited dalam meneruskan usahanya untuk merealisasikan aspirasi nasional dalam merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Saya yakin, dengan sinergi dan kerjasama erat semua pihak, matlamat tersebut mampu dicapai demi kesejahteraan rakyat.

Terima kasih.

Datuk Seri Jebasingam Issace John

Mengenai NCER dan NCIA

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah ditubuhkan dengan matlamat untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah utara Semenanjung Malaysia, yang merangkumi negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)

OBJEKTIF NCER



Untuk Mempercepatkan Pemulihan Sosioekonomi Rakyat dan Perniagaan Pasca COVID-19




Memacu Potensi Ekonomi Melalui Projek-projek Bersifat Pemangkin dan Program-program Berimpak Tinggi



Menangani Ketaksamaan Pembangunan & Ketidakseimbangan Wilayah



Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Yang Saksama



Jumlah Keseluruhan Kawasan

32,404km²

Populasi (2021)

6.7 juta

KDNK Setakat 2021 (Pada Harga Malar 2015)

RM229.1 bil.

Pendapatan Purata Isi Rumah (2020)

RM5,477

Jumlah Pekerjaan (Suku Ke-2 2021)

3.1 juta

Mengenai NCER dan NCIA

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, NCER telah menjalani evolusi yang progresif dan berterusan, selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan yang inklusif dan mapan bagi merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama di seluruh tanah air demi manfaat rakyat.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) merupakan badan yang bertanggungjawab menetapkan hala tuju serta merangka dasar-dasar dan strategi berkaitan pembangunan sosioekonomi NCER. Ditubuhkan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687), NCIA berperanan memacu pertumbuhan ekonomi NCER ke arah menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan berimpak tinggi dalam kluster-kluster ekonomi utama yang terdiri daripada Pembuatan, Perniagaan Tani, Petrokimia, Ekonomi Hijau, Perlombongan Mapan dan Perkhidmatan yang merangkumi Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, serta Ekonomi Digital.





MENGENAI NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan NCER yang merangkumi negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak sebagai sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia serta hab teknologi dan destinasi pilihan untuk pelaburan, bekerja dan kediaman.

FUNGSI UTAMA NCIA

- Untuk menyelaras prestasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Entiti-entiti Kerajaan di NCER
- Untuk mempromosi, merangsang, memudah cara dan meningkatkan daya saing NCER di peringkat antarabangsa
- Untuk mempromosi, merangsang, memudah cara, menyelaras serta melaksana pembangunan ekonomi dan sosial di NCER
- Untuk menetapkan hala tuju, dasar dan strategi yang berkaitan dengan pembangunan di NCER


OBJEKTIF NCIA

-  Mempercepatkan pemulihan sosioekonomi rakyat dan perniagaan pasca COVID-19
-  Merangsang potensi ekonomi melalui projek-projek bersifat pemangkin dan program-program berimpak tinggi
-  Menangani ketaksamaan pembangunan dan ketidakseimbangan wilayah
-  Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang saksama



NCIA berperanan memacu pertumbuhan ekonomi dalam kluster-kluster ekonomi utama NCER ke arah menjadi sebuah wilayah ekonomi dan hab teknologi yang kompetitif

Struktur Organisasi NCIA





LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT



NCIA mengamalkan pembudayaan etika, integriti, akauntabiliti serta tadbir urus yang telus dalam melaksanakan amanah untuk membangunkan sosioekonomi NCER

Laporan Tadbir Urus Korporat

MEMBUDAYAKAN ETIKA DAN INTEGRITI, AKAUNTABILITI SERTA TADBIR URUS YANG TELUS

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) berpegang teguh kepada **standard tadbir urus korporat yang tertinggi** dalam merealisasikan strategi pertumbuhan, penciptaan nilai dan kemampanan sosioekonomi di NCER, selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025).

Kepimpinan tertinggi organisasi yang merangkumi Jawatankuasa Pengurusan NCIA, Jawatankuasa Pemandu NCIA, Jawatankuasa Audit NCIA dan Ahli-ahli Majlis NCIA sememangnya amat prihatin dan menekankan kepentingan tadbir urus yang kukuh dan holistik dalam aspek pengurusan dan pentadbiran NCIA bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi di wilayah ini.

Sehubungan itu, segala hal-ehwal berkaitan aktiviti operasi, penyata kewangan dan pendekatan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan NCER adalah berlandaskan kepada **amalan terbaik** prinsip-prinsip tadbir urus korporat bagi menjamin kelestarian usaha pementapan tadbir urus, pembudayaan integriti dan antirasuah.

Pembudayaan prinsip-prinsip tersebut turut diterapkan di kalangan kakitangan NCIA melalui nilai **i-STARS** iaitu **"Integrity, Speed, Teamwork, Accountability, Respect and Strategic."**

Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Pihak NCIA komited dalam membudayakan **amalan etika dan integriti, akauntabiliti** serta **tadbir urus yang telus** dalam menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan agar selari dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025). Bagi memastikan kebolehpercayaan agar sentiasa konsisten dalam menjana keberhasilan dan impak yang relevan, tepat dan lengkap, **tiga teras utama tadbir urus korporat** yang berimbang, mengamalkan keterbukaan dan menerima pakai pendapat bebas telah diwujudkan, iaitu:

- 1. **Unit Integriti ("Integrity Unit")**
 - 2. **Unit Audit Dalaman ("Internal Audit Unit")**
 - 3. **Unit Pengurusan Risiko dan Pematuhan ("Risk and Compliance Unit")**
- Melapor kepada Jawatankuasa Audit
Melapor terus kepada Ketua Eksekutif

Kami yakin dan percaya bahawa dengan mengamal dan mengguna pakai prinsip amalan terbaik tadbir urus korporat, NCIA mampu memperkasakan proses pengurusan dan pentadbiran yang lebih telus, berakauntabiliti dan berintegriti tinggi. Usaha ini mampu direalisasikan dengan sokongan serta kerjasama padu kesemua pihak yang terdiri daripada barisan kepimpinan NCIA serta seluruh warga i-STARS, dan juga para pemegang taruh melalui sesi runding cara dan libat urus yang dijalankan secara berkala.

Pernyataan Integriti Korporat NCIA

Pernyataan Integriti Korporat NCIA menzahirkan komitmen kami untuk mencegah dan menolak perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam segenap aspek penyampaian perkhidmatan kami. Pernyataan ini, yang sejajar dengan Nilai Bersama **i-STARS**, telah diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan NCIA dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit NCIA. Ia penting sebagai panduan untuk amalan murni semua pihak, termasuklah warga kerja NCIA dan para pemegang taruh.



Pernyataan Integriti Korporat NCIA

Laporan Tadbir Urus Korporat

Program Pendidikan Jaringan Integriti

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah meninggalkan impak yang merentasi sempadan negara, termasuklah di NCER. Namun begitu, usaha penguatan governans, integriti dan antirasuah NCIA tetap diteruskan melalui program pendidikan jaringan integriti untuk semua warga i-STARS. Ini adalah bagi memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti yang teguh dalam organisasi.

Antara program yang dijalankan ialah **"Dari Unit Integriti"** yang merupakan hebahan dan pemberitahuan secara dalam talian melalui e-mel kepada semua pegawai dan kakitangan NCIA secara konsisten, dengan kekerapan sebanyak dua kali (2) sebulan di sepanjang tahun 2021.

NCIA turut melaksanakan program keterlibatan bersama semua warga i-STARS melalui Sesi Perkongsian Ilmu atau **"Knowledge Sharing Session"** secara dalam talian melalui platform "Microsoft Teams". Antara topik yang diketengahkan dalam sesi tersebut adalah mengenai kesedaran dan kefahaman "Tatacara Mencukupi Liabiliti Korporat: Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009".

Pegawai Integriti Bertauliah ("Certified Integrity Officer" - CeIO) dan Penubuhan Unit Integriti

Dalam menjayakan usaha pembudayaan integriti dalam organisasi, seorang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), En. Mohd Yany Bin Yusoff, telah dilantik sebagai Ketua Unit Integriti NCIA. CeIO merupakan pegawai yang ditauliahkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memainkan peranan penting dalam organisasi awam ke arah memupuk nilai-nilai integriti dan etika.

CeIO mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai pengurusan integriti, kerangka kerja perundangan yang wajar, sistem pematuhan dan pemantauan, serta mampu membangunkan pelan tindakan integriti.

Penandaan Aras Dalam Memacu Governans, Integriti dan Antirasuah

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 mengenai Penubuhan Unit Integriti di semua badan awam, Unit Integriti NCIA bergiat aktif menyertai beberapa siri program secara dalam talian dan fizikal anjuran Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO) dengan kerjasama SPRM. Penyertaan ini adalah melalui perkongsian pintar dan bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan penubuhan dan pelaksanaan fungsi Unit Integriti di agensi-agensi awam yang lain.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

NCIA menerapkan tadbir urus korporat yang berasaskan **budaya prestasi, pengurusan risiko dan kawalan dalaman, pematuhan** kepada undang-undang dan peraturan sedia ada, serta **Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan** dalam segenap aspek operasi dan proses membuat keputusan.

Kami komited untuk memastikan NCER mampu mencapai teras-teras strategik utamanya iaitu Pertumbuhan Ekonomi Mampan, Perekayasaan Sosial, serta Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar melalui pendekatan serampang tiga mata yang merangkumi pembangunan modal insan, pelaksanaan projek-projek strategik dan pemudahcaraan pelaburan dari sektor swasta.


Cabaran Yang Dihadapi Dalam Pembangunan NCER

Meskipun Mencapai Kemajuan, Ketidakeimbangan Wilayah Masih Kekal Sebagai Cabaran Utama

Pembangunan Tidak Seimbang

KDNK Per Kapita 2021 (RM)


Pembangunan ekonomi wilayah yang tidak seimbang - pembangunan kebanyakannya tertumpu di Pulau Pinang



Infrastruktur Jalur Lebar


Kadar penembusan jalur lebar mudah alih S3 2021 (%)

Selain Pulau Pinang, kadar penembusan jalur lebar adalah di bawah tahap nasional



Pengangguran dan Migrasi


Pengangguran yang tinggi dan migrasi negatif mencerminkan ketiadaan peluang pekerjaan dan ekonomi



Kemiskinan

Insiden Miskin Tegar 2019 (%)


Hanya Perlis dan Pulau Pinang menunjukkan insiden miskin tegar di bawah tahap nasional



Siswazah Menganggur

Siswazah Menganggur 2020


Kemahiran tidak sepadan dan ketiadaan peluang pekerjaan untuk siswazah



Pendapatan Isi Rumah

Ketidakeimbangan pendapatan dalam Wilayah - Industri-industri pembuatan dan perkhidmatan yang kukuh di Pulau Pinang

Kemiskinan relatif yang tinggi di Kedah dan Perak - pekerjaan berpendapatan tinggi yang tidak mencukupi







Bagi meningkatkan daya saing negeri-negeri NCER, insentif yang relevan dan kompetitif serta projek-projek dan program program strategik adalah diperlukan bagi menggalakkan pelaburan dengan memanfaatkan kelebihan komparatif Wilayah

Petunjuk Keberhasilan Utama (KRI) NCIA setakat 31 Disember 2021

Pencapaian Utama




1.0 Memacu Pelaburan Swasta untuk Menangani Ketidakeimbangan Wilayah

NCIA telah berjaya mencapai majoriti Petunjuk Keberhasilan Utama (KRI) 2021, terutamanya di bawah tunjang "Memacu Pelaburan Swasta untuk Menangani Ketidakeimbangan Wilayah" yang mencerminkan komitmen NCIA dalam menarik pelaburan asing dan domestik yang akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu di NCER.








	Sebenar:	Sasaran:
Pelaburan Diluluskan	 RM26.27 bil.	RM16 bil.
Pelaburan Direalisasi	 RM22.95 bil.	RM5 bil.
Peluang Pekerjaan Diluluskan	 30,573	20,000
Peluang Pekerjaan Direalisasi	 18,299	6,000

2.0 Memangkin Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Yang Seimbang melalui Projek Infrastruktur Strategik

Taman Perindustrian Tematik

KRC (Fasa 1) Peratus Siap Semasa - 63.42% 	CVIA (Fasa 1) Peratus Siap Semasa - 61.82% 	SVTP Reka Bentuk Skematik Selesai 	KSTP Reka Bentuk Terperinci Selesai 	SLAM Hub Proses Pengambilan Tanah Bermula 
---	--	---	---	---

Infrastruktur Strategik

Infrastruktur Luaran SLAM Hub - Kesalinghubungan Jalan Raya Kajian Kebolehlaksanaan Selesai 	Pelancongan Warisan Ipoh - Pakej 1 1B: Peratus Siap Semasa - 100% 1A: Peratus Siap Semasa - 95%  Kedah Digital Library Fasa II: Peratus Siap Semasa - 100% 	Perlis Inland Port Reka Bentuk Terperinci & "VM Lab" (VA & VE) Selesai  Jeti Pangkor Kajian Model Perniagaan Bermula 	Tapak Arkeologi Guar Kepah Reka Bentuk Skematik Selesai  iCON Baling & Yan Reka Bentuk Skematik Selesai 
--	---	---	---

3.0 Memperkasakan Golongan Rentan melalui Program Modal Insan Berteraskan Rakyat

Kasih Ibu NCER  12,086 Sasaran: 11,817	 6,900 Sasaran: 6,900	 2,873 Sasaran: 1,500
 6,970 Sasaran: 5,000	 17 syarikat Sasaran: 20	 1,315 Sasaran: 1,250
 6,000 Sasaran: 4,240	 2,993 Sasaran: 1,500	 RM14.91 bil pelaburan Sasaran: RM10 bil.

 Kemajuan Fizikal/Reka Bentuk Mencapai Sasaran  Lewat Dari Jadual  Mencapai/Melebihi Sasaran

Pelaksanaan pendekatan bersepadu serampang tiga mata di sepanjang tahun 2021 telah membantu NCIA menangani impak COVID-19 terhadap pertumbuhan ekonomi dan sosial di NCER. Inisiatif - inisiatif khusus yang telah dilaksanakan turut meringankan beban kumpulan rentan yang telah dikenal pasti. Berdasarkan Jadual Keberhasilan Utama (KRI) setakat 31 Disember 2021 yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Dalaman, NCIA berjaya melangkaui majoriti sasaran tahunan yang telah ditetapkan bagi 2021.

Kajian Penilaian Keberhasilan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)

NCIA telah menjalankan **Kajian Penilaian Keberhasilan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)** pada tahun 2021 dengan kerjasama Grant Thornton Consulting Sdn Bhd untuk menilai keberkesannya dalam merealisasikan output dan keberhasilan bagi projek dan program pembangunan sosioekonomi di NCER, serta untuk mengetahui sejauh manakah projek-projek yang dijalankan berjaya memberi **impak kepada rakyat**.

Kajian tersebut meliputi **29 projek RMKe-11** yang dilaksanakan sepanjang tempoh 2016 hingga 2020 dengan kos projek yang diluluskan berjumlah RM3.2 bilion. Inisiatif ini juga adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk mengukur pencapaian output dan keberhasilan bagi program dan projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), serta selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Keberhasilan) yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 19 Oktober 2012.

Pengenalan Kajian Penilaian Keberhasilan RMKe-11

Tempoh Pelaksanaan Projek



5 TAHUN (2016-2020)

Jumlah Projek RMKe-11



29 dinilai dengan kos projek yang diluluskan berjumlah **RM3.2 bil.**

Lokasi



WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)

Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak

Teras-teras Strategik RMKe-11

- Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
- Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju
- Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan
- Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
- Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Pemacu-pemacu Perubahan RMKe-11

- Meningkatkan potensi produktiviti
- Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah
- Mengupayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diterajui industri
- Melaksanakan pertumbuhan hijau
- Menjana kekayaan melalui inovasi
- Melabur dalam bandar berdaya saing


Projek-projek RMKe-11 NCER tersebut merangkumi empat (4) projek Perniagaan Tani dengan jumlah peruntukan RM28.5 juta, tiga (3) projek Modal Insan (RM80.6 juta), empat (4) projek berkaitan Pelaburan dengan peruntukan RM124.42 juta, 11 program berkaitan Penyampaian Projek (RM2.95 bilion) dan tujuh (7) projek bukan fizikal (RM12.74 juta).

Penilaian keberhasilan setiap projek adalah berdasarkan metodologi penskoran dan berpandukan kriteria penilaian utama dari perspektif **Sosioekonomi, Pengurusan Projek, Keusahawanan, Kewangan, dan Risiko Projek**. Skop kerja kajian tersebut adalah merangkumi realisasi output dan keberhasilan, pelaksanaan projek mengikut tempoh yang ditentukan, penggunaan dana yang telah diperuntukkan, kesan limpahan projek, serta mengenal pasti masalah dan cabaran serta saranan cadangan penambahbaikan.

Kajian Penilaian Keberhasilan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)

Rumusan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh NCIA dengan projek-projek RMKe-11, NCER didapati berjaya **memenuhi aspirasi Teras Strategi** seperti yang digariskan dalam RMKe-11 dan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025). Projek-projek tersebut juga berjaya menjadi pemacu perubahan ke arah merealisasikan matlamat yang digariskan dalam RMKe-11 dalam usaha membangunkan negara yang berdaya maju dan inklusif.




Nota:

^ Jumlah kos projek dibelanjakan merangkumi 95% daripada jumlah peruntukan yang disalurkan.

Kajian Penilaian Keberhasilan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)

Analisa Pencapaian Pelaburan dan Peluang Pekerjaan

Projek dan program NCER juga didapati berjaya **mencapai matlamat** pelaksanaan **Strategi Serampang Tiga Mata** di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) iaitu Memperkasa Modal Insan dan Komuniti, Pelaksanaan Projek-projek Strategik, serta Memudah Cara Pelaburan Sektor Swasta.



Nota: Mengatasi purata nasional hampir 3 kali ganda dari segi nisbah peluang pekerjaan bagi tahun 2020 (Purata Nasional: RM1bil. adalah bersamaan 666 peluang pekerjaan berdasarkan dokumen RMKe-12).

Isu, Pemerhatian dan Cadangan

Kajian Penilaian Keberhasilan RMKe-11 ini mendapati bahawa tiada isu-isu ketara yang telah menjejaskan NCIA dalam merealisasikan sasaran output dan keberhasilan, yang mana majoriti projek berjaya mencapai sasaran output dan keberhasilan yang ditetapkan, serta dilaksanakan mengikut tempoh yang dirancang.

Projek-projek tersebut juga dilihat berjaya membawa kesan limpahan positif kepada ekonomi tempatan dari segi peningkatan pendapatan rakyat, peluang pekerjaan dan keusahawanan, serta pelaburan pihak swasta melalui kewujudan ekosistem rantaian bekalan yang lengkap. Pelaksanaan **intervensi-intervensi afirmatif** bagi

memastikan ekosistem pembangunan modal insan yang komprehensif melalui sinergi antara program-program Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Pelaburan NCIA juga **berjaya memperkasakan rakyat**, contohnya menerusi program entrepreneurNCER dan empowerNCER, di samping membantu usaha Kerajaan dalam membasmi kemiskinan.

Berdasarkan dapatan kajian ini, adalah dicadangkan agar projek-projek berimpak tinggi di NCER diteruskan dan dipertingkatkan di masa hadapan, dengan pemantauan dan penelitian dilaksanakan secara berterusan terhadap sasaran output dan keberhasilan, dan memastikan ia sejajar dengan pelan-pelan pembangunan di peringkat nasional dan negeri.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

Tahun 2021 merupakan detik penting buat NCIA kerana ia menandakan tahun bermulanya pelaksanaan **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** yang menjadi panduan untuk agenda pembangunan wilayah ini. Pelan strategik ini menggariskan hala tuju masa hadapan dan strategi untuk terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi NCER dan mengurangkan ketidakseimbangan Wilayah.

Bertemakan “Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Wilayah Seimbang”, rangka kerja strategik itu bertujuan untuk **merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar** dengan memacu pertumbuhan

ekonomi dan produktiviti yang mampan dalam sektor-sektor utama. Ini akan dilaksanakan melalui pendekatan holistik yang merangkumi pemerkasaan ekonomi rakyat, pengukuhan infrastruktur untuk menyokong ketersambungan dan pertumbuhan, kejuruteraan semula sosial, serta pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti di wilayah ini.

Sebagai tindak balas segera terhadap pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan negatif kepada ekonomi global, termasuk di Malaysia, NCIA turut menyediakan **Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19** untuk menangani impak dan cabaran yang dibawa oleh COVID-19.



Penggiat sektor pelancongan merupakan antara mereka yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19 dan penekanan akan diberikan untuk membantu memastikan kelestarian perniagaan mereka

Penjajaran dengan RMKe-12

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) disediakan melalui proses kolaboratif dan perundingan dengan lebih 300 pemegang kepentingan utama daripada Kerajaan Persekutuan, negeri-negeri NCER, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Penyediaanya dipandu oleh dasar dan rancangan negara dan Negeri yang berkaitan, untuk memastikan ia sejajar dengan cadangan strategi, inisiatif dan hasil yang disasarkan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Dalam hal ini, Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19 ini **adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)**, yang juga merupakan sebahagian daripada Pelan Pemulihan Negara di bawah pendekatan 6R iaitu “Resolve, Resilient, Restart, Recovery, Revitalize and Reform”.

Seperti yang terkandung dalam RMKe-12, usaha akan terus dipergiatkan untuk mencapai **keeseimbangan Wilayah dan keterangkuman yang lebih meluas**. RMKe-12 dan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) juga

telah menetapkan sasaran yang perlu dicapai oleh wilayah ini menjelang 2025 dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pertumbuhan KDNK, Kadar Pertumbuhan Purata Terkumpul Tahunan (CAGR) pendapatan median isi rumah bulanan, serta nisbah KDNK per kapita kepada Wilayah Tengah.

Walaupun terdapat perubahan dalam garis masa, namun rangka kerja asal, matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) kekal tidak berubah dan akan terus menjadi rujukan utama untuk pembangunan masa depan NCER dalam era pasca COVID-19.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

USAHA AKAN DIPERGIAT UNTUK MENCAPAI KESEIMBANGAN DAN KETERANGKUMAN WILAYAH SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMKe-12)

Dalam RMKe-12, usaha akan turut dipergiat bagi mempercepat pembangunan negeri-negeri dan wilayah serta merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar untuk keterangkuman yang lebih meluas

BAB 6 RMKe-12 MEMFOKUSKAN KEPADA MENCAPAI KESEIMBANGAN WILAYAH DAN KETERANGKUMAN



Tema: Menjana Semula Ekonomi, Melonjakkan Kemampanan & Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

- ▶ Bidang Keutamaan A
Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah
- ▶ Bidang Keutamaan B
Membangunkan Bandar Yang Mampan
- ▶ Bidang Keutamaan C
Mentransformasi Kawasan Luar Bandar Bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

SASARAN UNTUK WILAYAH UTARA MENJELANG 2025

Sasaran KDNK RM287.7 bil.	Pertumbuhan KDNK Purata 5.6%
CAGR Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan (2020-2025) 5.2%	Nisbah KDNK Per Kapita kepada Wilayah Tengah 1.7%

Enam negeri kurang membangun yang merangkumi **Kedah**, Kelantan, **Perlis**, Sabah, Sarawak dan Terengganu akan terus diutamakan dengan sekurang-kurangnya 50% daripada Jumlah Asas Perbelanjaan Pembangunan (DE)

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) adalah sejajar dengan RMKe-12, dengan kedua-dua pelan mensasarkan untuk mempercepatkan pemulihan sosioekonomi daripada impak COVID-19 dan seterusnya melestarikan pertumbuhan ekonomi.

PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER 2021-2025: MEMASTIKAN KEMAKMURAN BERSAMA MELALUI PERTUMBUHAN WILAYAH YANG SEIMBANG



Tema: Pemulihan Sosioekonomi, Pertumbuhan Ekonomi Mampan, Penstrukturan Semula Sosial, Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar

- ▶ Memperkasa Modal Insan & Komuniti
- ▶ Memudah Cara Pelaburan Swasta
- ▶ Melaksanakan Projek-Projek Strategik Utama

SASARAN NCER MENJELANG 2025

Sasaran KDNK RM 275 - 300 bil.	Pertumbuhan KDNK Purata 5.1%	CAGR Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan (2020-2025) 4.5% - 5% <i>Pertumbuhan 2016-2019: 4%</i>	Nisbah KDNK Per Kapita kepada Wilayah Tengah 1.7 <i>Semasa: 1.83</i>
--	--	--	---

Ketika wilayah ini bergerak ke hadapan untuk fasa pertumbuhan seterusnya, RMKe-12 dan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) akan menjadi rujukan utama bagi pelaksanaan projek dan program berimpak tinggi untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat, selaras dengan visi NCER untuk mencapai Pertumbuhan Dengan Ekuiti.

Kajian Lapangan COVID-19

KAJIAN LAPANGAN IMPAK COVID-19 FASA 3: MENDALAMI KESEDIAAN RAKYAT DAN KOMUNITI PERNIAGAAN NCER UNTUK MEMASUKI FASA ENDEMIK

Hala tuju pembangunan NCER untuk masa hadapan telah digariskan dengan jelas dalam **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** yang dirangka oleh NCIA. Namun begitu, penularan pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap unjuran-unjuran ekonomi NCER di bawah pelan pembangunan tersebut yang kini memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk dicapai. Sehubungan itu, NCIA pada tahun 2020 telah bertindak balas pantas dengan menyediakan dokumen **Strategi, Projek dan Program Bagi Menangani Impak COVID-19** yang mengandungi **pelan-pelan tindakan khusus** bagi memulih dan mengembangkan semula ekonomi NCER dalam era pasca COVID-19, berdasarkan **Kajian Lapangan Impak COVID-19 Fasa 1** yang dilaksanakan dengan kerjasama PwC Malaysia.

Susulan Fasa 1 Kajian Lapangan tersebut, NCIA bersama-sama PwC Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melaksanakan **Kajian Lapangan COVID-19 Fasa 2** pada tahun yang sama untuk mengkaji impak pelaksanaan PKP 2.0 dan 3.0 serta keberhasilan

pelaksanaan inisiatif-inisiatif bantuan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pusat, negeri dan agensi-agensi di semua peringkat.

Sebagai kesinambungan kepada Fasa 1 dan Fasa 2 kajian lapangan berkenaan, NCIA seterusnya telah menjalankan **Kajian Lapangan Mengenai Impak COVID-19 Fasa 3** pada **Disember 2021** untuk mengenal pasti impak terhadap rakyat yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan PKP 3.0 agar **lebih banyak program bersasar** dapat dirancang dan dilaksanakan. Berbanding Kajian Lapangan Mengenai Impak COVID-19 Fasa 1 dan Fasa 2 yang dijalankan sebelum ini, Fasa 3 kajian lebih memfokuskan kepada **kesediaan sektor ekonomi NCER untuk memasuki fasa endemik**.

Kajian ini telah dijalankan oleh PwC Malaysia dan USM untuk tempoh empat bulan, dengan melibatkan lebih **3,000 responden** yang merangkumi **1,600 isi rumah** dan **1,400 perniagaan** di setiap daerah NCER, yang meliputi penduduk bandar dan luar bandar di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.



Walaupun inisiatif-inisiatif bantuan yang dilaksanakan oleh kerajaan Pusat dan negeri telah membuahkan hasil, masih terdapat keperluan untuk meneruskan program-program khas bagi kumpulan rentan dan komuniti perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk memastikan kelestarian ekonomi mereka

Kajian Lapangan COVID-19

HASIL DAPATAN KAJIAN LAPANGAN FASA 3: IMPAK TERHADAP RAKYAT DAN KOMUNITI PERNIAGAAN

Berdasarkan kajian tersebut, pelaksanaan Program-program Pembangunan Modal Insan NCER dan program intervensi oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri didapati telah memberi **impak positif** terhadap pemulihan ekonomi isi rumah dan komuniti perniagaan di wilayah ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk meneruskan pembangunan bagi kumpulan rentan yang terjejas. Usaha berterusan juga perlu dilakukan bagi menyokong perusahaan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke arah daya tahan ekonomi untuk jangka masa panjang.

Kesejahteraan Rakyat Melalui Jaminan Keperluan Asas dan Sekuriti Makanan

- Program-program NCER yang dilaksanakan untuk membantu golongan **miskin tegar** telah menjana impak positif, namun masih terdapat isi rumah yang bergelut untuk mengatasi impak yang dibawa oleh COVID-19.
- **Isi rumah miskin tegar** juga sedang bergelut untuk mengatasi kenaikan harga barangan asas setelah kebanyakan **bantuan-bantuan yang diterima** semasa PKP dan selepas PKP **ditamatkan**.
- Kenaikan Indeks Harga Pengguna (Makanan dan Minuman Bukan Alkohol) bagi negeri-negeri di NCER telah meningkat secara purata sebanyak 4.9% pada Jun 2022 berbanding tahun sebelumnya.
- Pandemik COVID-19 telah mengetengahkan keperluan untuk menjamin **sekuriti makanan domestik**. Justeru, peningkatan kepenggunaan yang dijangka berlaku dalam fasa endemik akan memberi peluang untuk pertumbuhan dalam sektor perniagaan tani di wilayah ini.
- Ketaksamaan akses kepada keperluan asas telah menghalang pemulihan sepenuhnya bagi golongan rentan di kawasan luar bandar.
- **Kadar Penembusan Jalur Lebar mudah alih** di NCER adalah **lebih rendah** daripada purata nasional. Ini menghalang isi rumah untuk meraih manfaat daripada program-program modal insan dan pendidikan kebangsaan dan NCER yang dijalankan secara dalam talian.

Menangani Cabaran dan Mengukuhkan Ekosistem bagi Industri-industri di NCER

- **Ketidakpadanan kemahiran dan kekurangan tenaga kerja** dalam sektor industri adalah isu yang berkekalan pasca COVID-19, dan memberi kesan negatif kepada keseluruhan output perniagaan.
- **Pergolakan global** telah mengganggu daya tahan rantaian bekalan dan meningkatkan lagi tekanan kepada kadar inflasi dunia. Situasi ini juga telah menyebabkan syarikat pembuatan dan pembinaan di NCER mengalami **kekurangan bekalan bahan mentah** yang mengakibatkan kegagalan memenuhi permintaan yang meningkat. **Indeks Harga Pengeluar Pembuatan** di Malaysia juga mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1%.
- Walaupun sektor pelancongan domestik telah mula hidup kembali, usaha perlu diteruskan untuk **menyokong daya tahan sektor pelancongan** pada masa hadapan dan merebut peluang yang dicetuskan dalam fasa endemik.
- Pelabur memberikan **penekanan besar terhadap agenda kemampanan** dalam setiap proses membuat keputusan mereka. Sehubungan itu, penjajaran kepada **rangka kerja kemampanan antarabangsa** adalah penting untuk menarik pelabur asing ke NCER. Langkah-langkah strategi yang selaras dengan inisiatif **Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("Environmental, Social and Governance" - ESG) dan pembangunan modal insan** juga diperlukan untuk memastikan perniagaan terus berkembang sepanjang fasa endemik dengan berkesan.

Memperkasakan Penglibatan Sektor Swasta dalam Inisiatif Pembangunan NCER

- **Sokongan tambahan** diperlukan untuk memastikan **kolaborasi sektor awam dan swasta** mencapai potensi sepenuhnya.
- **Pelaburan infrastruktur strategik** oleh pihak awam dan swasta perlu diteruskan untuk menyokong pemulihan ekonomi dan perniagaan yang mampan.

Kajian Lapangan COVID-19

CABARAN DAN PELUANG UTAMA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI NCER

Memastikan Kesejahteraan Rakyat Melalui Jaminan Keperluan Asas & Sekuriti Makanan

ISI RUMAH MISKIN TEGAR bergelut untuk mengatasi kenaikan harga barang setelah bantuan COVID-19 DIHENTIKAN

- Sebilangan besar isi rumah terdedah kepada **gangguan bekalan makanan** semasa fasa pemulihan. Ini disokong oleh dapatan kajian yang melaporkan bahawa 31% isi rumah telah melaporkan kesukaran/kekurangan berkaitan makanan untuk isi rumah.
- Kenaikan Indeks Harga Pengguna (Makanan Dan Minuman Bukan Alkohol) bagi negeri-negeri NCER meningkat secara purata sebanyak 4.9% pada Jun 2022 berbanding tahun sebelumnya.

AKSES KEPADA KEPERLUAN ASAS YANG TIDAK SAMA RATA menghalang pemulihan sepenuhnya bagi **GOLONGAN RENTAN DI KAWASAN LUAR BANDAR**

- 58% masyarakat Orang Asli menghadapi cabaran semasa PKP. 34% mengalami masalah **kesihatan mental (gangguan emosi)** dan 13% tidak dapat mengakses perkhidmatan perubatan yang lebih baik.
- Pada S4 2021, Kadar Penembusan Jalur Lebar mudah alih di NCER adalah lebih rendah daripada purata nasional. Ini menghalang isi rumah untuk meraih manfaat daripada program modal insan dalam talian dan pendidikan kebangsaan/NCIA.

Menangani Cabaran dan Mengukuhkan Ekosistem bagi Industri-industri di NCER

PERGOLAKAN GLOBAL mengganggu daya tahan **RANTAIAN BEKALAN** dan meningkatkan lagi tekanan kepada kadar inflasi dunia

- 72% pengilang dan 83% syarikat pembinaan di NCER mengalami **kekurangan bekalan bahan mentah** mengakibatkan kegagalan memenuhi permintaan yang meningkat.
- Hasilnya, pada Mei 2022, Indeks Harga Pengeluar Pembuatan di Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1%. Justeru, kes pengeluaran perlu dipantau dengan teliti.

LANGKAH-LANGKAH STRATEGI YANG SELARAS DENGAN INISIATIF ESG DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN diperlukan untuk memastikan **perniagaan terus berkembang sepanjang fasa endemik dengan berkesan**

- 62% perniagaan memerlukan **sokongan pengurusan kelestarian alam sekitar** manakala 77% syarikat pelancongan dan pertanian memfokus kepada Perancangan Perubahan Iklim untuk pemulihan yang mampan.
- Malaysia Tidak Mencapai Sasaran Tenaga Buruh Mahir pada tahun 2020. 40% syarikat pembuatan (MNC/LLC) di NCER melaporkan kekurangan pekerja mahir tempatan.

Memperkasa Penglibatan Pihak Swasta dalam Pembangunan Infrastruktur dan Modal Insan

SOKONGAN TAMBAHAN diperlukan untuk memastikan **KOLABORASI SEKTOR AWAM DAN SWASTA** mencapai potensi sepenuhnya

- 69% perniagaan dari semua sektor menekankan keperluan untuk meningkatkan advokasi perniagaan dalam sektor swasta dan awam. 70% perniagaan memerlukan maklumat lanjut tentang proses perolehan kerajaan.
- Sektor pelancongan paling memerlukan sokongan tersebut di mana 77% memerlukan advokasi perniagaan dan 76% memerlukan sokongan proses perolehan.

PELABURAN INFRASTRUKTUR STRATEGIK oleh pihak awam dan swasta perlu diteruskan untuk menyokong pemulihan ekonomi dan perniagaan yang mampan

- 64% perniagaan menyatakan bahawa pelaburan dalam infrastruktur telekomunikasi dan internet adalah sangat diperlukan untuk menyokong e-perniagaan. Ini paling ketara dalam sektor pembuatan di mana 67% perniagaan menekankan keperluan infrastruktur tersebut.
- Kajian Bank Dunia pada tahun 2021 mendapati bahawa Malaysia ketinggalan dari segi Penyertaan Swasta Dalam Infrastruktur (PPI) berbanding negara-negara Asia Tenggara lain.

DASAR-DASAR UTAMA MASA HADAPAN

Merealisasikan Pembasmian Miskin Tegar Keluarga Malaysia

Menubuhkan Dana Swasta Pembangunan Modal Insan

Menjamin Sekuriti Makanan

Mempertingkatkan Perkongsian Awam Swasta

Penjajaran kepada ESG

Memperkuatkan Ekosistem Holistik NCER

Dasar-dasar utama telah dikenal pasti untuk menangani cabaran segera yang menghalang pertumbuhan sosioekonomi NCER serta untuk merebut peluang bagi memangkin daya tahan wilayah ini pada masa hadapan

Kajian Lapangan COVID-19

DASAR STRATEGIK UNTUK MEMASTIKAN PEMULIHAN SOSIOEKONOMI YANG BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN BAGI PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN DI NCER

BIDANG DASAR UTAMA

Penjajaran kepada ESG

MENYELARASKAN RANGKA KERJA ESG dan agenda mampan yang lain untuk menarik pelabur dan **memastikan penerapan aspek ESG dalam pembangunan NCER**, selaras dengan trend global

Memperkuhkan Ekosistem Holistik NCER

Menangani **JURANG EKOSISTEM** pasca pandemik serta memastikan **kesepaduan rantaian ekosistem industri dan sektor di NCER**, yang akan meningkatkan kelebihan daya saing wilayah

Mempertingkatkan Kolaborasi Perkongsian Awam-Swasta

Menekankan **KEPENTINGAN PERKONGSIAN AWAM-SWASTA**; **Meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam projek pembangunan strategik** serta **mengurangkan kebergantungan** kepada dana pembangunan awam

Jaminan Sekuriti Makanan

Selaras dengan hala tuju Kerajaan Persekutuan, dasar ini penting untuk **PEMBANGUNAN STRATEGI DAN INISIATIF YANG BERSASAR** untuk membasmi golongan miskin tegar dan rentan di NCER

Penubuhan Dana Pembangunan Modal Insan Swasta

Dasar utama untuk merangsang dan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam program Modal Insan NCIA bagi memastikan **kemampuan jangka panjang** program tersebut

Merealisasikan Pembasmian Miskin Tegar Keluarga Malaysia

Keperluan untuk menjaga sekuriti makanan domestik di NCER melalui **STRATEGI PEMBANGUNAN PENGELUAR AGROMAKANAN TEMPATAN DAN PROJEK PEMANGKIN** yang akan meningkatkan pengeluaran hasil bagi memenuhi permintaan masa hadapan dan mengurangkan kebergantungan terhadap produk import

Secara keseluruhan, bidang dasar utama yang telah dikenal pasti menekankan peranan NCER dalam memangkinkan pembangunan ekososial dan alam sekitar. Oleh itu, dasar-dasar masa hadapan akan bertindak sebagai penggerak untuk merealisasikan pembangunan ini.

Bagi memastikan impak positif inisiatif-inisiatif di atas dapat dikekalkan secara mampan, adalah penting agar peningkatan dan kesinambungan Program-program Modal Insan Berteraskan Rakyat NCER diteruskan.

Agenda Pembangunan Lestari Di NCER

PENJAJARAN RANGKA KERJA STRATEGIK NCER DENGAN SDG KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN NEGARA / WILAYAH UTARA



Pembangunan projek-projek di NCER turut mengambil kira aspek kelestarian alam sekitar bagi memastikan warisan semula jadi wilayah ini kekal terpelihara

Aspek kelestarian merupakan salah satu elemen penting yang diterapkan oleh NCIA dalam melaksanakan pembangunan sosioekonomi yang seimbang di NCER, sejajar dengan visi Pertumbuhan Dengan Ekuiti. Pembangunan lestari di wilayah ini adalah berpandukan kepada tiga rujukan utama iaitu **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) atau SDP** yang adalah selari dengan agenda kelestarian peringkat nasional dan negeri; **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)**; serta **pematuhan Piawaian ESG ("Environment, Social and Governance") atau Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.**

Di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar merupakan salah satu tujuan strategik utama di wilayah ini berserta Pertumbuhan Ekonomi Mapan dan Kejuruteraan Semula Sosial. Pemuatan terhadap piawaian ESG mencerminkan keseriusan NCIA sebagai sebuah organisasi yang prihatin akan tanggungjawab sosial korporatnya serta impak projek dan program yang dijalankan.

Dari aspek **Alam Sekitar** ("Environment"), NCIA komited untuk terus melaksanakan program dan pembangunan yang mampan dengan mengambil kira kesan jangka panjang terhadap alam sekitar dalam menangani ketidakseimbangan sosioekonomi antara dan intra-wilayah daripada aspek **penggunaan tanah yang efektif, penjimatan tenaga, pemuliharaan sumber asli dan pelepasan sisa yang mampan.**

Agenda Pembangunan Lestari Di NCER



Pemeriksaan golongan rentan melalui peningkatan kemahiran dan keusahawanan merupakan sebahagian daripada usaha pembangunan lestari di NCER

Projek pembangunan taman-taman perindustrian dan projek-projek fizikal yang lain di NCER juga adalah mengikut garis panduan dan spesifikasi laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS).

NCIA turut mengetengahkan pembangunan taman-taman perindustrian yang berkonsepkan **"Eco-Industrial Park"** atau **Taman Perindustrian Mesra Alam** yang mana reka bentuk dan model pengurusan taman perindustrian ini adalah mengikut **standard dan piawaian** yang dibangunkan oleh SIRIM Berhad melalui libat urus bersama pihak NCIA.

Fokus elemen **Sosial** yang difokuskan di NCIA adalah melalui peningkatan usaha memperkasakan kumpulan rentan melalui Program-program Pembangunan Modal Insan yang berteraskan Rakyat. Program-program tersebut memainkan peranan penting dalam memperkasakan rakyat di NCER, terutamanya dari segi meningkatkan kemahiran mereka agar berupaya menjana pendapatan yang lebih tinggi. Ia juga bertujuan **menyediakan kepelbagaian tenaga kerja berkualiti** yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan para pelabur, di

samping menyokong usahawan mikro dan PKS yang merupakan tunjang sektor ekonomi tempatan serta **pengurusan rantaian bekalan** dan **hubungan sesama masyarakat** seiring dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

Dari sudut **Tadbir Urus**, NCIA berusaha untuk merencanakan pentadbiran yang baik bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan ketelusan dalam organisasi. Peranan dan tanggungjawab pelbagai jawatankuasa yang jelas adalah kunci untuk mencapai kecemerlangan operasi NCIA.

Antara perkara yang diberi perhatian adalah pengurusan audit, ketelusan maklumat, prosedur audit dan pelaksanaan projek yang baik. Tadbir urus yang mampan akan menarik minat lebih ramai pelabur susulan keyakinan mereka terhadap keupayaan NCIA untuk membangunkan wilayah ini dengan penuh integriti.

Penjajaran rangka kerja, pendekatan dan sasaran yang ditentukan oleh NCIA ini akan ditambahbaik dari masa ke semasa mengikut kesesuaian, yang mana ia akan menyumbang kepada pembangunan mampan NCER secara langsung dan negara secara tidak langsung.

Agenda Pembangunan Lestari Di NCER

PENJAJARAN RANGKA KERJA STRATEGIK NCER DENGAN SDG KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN NEGARA / WILAYAH UTARA

NCIA komited kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan mengasimilasikan elemen Alam Sekitar, Sosial dan dimensi Tadbir Urus ESG melalui pelaksanaan Projek Strategik dan Program Berimpak Tinggi ke arah Pembangunan Mampan untuk NCER.

Cadangan dan Aspirasi Kemampanan

Alam Sekitar



NCIA komited untuk terus melaksanakan program dan pembangunan yang mampan dengan mengambil kira kesan jangka panjang terhadap alam sekitar dalam menangani ketidakseimbangan sosioekonomi antara dan intra-wilayah.

- Penggunaan Tanah yang Efektif
- Penjimatan Tenaga
- Pemuliharaan Sumber Asli
- Pelepasan Sisa yang Mampan

Sosial



NCIA akan meningkatkan usaha memperkasa Kumpulan Rentan melalui Program-program Modal Insan yang berteraskan Rakyat

- Kepelbagaian Tenaga Kerja
- Hubungan Masyarakat
- Pengurusan Rantaian Bekalan

Tadbir Urus



NCIA berusaha untuk meneruskan tadbir urus yang baik bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan ketelusan. Peranan dan tanggungjawab pelbagai jawatankuasa yang jelas adalah kunci untuk mencapai kecemerlangan operasi NCIA

- Tadbir Urus Korporat
- Ketelusan dan Pelaporan
- Kemampanan Kewangan
- Penglibatan Pihak Berkepentingan

Fokus Utama Kemampanan

Fokus Utama NCIA yang berkaitan SGD

Penyelarasan hala tuju NCIA dengan matlamat kemampanan

Tindakan Kemampanan

Menunjukkan cara bagaimana untuk mencapai fokus utama kemampanan dan sasaran NCIA melalui Kaedah Serampang Tiga Mata

PROJEK STRATEGIK DAN BERIMPAK TINGGI

Menerapkan nilai pembangunan yang mampan dalam setiap projek yang dirancang dan dilaksanakan

PROGRAM MODAL INSAN

Penerapan nilai kelestarian dalam setiap program Modal Insan dan pengurusan NCIA secara umum

PELABURAN YANG MAMPAN

Menerapkan nilai kemampanan dalam setiap keputusan pelaburan

Rangka kerja, pendekatan dan sasaran yang dicadangkan boleh ditambah dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian NCIA

Peristiwa Penting 2021

19 April 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Kedah



20 April 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Perak



Peristiwa Penting 2021

22 April 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Perlis



26 April 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Pulau Pinang



Peristiwa Penting 2021


📅 25 Jun 2021

🏛️ Majlis Komitmen Pelaburan - Pasca Mesyuarat PB26 (Majlis dalam talian)



📅 4 Oktober 2021

🏛️ Majlis Komitmen Pelaburan Negeri Perak (Majlis dalam talian)



Peristiwa Penting 2021

📅 15 Oktober 2021

🏆 Majlis Pelancaran Program Pembangunan Ekosistem Bakat NCER (Majlis dalam talian)



📅 28 Oktober 2021

🏆 Majlis Pelancaran iCON Yan dan Baling (Majlis dalam talian)



Peristiwa Penting 2021

1 November 2021

Majlis Pecah Tanah Projek Bersepadu "Nitrile Butadine Latex" milik Hong Seng Industries Sdn Bhd di Kedah Rubber City (KRC) yang berlangsung di Putrajaya



5-6 November 2021

Lawatan Kerja YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) ke Projek-projek NCER di Kedah



Peristiwa Penting 2021

16 November 2021

Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Ke-27 (PB27) (Mesyuarat secara hibrid)



2-3 Disember 2021

Majlis Pelancaran Jenama Baharu HRD Corp dan Platform Sehati Kebangsaan Untuk Semua Kursus Latihan Pembangunan dan Kemahiran



Kalendar Aktiviti 2021



28 FEB 2021



Kilang Silverstone, Kamunting, Perak

Program Job Fair@Silverstone bersama JomKerja@NCER, JomNiaga@NCER dan NTEP

2 MAC 2021



Pejabat Daerah & Tanah Daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut & Barat Daya

Majlis Sesi Serahan Kit Permulaan Perniagaan Program JomNiaga@NCER

20 MAC 2021



Mukim Siong, Baling, Kedah

Penyampaian sumbangan kepada penerima KIDA oleh Kementerian Kewangan Malaysia bersama pihak NCIA di Mukim Siong, Baling Kedah.

24 MAC 2021



Kolej Komuniti Seberang Jaya

Majlis Tamat Latihan Kursus Spa & Penyerahan Kit Perniagaan Peserta Kursus Pendawaian Elektrik dan Fotografi empowerNCER Daerah Seberang Perai Tengah

Kalendar Aktiviti 2021



11 APR 2021



Masjid Bagan Nyiur, Juru

Program "Corporate Social Responsibility" empowerNCER Daerah Seberang Perai Tengah

12 APR 2021



Ibu Pejabat NCIA, Pulau Pinang

Sesi Townhall NCIA

10 APR 2021



Kedah Digital Library

Lawatan Pihak Media

11 APR 2021



Dewan Warisan, Kangar, Perlis

Temuduga Terbuka Untuk Rakyat Perlis bersama Jabil Circuit dan Program JomKerja@NCER dan NTEP

Kalendar Aktiviti 2021

23 APR 2021



Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

Majlis Tamat Latihan Kursus Spa dan Penjagaan Wanita Dan Kursus Dandan Rambut empowerNCER Daerah Barat Daya

6 MEI 2021



Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Ahmad, Tapah Road, Perak

Program Kasih Komuniti empowerNCER Daerah Batang Padang

30 APR 2021



Pusat empowerNCER Perlis


Penyerahan Kit Permulaan JomNiaga@NCER

10 JUN 2021



Secara Dalam Talian

Pengumuman Keputusan SPM 2020



Kalendar Aktiviti 2021

13 JUN 2021



Kebun En. Najib Johari, Kg. PIDA 3

Verifikasi peserta empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

21 JUN 2021



Secara Dalam Talian

Majlis Pertukaran Perjanjian Kerjasama Antara NCIASIRIM dan SIRIM Untuk Pelaksanaan Program entrepreneurNCER-SIRIM

23 JUL 2021



Pejabat NCIASIRIM, Cyberjaya

Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri ke NCIASIRIM

28 JUL 2021



Bilik Gunasama, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis

Sesi Penyerahan Kad Kasih Ibu Perlis (KIP) Fasa 1 bersama YAB Menteri Besar Perlis



Kalendar Aktiviti 2021



28 JUL 2021



 **Kedah, Perlis dan Perak**

 Penyerahan "Cashless Card" Program Kasih Ibu NCER

Kalendar Aktiviti 2021



20 OGOS 2021



 **Secara Dalam Talian**

 Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SPM
2020 empowerNCER Akademik

14 SEPT 2021




 **Secara Dalam Talian**

 Majlis Gerak Kerja Penggiat Industri
Pelancongan Langkawi

16 OKT 2021



 **Guar Kepah**

 Lawatan Kerja oleh Timbalan Ketua
Setiausaha Kanan Jabatan Perdana
Menteri ke Guar Kepah

2 OKT 2021



 **Kedah Rubber City (KRC)**

 Lawatan Kerja YB Menteri Pembangunan
Luar Bandar ke KRC

Kalendar Aktiviti 2021

21-27 NOV 2021



 **Dubai**

 Majlis Pembukaan Minggu Ke-8 Expo 2020 Dubai bertemakan "Northern Corridor Economic Region: Your Preferred Investment Destination in Malaysia"

9 DIS 2021




 **SPICE Arena, Pulau Pinang**


 Pembentangan tentang NCER di Forum BE@Penang 2021

28 OKT 2021



 **Secara Dalam Talian**

 Penyerahan Surat Tawaran kepada usahawan di daerah Baling dan Yan di bawah Program entrepreneurNCER-SIRIM



Kalendar Aktiviti 2021

9-12 DIS 2021



 **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC),
Kuala Lumpur**

 Penyertaan Dalam Pameran 100 Hari
Aspirasi Keluarga Malaysia

10 DIS 2021



 **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)**

 Lawatan Kerja UNIMAP ke CVIA



NCER Di Media 2021

PERAK

Targeted teaching for Orang Asli children

Programme aims to improve academic achievement, school attendance among 900 pupils



Targeted teaching programme for Orang Asli children in Perak aims to improve academic achievement and school attendance among 900 pupils.

The programme is a three-year initiative under the National Literacy Campaign (NLC) and is implemented in 10 schools in the state.

The programme is designed to improve the literacy skills of Orang Asli children and to provide them with the necessary skills to be able to attend school.

The programme is implemented in 10 schools in the state, including:

- 1. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 2. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 3. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 4. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 5. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 6. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 7. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 8. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 9. Sekolah Kebangsaan (SK) ...
- 10. Sekolah Kebangsaan (SK) ...

Segerakan pembinaan loji rawatan air di Kedah Rubber City

WOLINGA HANJIM | 12 October 2021

Listen



Segerakan pembinaan loji rawatan air di Kedah Rubber City. Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Hanjib Bejo, menegaskan bahawa kerajaan negeri akan memastikan projek ini selesai dalam masa terdekat.

Projek ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan negeri untuk meningkatkan infrastruktur awam di Kedah Rubber City. Projek ini akan melibatkan pembinaan loji rawatan air yang mampu memproses 100,000 liter air sehari.

Projek ini akan melibatkan pembinaan loji rawatan air yang mampu memproses 100,000 liter air sehari. Projek ini akan melibatkan pembinaan loji rawatan air yang mampu memproses 100,000 liter air sehari.

Pendekatan NCIA patut dicontohi agensi lain

Oleh DATUK DR ANIS YUSAL YUSOFF | 26 Ogos 2021



Pendekatan NCIA patut dicontohi agensi lain. Datuk Dr Anis Yusal Yusoff menegaskan bahawa pendekatan NCIA dalam melaksanakan projek-projek pembangunan adalah sangat berkesan dan patut dicontohi oleh agensi-agensi lain.

NCIA telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. Pendekatan NCIA dalam melaksanakan projek-projek pembangunan adalah sangat berkesan dan patut dicontohi oleh agensi-agensi lain.

NCER investments have exceeded goal, says Ismail Sabri



NCER investments have exceeded goal, says Ismail Sabri. Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Hanjib Bejo, menegaskan bahawa NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

NCER TARIK PELABURAN RM16B

Bakal sedia 19,652 peluang pekerjaan meskipun berdepan cabaran pandemik

Walaupun menghadapi cabaran pandemik, NCER berjaya menarik pelaburan sebanyak RM16 bilion. NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

NCIA expands programmes to hire vulnerable groups



NCIA expands programmes to hire vulnerable groups. NCIA telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

NCIA telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. NCIA telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

10 program kongsi rezeki Ramadan

Georgetown: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bekerjasama dengan panel penyedia perkhidmatannya di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) merangkumi Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis dalam melaksanakan lebih 10 program Ram-

NCIA sasar sedia 14,487 peluang kerja

Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menyatakan sebanyak 14,487 peluang pekerjaan baharu bagi wilayah ini sepanjang 2021.

NCIA telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. NCIA telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

Perak

Programme helps enhance academic and personal development skills of 900 Orang Asli pupils >4



Programme helps enhance academic and personal development skills of 900 Orang Asli pupils >4. NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur. NCER telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.



NCER Di Media 2021

Kerajaan Perak kemukakan 1,389 projek keutamaan bernilai RM27.58 bilion - RMK12

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin (right) during the 2nd Northern Corridor Implementation Authority Council meeting yesterday.

Job opportunities expected in NCER

Photo: The Star/2021/02/25/10:00pm/10:00pm/10:00pm

Company to invest RM3bil in world's largest nitrile butadiene facility in Kedah

Photo: The Star/2021/02/25/10:00pm/10:00pm/10:00pm

Wang i-Sinar beri harapan baharu

Photo: The Star/2021/02/25/10:00pm/10:00pm/10:00pm

PENGELUARAN Caraman akan satu Kompadan Wang Simulasi Pekerja (KWSP) menerusi akaun i-Sinar memberi tujah baharu kepada orang-orang yang telah dibenarkan kerja secara mengasing.

Utang yang diutang oleh setiap pencarab KWSP, Noor Izzah Sinar, 36, yang kini amat terganggu hangus kepada pengeluaian wang i-Sinar diberikan sejak Disember tahun lalu.

Menerusnya, bapang hanya RM5,000 yang dituntaskan tarikh akan satu



Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin (right) during the 2nd Northern Corridor Implementation Authority Council meeting yesterday.

NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY

RM16b investments bagged year-to-date

KUALA LUMPUR: The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) has secured investments worth more than RM16 billion this year despite the Covid-19 pandemic. The investments have created 2,030 jobs, a testament to investor confidence in the plans such as the Covid-19 recovery plan and the implementation of Basan capital programmes.

Muhyiddin said the investments showed investors' confidence in the viability of Malaysia and the Northern Corridor Economic Region (NCER) vision.

He said the investments are from Hong Kong, Singapore, India, the UK, Japan and the US, totalling RM16.5 billion.

NCIA chief executive Datuk Seri Johasingam Isaac John said

NCSIP bantu NCER tawar pekerja baharu

Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) memperkukuhkan Program Intervensi Strategik Industri Terjejas Covid-19 Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCSIP) bagi memulakan laluan pasaran perniagaan yang berkesan akibat pandemik itu.

Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, Datuk Seri Johasingam Isaac John berkata, NCSIP bertujuan memulakan syarikat di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCSIP) memulakan kerja baharu untuk pekerja diberhentikan memulakan padanan kerja dengan perniagaan lain serta mencipta peluang untuk syarikat melalui program intervensi ini. Pada NCIA ini (kemungkinan) NCER dan Program Peningkatan Kualiti NCER (NCSIP) Talent Enhancement Programme) atau NCSIP.

NCIA chief executive Datuk Seri Johasingam Isaac John said



JOHASINGAM kan kon tenaga kerja masing-masing. "Daru-baru ini, telah ada pekerja diberhentikan yang bakal diberhentikan menjelang 30 Jun 2021 kerana mereka telah diberhentikan kerana kerja baharu oleh Yang

NCIA wujud 2,030 peluang kerjaya

NCIA wujud 2,030 peluang kerjaya

Photo: The Star/2021/02/25/10:00pm/10:00pm/10:00pm

NCER tarik pelaburan RM15.6 bilion

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) menarik pelaburan bernilai RM15.6 bilion tahun lalu dan melepasi sasaran awalnya bagi tahun ini iaitu RM7 bilion di sebuah pameran pandemik COVID-19.

Wilayah ekonomi ini terus melaksanakan projek berimpak tinggi dan program modal insan penting bagi menyokong perniagaan serta ekosistem rantaian bekalan seperti termaklumlah dalam Pelan Pembangunan Strategik (SDP) NCER 2021-2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Seri Johasingam Isaac John, berkata pencapaian pada 2020 adalah bukti usaha diundi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan menyediakan aktiviti ekonomi mantap kepada komuniti perniagaan.

"Inisiatif pemuliharaan sosioekonomi termasuk dalam SDP NCER 2021-25 memberikan impak positif kepada rakyat, selain sejajar dengan inisiatif pemuliharaan negeri dan Persekutuan," katanya memulakan satu kenyataan.

diadakan semalam dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mengenai peluang kerja, NCIA mendapat sasaran pelaburan, selain mewujudkan lebih dari 22,000 pekerjaan dalam sektor pembinaan, logistik, ekonomi digital, pelancongan, agribio serta ekonomi hijau.

Ini memulakan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembiayaan Pelaburan Malaysia (MLA).



NCER berjaya menarik pelaburan RM15.6 bilion tahun lalu melepasi sasaran RM7 bilion



Sila imbas kod QR untuk membaca berita yang lebih lanjut tentang NCER



LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER



RM26.27 Bilion Pelaburan Diluluskan (2021)



30,573 Peluang Pekerjaan Dari Pelaburan Diluluskan (2021)



RM25.33 Bilion Pelaburan Direalisasi (2021)



17 Syarikat Bumiputera di Bawah DU@NCER (2021)

- Dengan Jumlah Pelaburan **RM622 juta**

Pelaburan berteraskan teknologi dan bernilai tambah tinggi merupakan fokus utama di NCER bagi memastikan kelestarian ekonomi wilayah ini

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

NCER: DESTINASI PELABURAN KOMPETITIF PILIHAN UTAMA



Kelebihan daya saing NCER sebagai sebuah destinasi pelaburan utama semakin mendapat perhatian di peringkat antarabangsa

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah mengalami pertumbuhan yang progresif dan konsisten sejak penubuhannya pada tahun 2007. Setiap negeri wilayah ini iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, masing-masing mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri yang dimanfaatkan oleh pihak NCIA untuk menjadikan NCER sebagai sebuah wilayah ekonomi dan destinasi pelaburan yang bertaraf dunia.

Ekosistem pelaburan di NCER kini telah berkembang dan membangun dengan pesat, diterajui oleh **industri-industri berasaskan teknologi dan kejuruteraan** yang didorong oleh tenaga kerja terlatih, rangkaian logistik yang cekap dan canggih, persekitaran perniagaan yang dinamik dan kewujudan syarikat-syarikat multinasional yang memiliki rangkaian dan pasaran global. NCER juga mempunyai kelebihan dari segi geografi dan lokasinya yang strategik di tengah-tengah rangkaian logistik dari

timur dan barat, serta mudah diakses melalui jalan darat, udara dan laut.

Satu lagi faktor penting yang menyumbang ke arah ekosistem pelaburan di wilayah ini ialah peranan proaktif yang dimainkan oleh NCIA dalam **memudah cara urusan para pelabur** di NCER dengan membantu dan memberi panduan kepada syarikat-syarikat yang melabur di wilayah ini. Dalam hal ini, NCIA berperanan sebagai pusat sehati yang menawarkan penyelesaian lengkap terhadap semua keperluan mereka. NCIA juga menyediakan khidmat pepadanan perniagaan antara syarikat dengan agensi-agensi Kerajaan dan juga institusi-institusi pengajian tinggi untuk menyediakan sokongan dan rangkaian hubungan perniagaan yang diperlukan oleh mereka. Ekosistem pelaburan yang menyeluruh dan komprehensif ini memastikan pengalaman yang menyenangkan dan lancar untuk para pelabur dalam urusan mereka.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Bagi memastikan keperluan para pelabur dapat dipenuhi secara efektif, NCIA aktif mengadakan sesi libat urus bersama para pemegang taruh yang berkaitan, antaranya:



Kementerian Kewangan (MOF)

Rundingan berterusan untuk pakej pemberian insentif kepada pelabur-pelabur di NCER.



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Kerjasama untuk NCER mendapat limpahan pelaburan berimpak tinggi daripada pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa.



Agensi Promosi Pelaburan Negeri serta Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN)

Untuk memudahkan rundingan dan penyelarasan pelaburan di peringkat negeri, di samping membantu mempercepatkan kelulusan bagi insentif-insentif Kerajaan Negeri serta permohonan pembangunan dan sebagainya.


NCIA juga menjalinkan kerjasama erat dengan pihak akademia dan badan-badan swasta yang turut memainkan peranan dalam merencanakan ekosistem pelaburan di NCER. Dalam hal ini, pelbagai insentif telah disediakan dengan mengambil kira keperluan khusus industri demi memastikan penawaran yang kompetitif dan menarik untuk para pelabur.

Hubungan Strategik Dengan Agensi Pusat, Negeri dan Lain-Lain


Agensi Pusat	Agensi Negeri	Akademik & Agensi Lain
MOF, MITI, MIDA, LHDN, MOTAC, EPU, dll.	BPEN, PKNP, PKNK, PDC, InvestPerak, InvestKedah, InvestPenang, dll.	MIGHT, EEPN, MEPN, SIRIM, USM, UNIMAP, UUM, HRDCorp, PASAK, KISMEC, TalentCorp, CREST, dll.

RINGKASAN PENCAPAIAN UTAMA PELABURAN NCER PADA 2021

Pelaburan Diluluskan & Direalisasikan berbanding Sasaran



Pewujudan Pekerjaan Diluluskan & Direalisasikan berbanding Sasaran



Mengikut Sektor



Pembuatan
RM21.32 Bil.



Logistik
RM125 juta



AgriBio
RM149 juta



Pelancongan
RM585 juta




Ekonomi Digital
RM554 juta



Ekonomi Hijau
RM382 juta

Mengikut Sumber



Mengikut Program/Projek

NTAX@NCER Tax Incentives	RM7.93 Bil.
Kedah Rubber City (KRC)	RM3.055 Bil.
DU@NCER Dana Usahawan NCER	RM0.27 Bil.
EntrepreneurNCER	RM0.10 Bil.
NTEP@NCER Talent Enhancement Programmes	RM14.91 Bil.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Pencapaian Pelaburan 2021

Tatkala komuniti pelaburan dunia masih terkesan dengan impak pandemik COVID-19, tahun 2021 merupakan **tahun yang serba mengatasi jangkauan** buat NCER apabila ia berjaya menarik pelaburan diluluskan sebanyak **RM26.27 bilion**, sekaligus melepasi sasarannya iaitu RM16 bilion.

Jumlah pelaburan ini merupakan yang **tertinggi** dicatatkan oleh wilayah ini **sejak penubuhannya** pada tahun 2007, sekaligus membuktikan daya saing NCER yang tinggi di kalangan para pelabur. Pelaburan tersebut dijangka akan mewujudkan **30,573 peluang pekerjaan** untuk rakyat tempatan, berbanding sasaran 20,000 peluang pekerjaan.


Pelaburan direalisasikan pada 2021 adalah berjumlah **RM25.33 bilion**, jauh mengatasi sasaran sebanyak RM5 bilion, dan mencipta 23,304 peluang pekerjaan.

Pencapaian cemerlang ini berjaya direalisasikan hasil pendekatan bersepadu yang dilaksanakan oleh NCIA dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Negeri, yang merangkumi **penyediaan sokongan untuk industri, pembangunan usahawan tempatan** yang mampu mengukuhkan rantaian bekalan, **sokongan untuk pembangunan bakat tempatan**, serta merangsang

pembangunan industri terutamanya dalam sektor **pembuatan dan perkhidmatan**. Kedudukan NCER sebagai destinasi pembuatan dan perkhidmatan yang pesat membangun adalah hasil daripada pelbagai insentif yang ditawarkan dan keupayaan membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak IR4.0.

Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 59% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di NCER, manakala 41% adalah daripada pelaburan langsung asing (FDI). Sektor **pembuatan** merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan di NCER, dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM21.3 bilion**, diikuti oleh pelancongan (RM585 juta) dan Ekonomi Digital (RM554 juta). Kluster-kluster pelancongan dan ekonomi digital di wilayah ini dijangka akan terus berkembang pesat dalam tahun-tahun mendatang dengan situasi COVID-19 yang kian pulih.

Pertumbuhan pelaburan yang dinamik di NCER dipacu oleh sektor-sektor utama yang merangkumi **Pembuatan; Perkhidmatan** yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan; Pendidikan dan Ekonomi Digital; Perniagaan Tani; Petrokimia; Perlombongan Mapan; dan, Ekonomi Hijau**.



Dari segi negeri, Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan berjumlah RM11.143 bilion, diikuti oleh Kedah (RM10.469 bilion), Perak (RM4.627 bilion) dan Perlis (RM28 juta).


Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

MENYEDIAKAN SOKONGAN UNTUK INDUSTRI: PAKEJ INSENTIF RANGSANGAN PASCA COVID-19, NTAX DAN NTIC

Kejayaan NCER dalam mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah destinasi pelaburan bertaraf dunia dalam era pandemik adalah **hasil tindak balas pantas NCIA** bagi memastikan para pelabur terus berminat untuk menjadikan NCER sebagai lokasi pilihan mereka. Ini termasuk memperkenalkan **Pakej Insentif Rangsangan Pasca COVID-19** untuk para pelabur dan mengadakan sesi libat urus bersama para pelabur dan pemegang taruh secara aktif dan konsisten.

Untuk jangka masa panjang, NCIA turut memperkenalkan **Pakej Galakan Cukai NCER (NTAX)** dan **NCER Technology Innovation Centre (NTIC)** bagi memastikan wilayah ini terus kekal berdaya saing dalam senario pelaburan global melalui insentif cukai dan peluang-peluang dalam menggalakkan inovasi berteknologi tinggi.

Pakej Rangsangan Insentif NCER Pasca COVID-19



Salah satu kunci kejayaan utama NCER dalam mengekalkan daya tarikkannya di kalangan pelabur dalam era pandemik ialah **penyediaan sebuah pakej insentif** oleh NCIA untuk menarik pelabur, sejajar dengan model "Public-Private Partnership 3.0" yang dilancarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, bagi memangkin pertumbuhan pelaburan di NCER.

Pandemik COVID-19 pada tahun 2019 dan 2020 telah memberi kesan negatif kepada pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) di Malaysia. Kerajaan Persekutuan begitu prihatin serta mengambil berat terhadap perkara ini di mana Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi ("Economic Action Council Meeting") pada 26 Ogos 2020 telah menekan dan menyarankan agar Malaysia mengambil langkah drastik untuk menarik pelaburan secara lebih agresif terutamanya **dalam tempoh dua tahun yang akan datang (2020-2022)** bagi menangani impak COVID-19 terhadap ekonomi negara dan mengembalikan rentak pembangunan yang terkesan akibat pandemik tersebut.


Sehubungan itu, NCIA telah merumus dan mencadangkan Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19 untuk NCER kepada Kementerian Kewangan yang merangkumi **insentif fiskal dan insentif bukan fiskal yang lebih kompetitif dan menyeluruh** melalui perbandingan daya saing insentif terkini dengan negara-negara ASEAN. Pada 11 Januari 2021, Kementerian Kewangan telah meluluskan **Pakej Rangsangan Insentif untuk Menggalakkan Pelaburan dan Pemulihan Ekonomi 2020-2022 Pasca COVID-19 untuk NCER** yang boleh ditawarkan kepada para pelabur mengikut syarat kelayakan tertentu sehingga **31 Disember 2022**.

Pakej Insentif Rangsangan Pasca COVID-19 ini bertujuan untuk menarik pelabur secara agresif dalam norma baharu dan menawarkan insentif cukai khas. Pakej tersebut merupakan pendekatan berimpak tinggi bagi pemulihan dan daya tahan ekonomi di NCER dalam tempoh jangka panjang (2023-2025), yang mana ia berjaya menarik minat lebih daripada **RM30 bilion pelaburan baharu** yang akan mewujudkan 15,000 pekerjaan untuk rakyat, serta berupaya mempercepatkan realisasi pelaburan di wilayah ini.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

PAKEJ RANGSANGAN INSENTIF PASCA COVID-19

① Pakej Rangsangan Ini Telah Diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 11 Januari 2021 (Secara Kes Demi Kes)

	10+5 tahun 100% + 5 tahun 50% Pengecualian Cukai Pendapatan	100% Elaun Cukai Pelaburan sehingga 15 tahun	Pertimbangan Berdasarkan Merit <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaburan strategik dan bernilai tinggi 2. Projek mempunyai limpahan ekonomi yang besar kepada negara: <ol style="list-style-type: none"> a. Pembangunan vendor b. Peluang pekerjaan c. Memanfaatkan sumber tempatan d. Meningkatkan eksport e. Mewujudkan ekosistem industri di kawasan berkenaan.
	Pengecualian Duti Import	Pengecualian Duti Setem	

② Insentif Yang Diluluskan Mengikut Negeri

PERLIS

1. Potongan premium tanah antara 10% hingga 30%
2. Bayaran cukai tanah 75% dan 25% secara berperingkat untuk tahun pertama dan kedua
3. Pengecualian caj perkhidmatan untuk perkhidmatan BPEN
4. Kelulusan sementara untuk projek pembangunan dalam tempoh 2 minggu
5. Pengurangan 10% cukai taksiran selama 2 bulan untuk pelabur baharu aktiviti pergudangan dan pembuatan
6. Pengurangan yuran pelesenan selama 2 tahun untuk pelabur baharu dalam aktiviti pergudangan dan pembuatan

PERAK

1. Perundingan khas melalui Pusat Pelaburan (COI@InvestPerak) sebelum penyerahan untuk kelulusan Kebenaran Merancang
2. Potongan 10%-30% ke atas premium tanah berdasarkan nilai pelaburan
3. Kelulusan khas untuk memulakan kerja-kerja awal selepas penyerahan permohonan KM kepada PBT
4. Kelulusan segera KM dalam tempoh 21 hari selepas penyerahan dokumen lengkap bagi pembangunan di zon perindustrian
5. Pulangan cukai pintu selama 3 tahun antara 5% hingga 15% berdasarkan nilai pelaburan

KEDAH

1. Kelulusan segera daripada jabatan dan agensi negeri;
2. "One-Stop Centre" oleh Invest Kedah Berhad & BPEN;
3. 60+39 tahun pajakan tanah tertakluk kepada kelulusan MMK Kedah dan
4. Lanjutan tempoh pajakan ke atas tanah perindustrian sedia ada untuk pelabur baharu

PULAU PINANG

1. Pulangan 10% ke atas nilai tanah PDC bagi nilai pelaburan melebihi RM1 bilion dalam tempoh 5 tahun dari Tarikh SPA
2. Pengecualian KM daripada PBT bagi Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Taman Perindustrian Bayan Lepas (BLIP) dan kawasan industri lain di bawah PDC. Pelabur dikehendaki mengemukakan pelan bangunan kepada PBT

Kerajaan-kerajaan Negeri turut menawarkan beberapa insentif tambahan kepada para pelabur di bawah bidang kuasa masing-masing untuk menjadikan insentif rangsangan ini lebih menarik dan berdaya saing.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

NCIA juga telah bertindak pantas dengan mengenal pasti sektor-sektor yang berpotensi untuk terus berkembang serta strategi-strategi baharu bagi memastikan kesinambungan pelaburan di NCER di kala pandemik COVID-19 melanda. Ini termasuk farma dan peranti perubatan, elektrik dan elektronik (E&E), mesin dan peralatan, e-dagang dan ekonomi gig, pertanian dan keselamatan makanan, serta logistik.

Sehubungan itu, beberapa strategi telah dirangka untuk pelaburan dalam era pasca COVID-19 di NCER, antaranya:

- **Memanfaatkan peluang dan menyokong aliran keluar pelaburan langsung asing (FDI) dari negara-negara Timur Jauh**
- Meningkatkan fokus kepada **aliran pelaburan langsung tempatan (DDI)** khususnya di kalangan **para pelabur sedia ada, syarikat konglomerat tempatan dan PKS yang berdaya maju**
- Mempromosikan **pakej insentif JomKerja@NCER** untuk meningkatkan pengambilan tenaga kerja, khususnya di kalangan pekerja yang baru diberhentikan akibat pandemik COVID-19 dan graduan tempatan
- **Mempermudahkan proses pelaburan** untuk menarik lebih banyak syarikat untuk melabur di NCER
- **Mengukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi pelaburan lain** di peringkat Persekutuan dan negeri untuk merangsang aktiviti pelaburan melalui **penawaran insentif fiskal dan bukan fiskal** yang lebih kompetitif.

Pakej Galakan Cukai NCER (NTAX)

Pakej Galakan Cukai NCER (NTAX) adalah insentif fiskal yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 13 Ogos 2019 untuk menggalakkan **pelaburan strategik dan bernilai tinggi** untuk memacu pembangunan di NCER.

NTAX merupakan insentif fiskal yang komprehensif ditawarkan sehingga Disember 2025 untuk **pelaburan strategik dan bernilai tinggi** bagi aktiviti-aktiviti yang digalakkan di NCER, khususnya sektor-sektor pembuatan, pertanian & bio-industri, pelancongan, logistik, ekonomi digital, petrokimia, R&D sains perubatan, dan pendidikan.

PAKEJ GALAKAN CUKAI NCER (NTAX)

Pakej Galakan Cukai yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sehingga 2025 adalah seperti berikut:

Negeri / Kategori	Taraf Perintis	Elaun Cukai Pelaburan	Duti Import	Duti Setem
N1  PERLIS  PULAU PINANG	100% pengecualian cukai pendapatan sehingga 15 tahun	100% elaun sehingga 10 tahun	Dikecualikan	50% pengurangan ke atas surat cara pindah milik atau pajakan tanah
N2  KEDAH  PERAK	70% pengecualian cukai pendapatan sehingga 10 tahun	70% elaun sehingga 10 tahun	Dikecualikan	Tidak Berkenaan
KAWASAN KHAS YANG DIPROMOSIKAN Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Barat Daya Pulau Pinang Selama, Kerian, Hulu Perak, Perak Tengah, Kuala Kangsar, Bagan Datuk, Hilir Perak, Kampar, Batang Padang, dan Larut dan Matang	Pengecualian sehingga 100% pengecualian cukai pendapatan sehingga 15 tahun	Elaun sehingga 100% sehingga 10 tahun	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan

Produk/
Aktiviti
Digalakkan
di NCER



Pembuatan



Pertanian dan Bio-Industri



Pelancongan



Logistik



Ekonomi Digital



Petrokimia



R&D Sains Perubatan dan S&T



Pendidikan

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER



NTax menawarkan galakan cukai bersamaan **Taraf Perintis ("Pioneer Status")** iaitu pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun, atau **Elaun Cukai Pelaburan (ECP)** yang menawarkan elaun sehingga 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh sehingga 10 tahun. Pakej insentif ini juga ditawarkan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di wilayah ini yang dijalankan oleh syarikat-syarikat pembuatan dan syarikat pembangunan biji benih. Pakej Galakan Istimewa juga turut ditawarkan kepada projek pelaburan berimpak tinggi dan berkualiti di daerah-daerah yang telah dikenal pasti di wilayah ini.

NTAX: AKTIVITI YANG DIPROMOSIKAN

1 PEMBUATAN

-  Aeroangkasa
-  Peranti Perubatan
-  Pembuatan Aditif
-  Teknologi Hijau
-  Automotif

2 PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

-  Syarikat R&D
-  R&D Kontrak
-  R&D Dalaman ("In-House")

3 PERNIAGAAN TANI & INDUSTRI BIO

-  Pertanian Mapan
-  Pemprosesan Hasil Pertanian
-  Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Benih
-  Industri Halal
-  Perkhidmatan Teknologi Hijau
-  Superfoods / Superfruits (Huluhan)
-  Superfruits / Superfoods (Hiliran)



4 PETROKIMIA

Produk dan aktiviti berkaitan kimia dan petrokimia yang dipromosikan di bawah PIA 1986

5 PERKHIDMATAN (PENDIDIKAN)

-  Sekolah Antarabangsa / Swasta
-  Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPT)
-  Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

6 PERKHIDMATAN (PELANCONGAN)

-  Projek Pelancongan
-  Pelancongan Kesihatan
-  Perniagaan Hotel
-  Pelancongan Perniagaan

7 PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL (GBS)

Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO)

Penyumberluaran Proses Pengetahuan (KPO)

Penyumberluaran Teknologi Maklumat (ITO)

8 PERKHIDMATAN (LOGISTIK)

-  Pemajuan Muatan
-  Perkhidmatan Pengangkutan
-  Pergudangan
-  Pengurusan Rantaian Bekalan
-  Pengagihan
-  Lain-lain Perkhidmatan Berkaitan dan Perkhidmatan Nilai Tambah

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

PENCAPAIAN NTAX BAGI TAHUN 2021

PENCAPAIAN PELABURAN 2021

JUMLAH PELABURAN

RM7.93
BILION

PELUANG PEKERJAAN

16,095
PEKERJAAN

MENGIKUT SEKTOR

PEMBUATAN

RM7.65
Bilion

15,839
Peluang Pekerjaan

PERKHIDMATAN
(PELANCONGAN)

RM0.26
Bilion

256
Peluang Pekerjaan


KELULUSAN KUMULATIF PAKEJ RANGSANGAN INSENTIF PASCA COVID-19

PELABURAN

RM2.41
BILION

PELUANG PEKERJAAN

4,791
PEKERJAAN



KEDAH

RM4.61
BILION

11,178
Peluang Pekerjaan

4
Syarikat



PULAU PINANG

RM0.22
BILION

414
Peluang Pekerjaan

2
Syarikat



PERAK

RM3.10
BILION

4,503
Peluang Pekerjaan

5
Syarikat

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Pada tahun 2021, NTAx menyumbang sebanyak **RM7.93 bilion (30.2%)** daripada jumlah keseluruhan projek pelaburan baharu diluluskan di NCER yang berjumlah RM26.27 bilion. Pelaburan baharu ini disumbangkan oleh sektor pembuatan (96.7%) dan pelancongan (3.3%). Ia akan mewujudkan sebanyak 16,095 (52.6%) peluang pekerjaan baharu daripada 30,573 peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan di sepanjang tempoh projek pelaburan.



Perbincangan antara Walta Group, PG Medic Sdn Bhd & UniMAP mengenai cadangan untuk mengeluarkan peralatan perubatan Halal di Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Perlis



Mesyuarat "National Committee on Investment" (NCI) secara dalam talian bagi menilai pembentangan NCIA untuk kelulusan projek pelaburan



Bengkel yang disertai oleh pegawai NCIA, SRS Consortium dan Tetuan Deloitte berkenaan cadangan projek pelaburan baharu di Pulau Pinang



Lawatan ke tapak projek dan fasiliti pengeluaran syarikat Lypometal Sdn Bhd di Gurun, Kedah



Pembinaan Silverlake Brand Outlet @ KintaValley telah siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2021, namun pembukaan rasmi telah ditunda akibat pandemik



Lawatan tapak ke Frazel Heritage Hotel yang terletak di Alor Setar, Kedah. Hotel ini dijangka akan siap sepenuhnya pada Disember 2022



Kilang Onetexx Sdn Bhd yang terletak di Kawasan Perindustrian Kamunting Raya, Perak telah siap sepenuhnya dan memulakan operasi pada Oktober 2021

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

TESTIMONI

Perjalanan Yang Lebih Selesa Bermula Di Sini



Insentif NTAX membantu aliran tunai hotel dalam operasi seharian kami. Pada masa yang sama, penjimatan cukai akan turut membantu pihak hotel dari segi perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan seluruh bangunan hotel di sepanjang tempoh insentif. Kesemua ini akan mengukuhkan kedudukan hotel untuk memberikan perkhidmatan hospitaliti yang lebih baik kepada para tetamu dan pelanggan.”



**Tan Swee Leng,
Pengarah,
TSH Hotels &
Apartments Sdn Bhd**

Lokasi:
Teluk Intan, Perak

Nilai Pelaburan:
RM10.1 juta

Pewujudan Pekerjaan:
36

Terminal Kargo Pukul Paling Efektif & Produktif di Malaysia



Pertumbuhan perniagaan akan sentiasa berada di momentum positif untuk kami menjana lebih banyak peluang bagi menarik pelanggan baharu melalui caj pelaburan yang kompetitif dan perkongsian manfaat insentif NTAX. Insentif ini pastinya akan meningkatkan modal kerja kami melalui pengurangan kadar cukai dan memberikan kami lebih motivasi untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan kecekapan operasi terminal bagi meraih perolehan yang lebih tinggi.”



**Asrul Anuar,
Pengurus Projek & Perancangan,
Lumut Maritime Terminal
Sdn Bhd**

Lokasi:
Manjung, Perak

Nilai Pelaburan:
RM400 juta

Pewujudan Pekerjaan:
150

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

TESTIMONI

Hotel Mewah Berhadapan Laut Jadi Tarikan Pengunjung



Industri hotel di Pulau Langkawi sudah kembali rancak dan dipenuhi ribuan pengunjung sejak pembukaan semula sempadan negara. Oleh itu, insentif NTAX yang diperoleh bakal memberi impak besar kepada operasi hotel kami kelak. Para pelabur swasta yang lain juga perlu mengambil peluang daripada insentif seperti ini, terutamanya mereka yang menceburi industri pelancongan.”



Ooi Cheng Yan
Naib Presiden,
Tengah Resort Sdn Bhd

Lokasi:
Pulau Langkawi, Kedah

Nilai Pelaburan:
RM80.95 juta

Pewujudan Pekerjaan:
129

Hotel Resort Berimej Segar di Destinasi Kembara Yang Mempesona



NTAX bakal memberi impak kepada operasi hotel kami apabila dibuka kelak. Tambahan pula, NTAX bakal membantu projek-projek pembangunan yang lebih besar terutamanya dalam sektor pelancongan untuk menikmati insentif cukai dan memulihkan perbelanjaan modal.”



Naina Mohamed
Bin Sultan Abdul Kadir
Pengarah,
Inspirasi Langkawi Sdn Bhd

Lokasi:
Pulau Langkawi, Kedah

Nilai Pelaburan:
RM128.1 juta

Pewujudan Pekerjaan:
156

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

NCER Technology Innovation Centre (NTIC)

Kewujudan ekosistem yang mesra pelabur dan mampan merupakan salah satu tarikan utama di NCER, terutamanya dalam menarik pelaburan bernilai tinggi dan berteraskan teknologi maju.

Sehubungan itu, NCI telah mewujudkan **NCER Technology Innovation Centre (NTIC)** bagi mengukuhkan ekosistem industri, serta untuk mewujudkan lebih banyak aktiviti inovatif dan bernilai tinggi di wilayah ini.

NTIC mengamalkan konsep kerjasama "Quadraplex" antara sektor awam, industri, akademik dan komuniti


bagi memperkayakan rantaian nilai, dengan menawarkan perkhidmatan seperti reka bentuk dan konsultasi, inovasi produk, penyelidikan & pembangunan & teknologi & inovasi & pengkomersialan atau "research & development & technology & innovation & commercialisation" (R&D&T&I&C), pusat sistem pengurusan data sehenti dan pembangunan bakat tempatan kepada para pelabur di NCER.

Bagi memastikan NTIC berjaya mencapai matlamatnya, NCI telah mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan para pemegang taruh yang merangkumi pihak industri, ahli-ahli akademik dan wakil-wakil agensi yang terlibat.





Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH UNTUK PROGRAM NTIC PADA 2021



Libat urus bersama Agensi-agensi, Akademia, Industri dan Agensi Latihan untuk mendapatkan input mengenai program-program berikut:

- Advanced Technology Meister Programme (ATMP)
- Penubuhan dan Pembangunan Pusat Kecemerlangan (CoE)
- Teknologi & Inovasi (T&I)



Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

MEMBANGUNKAN USAHAWAN TEMPATAN: DANA USAHAWAN NCER (DU@NCER)

NCIA komited terhadap mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di NCER terutamanya dalam menyokong pembangunan ekosistem dan meningkatkan rantaian nilai di taman-taman industri tematik baharu di wilayah ini seperti KRC, CVIA, SVTP, Tanjung Malim Auto Hub dan lain-lain.

Sehubungan itu, NCIA telah memperkenalkan program Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER) yang telah **dijenamakan semula** pada tahun 2021 dengan nama baharu **Dana Usahawan NCER (DU@NCER)**. Perubahan ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas kepada PKS Bumiputera di NCER mengenai program ini dan seterusnya menangani isu kekeliruan jenama dengan organisasi-organisasi kerajaan yang lain.

Dana Usahawan NCER (DU@NCER)

DU@NCER diwujudkan sebagai dana pemangkin kepada PKS Bumiputera yang berkelayakan bagi meneroka pelaburan baharu atau perkembangan perniagaan selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), terutamanya di taman-taman perindustrian tematik NCER, dan RMKe-12 yang memfokuskan kepada sektor-sektor teras di NCER. Projek-projek yang akan dibantu di bawah program DU@NCER ini dilihat bakal memberi **kesan nilai pengganda ("multiplier effects")** yang tinggi, serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya di peringkat mahir dan separa-mahir, dan peluang keusahawanan yang luas.

Dana ini juga dilihat akan membantu merapatkan jurang ekonomi di antara wilayah melalui pembangunan projek-projek yang terletak di **kawasan khas yang dipromosikan** ("special promoted areas") dan **kawasan kurang membangun** ("less developed areas") di NCER.

DANA USAHAWAN NCER (DU@NCER)

MENGALAKKAN PELABURAN BUMIPUTERA DI NCER

DU@NCER adalah DANA PEMANGKIN untuk syarikat-syarikat PKS Bumiputera yang berkelayakan bagi meneroka Pelaburan baharu atau perkembangan perniagaan, selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang memfokuskan kepada sektor-sektor teras di NCER

OBJEKTIF



Merapatkan jurang ekonomi di antara wilayah melalui pembangunan projek-projek pemangkin yang terletak di:

**KAWASAN KHAS YANG
DIPROMOSIKAN DI NCER**



Untuk meningkatkan keupayaan syarikat Bumiputera dalam persekitaran yang kompetitif dengan mewujudkan:

**PELUANG PEKERJAAN
TERUTAMANYA DI PERINGKAT
MAHIR & SEPARUH MAHIR DAN
PELUANG KEUSAHAWANAN**



Mewujudkan aktiviti yang boleh memberi kesan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat

**NILAI PENGGANDA YANG
TINGGI**

Geran yang ditawarkan adalah sehingga 15% dari kos layak projek atau maksimum RM2 juta (yang mana lebih rendah)

Setelah mengambil kira kesan pandemik kepada syarikat-syarikat PKS, NCIA telah menambah baik syarat dan kelayakan program DU@NCER untuk memastikan PKS di NCER dapat terus kekal dan berdaya saing. Ini kerana sewaktu menjalani situasi pemulihan akibat kesan pandemik, PKS Bumiputera perlu lebih berdaya tahan dalam memperkukuhkan lagi kegiatan ekonomi sedia ada. PKS Bumiputera juga perlu mempunyai strategi transformasi untuk beralih ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti agar dapat menyokong ekosistem dan meningkatkan rantaian nilai industri.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

DANA USAHAWAN (DU@NCER) MENGALAKKAN PELABURAN BUMIPUTERA DI NCER

1. KELAYAKAN



Syarikat mempunyai hak untuk melaksanakan projek di atas tanah / tapak / premis yang dicadangkan (kelulusan bertulis dari pemilik) dan sekurang-kurangnya kelulusan Kebenaran Merancang Penuh oleh Pihak Berkuasa Tempatan ("PBT") dan/atau kelulusan mandatori dari agensi-agensi lain yang berkaitan bagi pelaksanaan projek



Kemajuan projek tidak melebihi 50% daripada keseluruhan pembangunan projek semasa permohonan (borang "Pre-Application") diterima



Syarikat mempunyai kewangan yang kukuh dan telah mendapat pembiayaan komersial atau komitmen dari pemegang saham syarikat bagi projek yang akan dilaksanakan



Syarikat hendaklah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dengan modal berbayar minimum RM100,000



Syarikat bukan terdiri daripada milikan tunggal atau perkongsian ("enterprise"), syarikat tersenarai awam, syarikat berkaitan kerajaan ("Government-Linked Company" - GLC dan "Government-Linked Investment Company" - GLIC) koperasi, yaysan, persatuan dan pertubuhan



Syarikat berpegangan saham efektif Bumiputera sekurang-kurangnya 51%



Pegawai Eksekutif dan majoriti pengurusan kanan syarikat terdiri daripada Bumiputera

Sektor Teras NCER



Pembuatan



Bio-Industri



Logistik



Pelancongan



Ekonomi Digital



Petrokimia



R&D Sains Perubatan dan S&T



Pendidikan

2. PEMBAYARAN GERAN



Bayaran Balik

1

10%

Dibayar selepas syarikat mematuhi Syarat Dulu (CP) 3 Bulan

2

40%

Kemajuan projek 50%

3

50%

Kemajuan projek 100% dan mematuhi syarat siap projek

Nota: Pembayaran kepada Perunding Bebas adalah ditolak dari nilai geran yang diterima oleh syarikat

3. PEMANTAUAN

Pemantauan & Pematuhan Projek Selama 5 Tahun



Nilai Pelaburan



Peluang Pekerjaan & Keusahawanan



Impak Sosioekonomi

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak **32 syarikat Bumiputera** telah mendapat manfaat daripada program DU@NCER dengan jumlah pelaburan terkumpul **RM871.1 juta** dan mewujudkan sejumlah 1,582 peluang pekerjaan yang menghasilkan impak 47.6 kali ganda terhadap ekonomi setempat.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Pencapaian DU@NCER sehingga 31 Disember 2021

LAPORAN PRESTASI MENGIKUT SEKTOR DAN NEGERI BAGI TAHUN 2021

SEKTOR



PEMBUATAN

Syarikat - 7 (62%)



PELANCONGAN

Syarikat - 2 (19%)




AGRIBIO-NAEZ

Syarikat - 5 (13%)



LOGISTIK

Syarikat - 3 (6%)



NEGERI



PERLIS

Pelaburan
RM378.1 Juta

Syarikat 3	Pekerjaan 330
----------------------	-------------------------



PULAU PINANG

Pelaburan
RM 96.1Juta

Syarikat 2	Pekerjaan 255
----------------------	-------------------------



KEDAH

Pelaburan
RM9.8 Juta


Syarikat 2	Pekerjaan 49
----------------------	------------------------



PERAK

Pelaburan
RM137.9 Juta

Syarikat 10	Pekerjaan 359
-----------------------	-------------------------



Untuk tahun 2021, sebanyak 17 syarikat Bumiputera telah mendapat manfaat daripada program DU@NCER dengan jumlah pelaburan terkumpul **RM622 juta**, dan mewujudkan sejumlah 993 peluang pekerjaan yang menghasilkan impak 72.2 kali ganda terhadap ekonomi setempat.

Syarikat

17

Peluang Pekerjaan

993

Jumlah Pelaburan

RM622 JUTA

Impak Penganda

72.2X

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

TESTIMONI & KISAH KEJAYAAN PELABUR DU@NCER



KILANG BERAS BAGAN SERAI SDN BHD

PEMBELIAN, MESIN DAN LATIHAN BAGI LOJI PEMROSESAN BENIH PADI MENGGUNAKAN SISTEM KUASA SOLAR DI BAGAN SERAI, PERAK



Pengarah Urusan Kilang Beras Bagan Serai bersama Pihak NCIA bagi penyampaian "Letter of Grant" (LoG) dan simbolik produk yang dihasilkan



Mesin pemprosesan benih padi yang dibeli menggunakan geran DU@NCER



Pembelian mesin pemprosesan benih padi dengan menggunakan geran DU@NCER telah membantu meningkatkan kelancaran operasi kilang syarikat

Kilang Beras Bagan Serai Sdn Bhd terjejas teruk akibat pandemik sehingga jualan jatuh merudum melebihi 50 peratus. Untuk terus bertahan, syarikat ini telah mengubah model perniagaan melalui pendekatan diversifikasi dengan mengeluarkan benih padi sendiri menggunakan teknologi moden dan terkini. Dengan penghasilan produk baharu ini, syarikat yang sudah lama bertapak sebagai pengilang beras kini telah menjadi pengeluar benih padi berkualiti tinggi melalui bantuan pembelian mesin dari DU@NCER.

Syarikat ini berjaya meningkatkan semula pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, termasuk penduduk Orang Asli. Syarikat juga telah membantu lebih 5,000 pesawah dengan memeterai komitmen bersama mereka melalui Program Ladang Benih Padi bagi menghasilkan varieti benih padi berkualiti yang dibekalkan oleh syarikat tersebut.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

TESTIMONI & KISAH KEJAYAAN PELABUR DU@NCER



PNA TECHNOLOGIES SDN BHD

PEMBELIAN, PEMASANGAN, PENGUJIAN, PENTAULIAHAN DAN LATIHAN BAGI "WIRE HARNESS PRODUCTION LINE" UNTUK KILANG AUTOMOTIF DI KAMPUNG GAJAH, PERAK



Produk keluaran syarikat merupakan "Wire-Harness" bagi sektor automotif. Syarikat merupakan pembekal utama kepada jenama-jenama terkemuka iaitu Isuzu dan Perodua



Penerangan proses pengeluaran oleh pengurus syarikat kepada pegawai NCIA



Aktiviti operasi di kilang PNA Tehcnologies Sdn Bhd



Wakil syarikat PNA Technologies Sdn Bhd bersama pihak NCIA bagi penyampaian Letter of Grant (LoG)

Persaingan yang semakin meningkat dalam pasaran domestik dan antarabangsa memaksa PKS seperti syarikat pembekal komponen kenderaan berjenama antarabangsa ini beroperasi secara lebih efisien bagi menyokong ekosistem bekalan rantaian nilai untuk produk automotifnya. Melalui Geran DU@NCER, syarikat telah membuat pembelian bagi penambahan barisan pengeluaran ("production line") bagi memastikan bekalan produk yang konsisten demi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa. Penambahan mesin melalui pembiayaan DU@NCER ini telah mewujudkan 140 peluang pekerjaan kepada golongan belia di Kampung Gajah, Perak.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

TESTIMONI & KISAH KEJAYAAN PELABUR DU@NCER



AL HADDAD MANUFACTURING SDN BHD

PEMBINAAN SEBUAH KILANG SETINGKAT BAGI MEMPROSES AIR MINUMAN "INSTANT DRINK" BERSERTA PEJABAT 3 TINGKAT SERTA PEMBELIAN MESIN DI BANDAR SUNGAI PETANI, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH



Produk utama syarikat ialah minuman berjenama Tamar Cocoa AL Haddad



Penghasilan produk di kilang syarikat yang terletak di Kedah Halal Park



Kilang baharu AL Haddad kini telah 70% siap dan dijangka akan mula beroperasi pada 2023

Bantuan dana bagi pembinaan kilang baharu melalui geran DU@NCER akan meningkatkan kapasiti pengeluaran lebih 150% dari pengeluaran asal di kilang lama. Melalui perkembangan perniagaan ini, syarikat akan dapat memenuhi bekalan kepada pengedar sedia ada di lebih 10 negara dan membuka peluang kepada 250 pengedar baharu di Malaysia dan luar negara.

Selain daripada projek pembinaan kilang ini, AL Haddad melalui salah satu bidang perniagaannya dalam industri F&B iaitu "Qah-Wah Cafe and AL Haddad Mart" telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama NCIA sebagai Syarikat Peneraju ("Anchor Company") di iCON Baling, Kedah. Premis ini akan dibuka pada tahun 2024.



Qah-Wah Cafe & AL Haddad Mart di Bertam, Pulau Pinang. Konsep yang sama akan diperkenalkan di iCON Baling

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

MENYOKONG PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN: JOMKERJA@NCER DAN NCER TALENT ENHANCEMENT PROGRAMME (NTEP)

Dalam memenuhi keperluan para pelabur di NCER dari segi tenaga kerja berkemahiran, NCIA telah memperkenalkan program-program pembangunan modal insan seperti JomKerja@NCER dan NCER Talent Enhancement Programme (NTEP). Program-program tersebut bukan sahaja berperanan sebagai insentif kepada pelabur, malah turut memberi manfaat dari segi membangunkan bakat tempatan yang berdaya saing dan berpendapatan tinggi.

JomKerja@NCER

JomKerja@NCER merupakan sebuah inisiatif “fast-track” untuk membantu industri dan rakyat menangani impak terhadap ekonomi akibat penularan wabak COVID-19. JomKerja@NCER terbuka kepada pelabur yang sedang atau akan beroperasi di NCER, serta syarikat yang meluaskan operasi mereka di NCER. Calon pemohon pekerjaan yang terlibat mestilah merupakan warganegara Malaysia dan perlu melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat. NCIA akan membiayai sebahagian ataupun 50% daripada kos gaji graduan sehingga RM1,000 melalui **kaedah pembayaran semula** kepada syarikat terbabit.

Berdasarkan prestasi program sehingga kini, JomKerja@NCER telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran di NCER sambil membantu meningkatkan taraf hidup graduan tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan dengan gaji minimum dari **RM1,200 sehingga RM2,500** mengikut tahap kelulusan akademik peserta.

Pada tahun 2021, seramai **2,873 rakyat Malaysia** telah mendapat pekerjaan di **47 syarikat** melalui JomKerja@NCER, pencapaian ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2021 iaitu 1,500 peserta. Jenis pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat merangkumi pekerjaan berkemahiran sederhana dan berkemahiran rendah.



Promosi Program JomKerja@NCER di Majlis Pelancaran Jenama Baharu HRD Corp dan Platform Seheni Program Kemahiran pada 2 Disember 2021

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

MENANGANI KEKURANGAN TENAGA KERJA SEBAGAI TINDAK BALAS TERHADAP PANDEMIK COVID-19



Program JomKerja@NCER telah memberi manfaat kepada para pelabur di wilayah ini dari segi meringankan kos operasi dalam era pandemik, serta menangani isu pemberhentian kerja di kalangan bakat tempatan



SASARAN RMKe-12

Sebuah program "fast-track" untuk membantu golongan sasaran yang terkesan dan merangsang ekonomi. Program yang sepenuhnya digital ini membolehkan permohonan dan penghantaran tuntutan dilakukan secara mudah. Ini dapat membantu syarikat dan perniagaan dalam proses mengambil dan mengekalkan pekerja, sekaligus menghasilkan penempatan kerja dan kemahiran semula oleh industri.

2022

1,500
Peserta

2023-2025

4,550
Peserta

PENCAPAIAN 2021

① Pencapaian JomKerja@NCER 2021

SASARAN

1,500
Peserta

RM11.0 Juta
Peruntukan

PENCAPAIAN

2,873
Peserta

RM11.9 Juta
Peruntukan

② Pecahan Mengikut Sektor


	Peserta	Syarikat
Pembuatan	40%	(19)
Perkhidmatan	36%	(17)
AgriBio	23%	(11)

③ Pecahan Mengikut Negeri

47
Syarikat
Mengambil
Bahagian

2,873
Peserta
JomKerja@NCER
(Sasaran: 1,500)

2,248
(78%)



Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)



NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) membolehkan graduan tempatan meningkatkan daya saing dan kemahiran mereka agar berupaya menepati kehendak industri

NTEP direka khas untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan dan memberi mereka peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik, serta memastikan tenaga kerja mahir mencukupi yang sesuai dengan keperluan industri di NCER. Melalui program berkonsepkan “place and train” ini, para peserta akan mendapat penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat milik pelabur NCER, di mana mereka akan menjalani latihan kemahiran kerja yang turut meliputi latihan kemahiran insaniah (“soft skills”) untuk meningkatkan daya saing mereka.

Insentif ini dapat **menggalakkan industri mengambil graduan baharu dan pekerja yang kehilangan pekerjaan** akibat gelombang kedua pandemik COVID-19 untuk bekerja, di samping **meringankan beban industri** melalui penyerapan kos tenaga kerja sekaligus mengurangkan kos operasi syarikat dan industri dari segi gaji dan latihan.

NTEP terbuka kepada syarikat atau pelabur yang sedang beroperasi, akan beroperasi atau sedang berkembang di NCER. Peserta yang terlibat mestilah warganegara Malaysia

dan akan melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat. NCIA akan membiayai sebahagian daripada kos gaji graduan dalam bentuk geran secara kaedah pembayaran semula (“reimbursement”) kepada syarikat terbabit. Tempoh perjanjian pelaksanaan program adalah selama 30 bulan, yang mana 18 bulan yang pertama merupakan proses pengambilan graduan dan seterusnya graduan akan melalui latihan sambil bekerja sepenuhnya selama 12 bulan.

Pada tahun 2021, seramai **1,315 rakyat Malaysia** telah mendapat pekerjaan di **33 buah syarikat** di NCER melalui NTEP dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada pelaburan bernilai **RM14.9 bilion** dan **12,955 peluang pekerjaan**.

Program NTEP telah menghasilkan kesan positif dari segi **pengurangan kadar pengangguran** di NCER, khususnya di **daerah-daerah yang kurang membangun**. Program NTEP juga telah berjaya meningkatkan taraf hidup graduan tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan dengan gaji minimum sebanyak RM1,500.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

MENANGANI ISU PERMINTAAN UNTUK BAKAT BERKEMAHIRAN TINGGI DAN PENGANGGURAN DI KALANGAN GRADUAN DI NCER



Antara calon-calon yang menghadiri sesi temu duga bagi program pembangunan bakat tempatan di NCER



SASARAN RMKe-12

Program insentif modal insan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan menganggur tempatan dan mengurangkan ketidakpadanan set kemahiran melalui gabungan penempatan pekerjaan dan latihan yang diterajui industri (peningkatan kemahiran & kemahiran semula).

2022

1,250
Peserta

2023-2025

3,750
Peserta

PENCAPAIAN 2021

1 Pencapaian NTEP 2021

SASARAN



1,250

Peserta



RM15 Bil.

Pelaburan

PENCAPAIAN



1,315

Peserta



RM14.9 Bil.


Pelaburan

2 Pecahan Mengikut Sektor

	Peserta	Syarikat
Pembuatan	896 (68%)	20 (61%)
Perkhidmatan	290 (22%)	11 (33%)
AgriBio	129 (10%)	2 (6%)

3 Pecahan Mengikut Negeri

33 Syarikat Peserta	RM14.9 Bil. Nilai Pelaburan
1,315 Peserta NTEP	12,955 Pewujudan Pekerjaan



Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

MERANGSANG PEMBANGUNAN INDUSTRI: SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2021, pertumbuhan pelaburan di NCER sebahagian besarnya dipacu oleh sektor-sektor **Pembuatan dan Perkhidmatan** yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan; Pendidikan dan Ekonomi Digital**. Pelaksanaan pelbagai insentif oleh NCIA seperti pakej rangsangan cukai, dana untuk usahawan, serta program-program pembangunan modal insan telah berjaya merangsang pembangunan industri-industri berkenaan dalam tempoh yang serba mencabar tersebut.

PEMBUATAN

Sektor pembuatan di NCER terus menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2021 tatkala pandemik terus melanda dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan, disebabkan oleh **pertumbuhan permintaan untuk produk elektrik dan elektronik (E&E)**, semikonduktor dan peranti perubatan. NCER juga terus menyaksikan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) baharu pada tahun 2021 berdasarkan



kos perniagaan yang kompetitif di wilayah ini, yang turut menawarkan salah satu ekosistem paling komprehensif di rantau ini dalam industri E&E, M&E, Peranti Perubatan, Aeroangkasa dan Automotif.

NCER telah melaporkan pelaburan diluluskan berjumlah **RM26.7 bilion** untuk tahun 2021, di mana **RM24.9 bilion (93.2%)** nilai pelaburan diluluskan adalah disumbangkan oleh **sektor pembuatan** (RM14.5 bilion pada tahun 2020). FDI kekal kukuh pada 41% daripada jumlah pelaburan pembuatan diluluskan untuk tahun 2021, dengan peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun 2020 manakala DDI mencatatkan 59%, iaitu penurunan sebanyak 5% berbanding tahun 2020.





Peningkatan pelaburan dalam sektor pembuatan sebahagian besarnya disumbangkan oleh **E&E, Peranti Perubatan, Lateks Berteknologi Tinggi ("Advanced Latex"), Integrasi Sistem dan Jentera dan Peralatan (M&E)**.

SEKTOR PEMBUATAN: SUMBER & NEGARA ASAL PELABURAN 2021

ICM - Pelaburan Diluluskan (RM Juta) Mengikut FDI & DDI - 2021



ICM - Pelaburan Diluluskan (RM Juta) Mengikut Negara Asal - 2021




Pelaburan dalam sektor pembuatan di NCER sebahagian besarnya disumbangkan dari Amerika Syarikat dan Jerman dalam **subsektor E&E**, yang mana masing-masing meningkat daripada 14% kepada 19% dan 0.76% kepada 11%. NCIA juga menyaksikan peningkatan pelaburan sebanyak 9% dari China di NCER.

Dari segi pewujudan pekerjaan, sebanyak 27,572 peluang pekerjaan dijana oleh pelaburan dalam sektor pembuatan pada tahun 2021 berbanding 21,247 peluang pekerjaan bagi tahun 2020. Walaupun pelaburan dalam sektor pembuatan meningkat sebanyak 71%, tetapi hanya terdapat 30% peningkatan dari segi penciptaan pekerjaan memandangkan pelaburan baharu tersebut menggunakan automasi dan pendigitalan dalam operasi mereka, terutamanya dalam industri E&E.


Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

SEKTOR PEMBUATAN: PELABURAN & ANALISIS VARIANS MENGIKUT SUB SEKTOR - 2020 VS 2021

ICM - Varians Pelaburan Diluluskan (RM Juta) Mengikut Sub-Sektor (% dari Keseluruhan)



ICM - Varians Pewujudan Pekerjaan Diluluskan (RM Juta) Mengikut Sub-Sektor (% dari Keseluruhan)



MEMASTIKAN KELANGSUNGAN INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI MELALUI PENGUKUHAN RANTAIAN BEKALAN SEWAKTU PANDEMIK

Tahun 2021 masih merupakan tahun yang mencabar berikutan pandemik COVID-19 dan **gangguan rantaian bekalan** yang disebabkan oleh wabak tersebut. Rantaian bekalan lebih terjejas berbanding sebelum ini, dengan penghantaran oleh kapal dan trak yang tertunda melanda pelbagai industri, lantas menyebabkan kekurangan bekalan secara keseluruhan, terutamanya **cip semikonduktor**.

Tinjauan lapangan mendapati lebih daripada 40% rantaian bekalan dan gangguan pengeluaran yang mengakibatkan kelewatan dalam pengedaran. Sehubungan itu, menangani gangguan rantaian bekalan dan logistik adalah penting dalam menstabilkan operasi terutamanya bagi syarikat dalam **sektor E&E** dan **M&E**. Kekurangan syarikat Malaysia yang berkhidmat dengan syarikat semikonduktor utama telah menyebabkan kekurangan cip yang telah menyebabkan rantaian pemasangan di seluruh dunia terjejas.



Intel Technology (M) Sdn Bhd telah mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar cip semikonduktor terbesar di dunia dengan pelaburan baharu sebanyak RM1.2 bilion untuk fasiliti pembuatan berteknologi tinggi di Pulau Pinang

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Perhatian segera dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu kekurangan bekalan cip global, termasuk membenarkan sektor bekalan dan logistik kembali beroperasi secara normal, telah membolehkan pemulihan ekosistem pembuatan cip berlaku pada kadar yang pantas.

Menurut Reuters, 13% daripada pembungkusan dan ujian cip global diperdagangkan melalui Malaysia, yang memegang 7% daripada keseluruhan perdagangan semikonduktor dunia. Secara keseluruhannya, Malaysia berdiri sebagai hab global yang penting dalam rantai bekalan semikonduktor global.

Sehubungan itu, penekanan akan diberikan untuk **mengukuhkan rantai nilai sektor E&E dan aktiviti pembuatan bernilai tinggi** serta ekosistem pembuatan, menggalakkan penggunaan teknologi baharu, meningkatkan pembangunan bakat, serta meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan aktiviti D&D.



Inisiatif NTEP telah membantu dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan baharu bagi rakyat tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19


PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan di NCER terdiri daripada beberapa subkluster yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, Ekonomi Digital dan Pendidikan**. Setiap subkluster ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi wilayah, dengan memanfaatkan warisan aset semula jadi dan sejarah di negeri-negeri NCER, rangkaian infrastruktur dan logistik yang baik dan cekap, serta ekosistem mesra pelaburan yang sedia wujud di wilayah ini.

Pada tahun 2021, sektor Perkhidmatan di NCER mencatatkan pelaburan yang amat memberangsangkan iaitu sebanyak **RM1.7 bilion**, yang merupakan lonjakan sebanyak 73% berbanding RM984.26 juta pada 2020. Peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh sektor ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 155%, dengan 2,361 peluang pekerjaan baharu dijana pada tahun 2021 berbanding 926 pada tahun 2020.


PENCAPAIAN 2021

Pelaburan Diluluskan untuk 2021 - RM1.7 Bilion



Peningkatan 72.75% daripada Pencapaian Pelaburan Diluluskan 2020


Pewujudan Pekerjaan Diluluskan untuk 2021 - 2,361 Peluang Pekerjaan



Peningkatan 154.97% daripada Pencapaian Pewujudan Pekerjaan 2020

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Pelancongan



Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi subsektor Pelancongan yang amat terkesan oleh pandemik COVID-19 ini serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun demikian, subsektor Pelancongan NCER telah mencatatkan prestasi yang mengagumkan pada tahun tersebut dengan mencatatkan pelaburan sebanyak **RM585.23** juta, iaitu kenaikan sebanyak hampir tiga kali ganda berbanding **RM151.86** juta pada tahun 2020, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Jumlah ini disumbangkan oleh beberapa **pelaburan baharu** yang strategik di NCER seperti Silverlakes Village Outlet@Kinta Valley di Batu Gajah, Perak; projek penaiktarafan hotel Northam All Suites kepada The Millen di George Town, Penang; projek penaiktarafan Hotel Grand Jubilee kepada Frazel Heritage Hotel di Alor Setar, Kedah; serta Bertam Resort & Water Park di Kepala Batas, Pulau Pinang.

i. Inisiatif Gelembung Perjalanan Pelancongan Domestik NCER

Tahun 2021 menyaksikan pembukaan Pulau Langkawi sebagai destinasi perintis Gelembung Perjalanan Pelancongan Domestik oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada 16 September 2021. NCIA turut komited dalam merancang semula industri pelancongan di Pulau Langkawi melalui pelaksanaan Program-program Pembangunan Modal Insan NCER seperti JomKerja@NCER, JomNiaga@NCER dan entrepreneurNCER untuk membantu ketersediaan pemain-pemain industri pelancongan bagi menerima kedatangan pelancong.

Sehubungan itu, NCIA dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah melancarkan Majlis Gerak Kerja Penggiat Industri Pelancongan Langkawi Sempena Pembukaan Gelembung Perjalanan Pelancongan Domestik pada 14 September 2021, yang telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif NCIA, YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John bersama Ketua Pegawai Eksekutif LADA, YBrs. Tuan Haji Nasaruddin bin Abdul Muttalib.



Pelancaran Gelembung Perjalanan Pelancongan Domestik pada September 2021 berjaya memberi nafas baharu kepada sektor pelancongan NCER yang terjejas akibat pandemik

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Pelancongan

Pada majlis tersebut, NCER telah memperkenalkan **"JomKerja@NCER Travel Bubble"**, sebuah program yang ditambah baik berdasarkan JomKerja@NCER, khusus kepada pemain industri pelancongan. Melalui program ini, semua syarikat di bawah sektor pelancongan akan menikmati insentif selama 12 bulan berbanding 6 bulan seperti kebiasaannya.

Bagi mempromosikan program-program modal insan NCER kepada pemain industri pelancongan, Kluster Pelancongan - Bahagian Pelaburan dan Bahagian Modal Insan NCIA telah bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam menganjurkan webinar untuk tujuan tersebut. Beberapa sesi libat urus turut diadakan bagi meniadakan para pemain industri pelancongan NCER untuk pembukaan Gelembung Pelancongan di tanah air.



Pada tahun 2021, NCIA telah mengambil inisiatif untuk meniadakan para pemain industri pelancongan di Langkawi bagi menyambut kedatangan pelancong yang tiba melalui Gelembung Perjalanan Domestik

ii. Pelaburan Berimpak Tinggi Bagi Sektor Pelancongan

Silverlakes Village Outlet@Kinta Valley

Projek yang dilaksanakan oleh Silverland Capital Sdn Bhd ini melibatkan pembangunan sebuah "Premium Outlet" baharu yang dikenali sebagai Silverlakes Village Outlet@Kinta Valley di Batu Gajah, Daerah Kinta, Perak.

Dijangka siap pada penghujung tahun 2022, pembangunan "Premium Outlet" baharu ini merangkumi kira-kira 200 kedai peruncitan, makanan dan restoran dengan pelaburan sektor swasta sebanyak RM153 juta. Ia dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,400 peluang pekerjaan serta kesan limpahan ekonomi kepada komuniti setempat, serta menyokong pembangunan industri pelancongan NCER amnya, dan negeri Perak khususnya.



Silverlakes Village Outlet@Kinta Valley bakal menjadi tarikan pelancongan baharu untuk negeri Perak



Deretan lot kedai di Silverlakes Village Outlet@Kinta Valley



Silverlakes Village Outlet@Kinta Valley menurut gambaran artis

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Pelancongan

The Millen Hotel

Leader Asia-Pacific Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan di Pulau Pinang, sedang melaksanakan projek memodenkan dan menaik taraf bangunan hotel sedia ada di pulau tersebut untuk menjadi hotel mewah 5-bintang yang dikenali sebagai The Millen Hotel dengan nilai pelaburan sebanyak RM83 juta.

Hotel yang dinaik taraf itu akan mengandungi 144 bilik studio dan suite, sekaligus jumlah bilik hotel dan premis penginapan bertaraf 5-bintang di Pulau Pinang untuk menarik pelancong dengan perbelanjaan tinggi ke NCER. Sebanyak 127 peluang pekerjaan baru akan diwujudkan oleh projek ini, yang turut akan memberi kesan limpahan positif terhadap ekonomi tempatan.



Dewan bankuet The Millen Hotel dengan suasana serba mewah



Reka bentuk dan dekorasi hotel yang bertaraf 5-bintang



Antara ruang di The Millen Hotel yang sedang dinaik taraf

Frazel Heritage Hotel

Frazel Heritage Hotel Sdn Bhd, sebuah syarikat pemaju tempatan, sedang melaksanakan projek memodenkan dan menaik taraf sebuah bangunan hotel sedia ada di tengah-tengah Bandar Alor Setar, Kedah untuk menjadi hotel 3-bintang yang dikenali sebagai Frazel Heritage Hotel.

Hotel yang dinaik taraf ini akan mengandungi 41 bilik dengan nilai pelaburan sektor swasta sebanyak RM5.7 juta. Projek ini akan meningkatkan jumlah bilik hotel dan jumlah premis penginapan bertaraf bintang di negeri Kedah, khususnya di Alor Setar, sekaligus mampu menarik lebih ramai pelancong. Sebanyak 14 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan oleh projek ini yang akan turut memberi kesan limpahan positif terhadap ekonomi tempatan.




Pemandangan Frazel Heritage Hotel yang dinaik taraf menurut gambaran artis



Ilustrasi lobi hotel yang dinaik taraf apabila siap kelak

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Logistik & Kesalinghubungan



Tahun 2021 merupakan detik yang agak mencabar bagi sektor Logistik di mana negara sedang melalui fasa pemulihan, di mana tumpuan diberikan oleh para pelabur untuk memastikan permintaan pelanggan tetap disempurnakan.

Dengan beberapa kekangan yang dihadapi dalam sektor perkapalan, penghantaran mahupun pergudangan, permintaan terhadap perkhidmatan sektor Logistik terus meningkat dengan kenaikan kos yang dianggarkan sebanyak 50-100%.

Perlaksanaan PKP yang berpanjangan mengakibatkan kos ini dijangka akan kekal untuk tiga tahun akan datang sebelum ia kembali menurun.

Hal ini juga telah mengubah struktur ekosistem logistik secara tidak langsung, di mana kesannya dapat dilihat dengan pertumbuhan dari segi permintaan dan penawaran dalam subsektor **e-dagang** dan **pusat pemenuhan pesanan ("fulfilment centre")** yang kian berkembang terutamanya di NCER.

i. Kintetsu World Express (M) Sdn Bhd (Pulau Pinang)

Dengan suntikan modal sebanyak RM7 juta, Kintetsu World Express (M) Sdn. Bhd. (KWE) telah membina sebuah hab logistik dengan tambahan kapasiti seluas 114,000 kaki persegi di Kawasan Komersial Bebas dan Kompleks Pergudangan Kargo Penghantar Pengangkutan Udara ("Airfreight Forwarders Warehousing Cargo Complex") di Jalan Batu Maung, Pulau Pinang.

Terletak di lokasi strategik berhampiran aktiviti perkilangan, hab yang beroperasi 24 jam sehari ini berfungsi sebagai gudang yang menyediakan perkhidmatan tambah nilai untuk sektor E&E dan peranti perubatan, serta transit untuk pasaran eksport dari kawasan perindustrian di NCER. Bagi memastikan kelancaran operasi, NCER telah menawarkan insentif seperti NTEP dan JomKerja@NCER untuk syarikat tersebut.



Hab logistik KWE di Jalan Batu Maung, Pulau Pinang

ii. LTS Logistics Sdn Bhd (Kedah)

LTS Logistics Sdn Bhd (LTS) akan membangunkan sebuah hab logistik, depoh kontena dan gudang dengan pelaburan berjumlah RM55 juta yang akan menambah baik jaringan dan mobiliti bagi projek-projek akan datang di NCER, terutamanya di Kedah Rubber City (KRC). Sebagai syarikat terawal di KRC yang menyediakan perkhidmatan logistik dan rantaian bekalan bersepadu, LTS mempunyai kelebihan untuk menawarkan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat sokongan di taman perindustrian tersebut sejajar dengan pengembangannya.

Pembangunan ini akan membantu pembangunan KRC yang memfokuskan kepada sektor pembuatan berasaskan getah, terutamanya sarung tangan perubatan dan peranti perubatan. Disebabkan permintaan yang tinggi dan pembangunan KRC yang berjalan mengikut jadual, NCIA telah memastikan agar sektor logistik tidak ketinggalan dalam pembangunan ekosistem di KRC. NCER juga telah membantu LTS dengan menawarkan insentif-insentif seperti NTax, NTEP dan JomKerja@NCER.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Logistik & Kesalinghubungan



Pembangunan hab logistik, depoh kontena dan gudang LTS Logistics Sdn Bhd (LTS) di Kedah menurut gambaran artis



Warga LTS di tapak projek syarikat di KRC

iii. BBV Engineering (M) Sdn Bhd (Perak)

Perkhidmatan terhadap aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan operasi ("maintenance, repair and operations" - MRO) kekal tinggi walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19. Ini adalah kerana sektor MRO memastikan komponen logistik tetap terus berjalan demi kesinambungan operasi.

BBV menjalankan aktiviti membaiki pulih, penyelenggaraan, pembekalan dan latihan untuk enjin marin diesel serta pembuatan dan pembaikan kapal. Malah, BBV telah dilantik menjadi ejen penyelenggaraan kepada jenama

terkenal dalam industri marin dan perkapalan iaitu MTU Services GmbH.


Dengan permintaan yang luar biasa, syarikat telah merancang untuk menambah mesin dan peralatan untuk tujuan membaiki pulih komponen enjin kapal yang akan ditempatkan di Lumut, Perak. Dengan pelaburan sebanyak RM2.4 juta, BBV dijangka akan menjana pendapatan sebanyak RM30 juta setahun. Bagi meringankan kos pelaburan syarikat tersebut, NCER telah menawarkan Dana Usahawan, NTEP dan JomKerja@NCER.



Aktiviti membaiki pulih, penyelenggaraan, pembekalan, serta pembuatan dan pembaikan kapal merupakan aktiviti utama BBV

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Ekonomi Digital



Ekonomi Digital merupakan salah satu subsektor utama Perkhidmatan di wilayah ini berdasarkan keupayaannya menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan melahirkan masyarakat berpengetahuan, selaras dengan rangka kerja pembangunan strategik NCER di bawah RMKe-12. Ini seterusnya akan dapat membantu menangani isu pengangguran di kalangan graduan di NCER.

Subsektor Ekonomi Digital yang dipromosikan di NCER terdiri daripada "Global Business Services" (GBS), Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), e-dagang dan multimedia kreatif. Usaha penarikan pelaburan dari dalam dan luar negara dalam sektor Ekonomi Digital akan turut menyokong sektor-sektor lain seperti Pertanian Pintar (Perniagaan Tani), Pembuatan dan teknologi baharu, serta menggalakkan pemindahan teknologi.

i. Inisiatif Ekonomi Digital di Ipoh, Perak: GBS@IPOH

GBS@IPOH merupakan salah satu inisiatif NCIA di Perak untuk meningkatkan pelaburan dalam sektor ekonomi digital di bandaraya tersebut, yang telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor tumpuan dalam Rangka Kerja Pembangunan Strategik NCER.

Jawatankuasa Pelaksana GBS@IPOH ditubuhkan bagi tujuan memacu pelaksanaan GBS@IPOH dari segi perancangan, pembangunan, pengurusan dan pemantauan. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada wakil-wakil Jawatankuasa Pelaburan, Industri & Pembangunan Koridor (CI2CD) negeri Perak, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Invest Perak, Digital Perak, PASAK, dan Majlis Bandaraya Ipoh.

GBS@IPOH setakat ini telah menjana pelaburan komited sebanyak **RM392 juta** dan **840 peluang pekerjaan** melalui syarikat-syarikat seperti Puncak Tegap Sdn Bhd dan Eunoia CX Sdn Bhd.

Puncak Tegap Sdn Bhd (Perak)

Puncak Tegap merupakan anak syarikat Puncak Semangat Sdn Bhd yang mengendalikan aplikasi e-Tanah untuk negeri Perak. Sistem aplikasi tersebut telah memenangi "Gold Award" bagi kategori sektor awam di majlis anugerah ASEAN ICT 2018 Awards di Bali, Indonesia pada 4-5 Disember 2018. Projek e-Tanah tersebut berjaya menewaskan 2 finalis lain dari Singapura dan Indonesia dalam kategori berkenaan, sekaligus menyaksikan Malaysia memenangi Anugerah Emas buat pertama kalinya pada acara tersebut.

Melalui projek e-Tanah juga, Puncak Tegap berjaya mencetuskan kesan limpahan ekonomi dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Perak dan syarikat tersebut turut merancang untuk mengembangkan perkhidmatannya ke peringkat antarabangsa.



Puncak Tegap Sdn Bhd

Berdasarkan rekod dan pencapaiannya yang cemerlang, NCIA telah meluluskan permohonan Puncak Tegap untuk menyertai program JomKerja@NCER.

Eunoia CX Sdn Bhd (Perak)

Eunoia CX adalah sebuah syarikat perkhidmatan pelanggan yang berpangkalan di Kuala Lumpur dan kini telah mengembangkan operasinya ke Ipoh. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan "Over-The-Phone Intrepreter" untuk komuniti imigran dari China di Amerika Syarikat yang tidak boleh berbahasa Inggeris. Ini sekali gus memberi peluang kepada penduduk Ipoh untuk bekerja dari rumah dengan gaji minimum yang tinggi iaitu RM4,900 sebulan.

NCIA telah meluluskan permohonan syarikat Eunoia CX untuk insentif NTEP bagi 50 orang pekerja.



Pejabat Eunoia CX Sdn Bhd

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Ekonomi Digital

ii. Inisiatif Ekonomi Digital di Pulau Pinang - Kerjasama antara NCIA dan Digital Penang

Untuk memacu pertumbuhan Daerah Kreatif & Digital di Georgetown (CD²@Georgetown), NCIA bekerjasama dengan Digital Penang bagi mengukuhkan ekosistem teknologi digital di bandaraya tersebut melalui NCER Technology Innovation Centre (NTIC) dan program-program modal insan NCER.



Ketua Eksekutif NCIA bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow dalam satu sesi libat urus bagi mengukuhkan ekosistem teknologi digital di Pulau Pinang melalui penubuhan NCER Technology Innovation Centre (NTIC) di Bayan Lepas



Bidang kerjasama NCIA merangkumi penyediaan Insentif NCER seperti NCER Talent Enhancement Programme (NTEP), JomKerja@NCER dan NTAX untuk pelabur di CD²@Georgetown, bersama-sama dengan penglibatan NTIC untuk pembangunan ekosistem dan bakat.

Pelaburan Ekonomi Digital di Pulau Pinang telah menjana pelaburan komited sebanyak **RM521 juta** dan **1,277 peluang pekerjaan** melalui syarikat seperti UST Global (Malaysia) Sdn Bhd, Clarivate Analytics Malaysia Sdn Bhd, Skymind CNS Sdn Bhd dan Lemon Sky North Sdn Bhd.

Clarivate
Skymind
U • S T
lemon sky

PERLIS

KEDAH

PULAU PINANG

PERAK

GBS@IPOH
Pusat GBS di Ipoh untuk menyokong pembangunan SVTP

GBS@PENANG
Memanfaatkan ekosistem pembuatan MNC di Pulau Pinang, dengan memfokuskan kepada penyumberluaran dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi

PuncakTegap
NORTH MAGNIFICO
EUNGIA CX

Inisiatif GBS@Ipoh dan GBS@Penang

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

PENYERTAAN NCER DI PAMERAN DUNIA EXPO 2020 DUBAI



Sewaktu Expo 2020 Dubai berlangsung, pengeluar makanan ringan dari Pulau Pinang, Haliza Industries Sdn Bhd, telah menandatangani dua MoU bernilai RM25 juta dengan pengedar di Oman dan Qatar untuk membekalkan snek jenama "Bingo Bite" dan "Witties" di negara-negara tersebut

Pada tahun 2021, NCIA telah menyelaraskan penyertaan NCER di acara berprestij antarabangsa **Expo 2020 Dubai** selama seminggu bermula daripada 21 November hingga 27 November bagi mempromosikan NCER sebagai destinasi pelaburan pilihan utama di Malaysia.

Delegasi NCER telah diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi NCIA, Encik Hasri A Hasan, yang mana NCIA turut mengetuai delegasi seramai 85 peserta yang terdiri daripada Ketua Kerajaan dan Pegawai-Pegawai Kerajaan dari negeri-negeri NCER, agensi-agensi Kerajaan Negeri, dan syarikat swasta terpilih. Menteri Besar Kedah merangkap Ahli Majlis NCIA, YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Mohd. Nor, telah mengetuai delegasi agensi-agensi Kerajaan Negeri Kedah untuk mempromosikan kepelbagaian sektor ekonomi negeri Kedah di samping menarik pelabur-pelabur berpotensi ke negeri tersebut.

NCER juga telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras bagi minggu kelapan penyertaan Malaysia di ekspo dunia yang berlangsung setiap 5 tahun sekali tersebut, dengan tema "**NCER - Your Preferred Investment Destination in the North**". Majlis perasmian minggu tersebut telah disempurnakan oleh Duta Besar Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), TYT Datuk Tarid bin Sufian, pada 21 November 2021, dan ia turut dihadiri oleh para jemputan dari pelbagai negara dan juga media tempatan.



Perbincangan panel di Expo 2020 Dubai mengenai NCER sebagai destinasi pelaburan pilihan



Anggota delegasi NCIA bersama salah seorang tetamu kehormat yang mengunjungi reruai NCER di Expo Dubai 2020

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

Sebanyak 10 syarikat PKS terpilih dari NCER turut menyertai ekspo tersebut, yang mana mereka telah melalui saringan yang ketat untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang dipromosikan adalah sedia untuk dieksport ("export ready"). Sepanjang penyertaan mereka di Expo 2020 Dubai, sebanyak 80 mesyuarat perniagaan telah diadakan antara syarikat-syarikat PKS terbabit dengan 28 syarikat tempatan terpilih.

Perbincangan antara syarikat-syarikat berkenaan berjaya membuah hasil dalam bentuk **RM36.85 juta jualan berpotensi**, serta pemeteraian **4 Memorandum Persefahaman** di antara syarikat Malaysia dan syarikat-syarikat dari UAE, Bahrain dan Qatar yang bernilai sebanyak **RM136.8 juta** bagi pembekalan produk makanan, vitamin untuk binatang peliharaan dan juga jaminan bekalan emas.



Salah satu sesi mesyuarat antara pelabur berpotensi dan anggota delegasi NCIA

PENCAPAIAN KPI

Nilai Perdagangan dan Pelaburan

- **RM3.97 bil.** daripada mesyuarat perniagaan diterajui NCIA
- **RM36.85 juta** daripada mesyuarat perniagaan pempamer (sebenar & berpotensi)
- **RM136.8 juta** daripada nilai MOU dimeterai



ROI
594%



Sasaran
RM500 juta



Pencapaian
RM4.15 bil.

Petunjuk/Pertanyaan Maklumat Perniagaan

- Sekurang-kurangnya **200** petunjuk perniagaan berpotensi daripada OCO Global
- **28** petunjuk perniagaan daripada agensi dilantik MGTC



Sasaran
50 Petunjuk/Pertanyaan Maklumat



Pencapaian
228 Petunjuk/Pertanyaan Maklumat

Pameran Yang Disertai

- NCIA (**1** reruai)
- Kerajaan-kerajaan Negeri (**2** reruai)
- Agensi-agensi Kerajaan Negeri (**6** reruai)
- Pelabur NCER Sedia Ada dan Syarikat PKS (**11** reruai)



Sasaran
20 Pempamer



Pencapaian
20 Pempamer

Bilangan Penyertaan Untuk Semua Program

- Jangkaan penyertaan seramai **250** orang setiap hari



Sasaran
200 orang/minggu



Pencapaian
1,250 orang

Pemeteraian Memorandum Persefahaman atau Persetujuan

- Haliza Industries (2 MoU)
- Fikriz Sdn Bhd (1 MoU)
- Al-Ebreiz Global Capital (1 MoU)



Sasaran
1 MoU



Pencapaian
4 MoU

Di samping itu, NCIA turut mengadakan rundingan dengan 10 syarikat pelabur yang berpotensi untuk melabur di NCER dengan nilai pelaburan berpotensi sebanyak **RM3.97 bilion** dalam sektor logistik, pertanian pintar, produk berasaskan getah dan pengeluaran vaksin.

Secara keseluruhannya, penyertaan NCER di Expo 2020 Dubai **berjaya mencapai matlamat** yang ditetapkan dengan pulangan pelaburan berpotensi yang dirunding mencecah **RM4.15 bilion**.

Laporan Kemajuan Pelaburan Di NCER

PROSPEK

Perkembangan ekonomi dan jumlah pelaburan langsung asing pada 2021 menunjukkan bahawa negara berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran ekonomi yang ditetapkan. Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia, ekonomi negara berkembang sebanyak 3.1% pada 2021 berbanding penguncupan 5.6% pada 2020. Trajektori pemulihan NCER dijangka akan terus meningkat dan mencapai pertumbuhan sebanyak 6.5-6.9% pada tahun 2022.

Sehubungan itu, NCIA akan terus menggiatkan usaha promosi pelaburan untuk NCER bagi menarik kemasukan pelabur yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi di wilayah ini dan seterusnya memberi kesan limpahan positif kepada komuniti setempat. NCIA telah mensasarkan para pelabur dari negara-negara di benua Amerika dan Eropah, serta Asia Timur dan Asia Barat, manakala sektor-sektor yang telah dikenal pasti ialah aeroangkasa, tenaga boleh baharu, produk getah, peranti perubatan, Perkhidmatan Perniagaan Global ("Global Business Services"), automotif, E&E, serta jentera dan peralatan.

PASARAN & SEKTOR SASARAN UNTUK PELABURAN DI NCER BAGI 2022

Eropah



Aeroangkasa, Tenaga Boleh Baharu, Produk Getah, Peranti Perubatan, "Global Business Services"

Asia Timur



Automotif, E&E, Jentera & Peralatan, Produk Getah



Benua Amerika



"Global Business Services", Penyumberluaran, ICT, Pelancongan, Peranti Perubatan

Asia Barat



Peranti Perubatan, Perniagaan Tani, Produk Getah, Jentera & Peralatan



PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERTERASKAN RAKYAT



39,152 Rakyat dan komuniti usahawan mikro dari pelbagai kaum telah mendapat manfaat daripada pelbagai **Program Modal Insan NCER**



8,900 Warga NCER mendapat manfaat daripada program **empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** dan **JomNiaga@NCER**



12,086 Isi rumah miskin dan miskin tegar mendapat manfaat daripada program **Kasih Ibu NCER** di Kedah, Perak dan Perlis



4,188 Graduan menganggur dan pekerja yang diberhentikan berjaya mendapat penempatan pekerjaan melalui **NCER Talent Enhancement Programme** dan **JomKerja@NCER**

Program-program Pembangunan Modal Insan NCER yang bersepadu dan holistik bermatlamat memperkasakan rakyat dan komuniti perniagaan di wilayah ini

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

PENDEKATAN BERSEPADU DAN MENYELURUH DALAM MEMPERKASAKAN MODAL INSAN NCER

Dalam usaha menjana semula ekonomi di NCER dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam era pasca COVID-19, Pembangunan Modal Insan yang bersepadu dan holistik memainkan peranan penting, khususnya dalam melahirkan modal insan yang berkelayakan dan terlatih untuk memenuhi keperluan industri di NCER serta membantu pemulihan sosioekonomi yang terjejas akibat pandemik. Sehubungan itu, NCIA meletakkan Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) sebagai tunjang utama dalam menyokong usaha Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat dan membasmu kemiskinan, selaras dengan Tema Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) iaitu "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan".

Menyedari bahawa aspek pendapatan, kesihatan, pendidikan, keusahawanan dan peluang pekerjaan adalah komponen utama dalam usaha menjana ekonomi dan mengatasi kemiskinan di wilayah ini, NCIA telah merancang dan melaksanakan pelbagai program modal insan yang bersepadu dan holistik untuk masyarakat setempat iaitu **Kasih Ibu NCER**, **empowerNCER**, **JomNiaga@NCER**, **entrepreneurNCER**, **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)** dan **JomKerja@NCER**.



















Pembangunan modal insan berteraskan rakyat memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan warga setempat di NCER, terutamanya dalam era pandemik yang telah meninggalkan impak mendalam terhadap golongan rentan di wilayah ini

Golongan sasaran bagi program-program tersebut terdiri daripada golongan B40 dan belia, dengan keutamaan diberikan kepada kaum wanita termasuk Orang Asli dan graduan menganggur, pekerja yang diberhentikan, komuniti dari kawasan yang kurang maju, serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di NCER.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN NCER SECARA HOLISTIK DAN MAMPAN UNTUK RAKYAT DAN PMKS

MATLAMAT	SASARAN	PROGRAM DAN INISIATIF		KAEDAH PENDEKATAN
PENDEKATAN INKLUSIF DALAM MEMBASMI KEMISKINAN TEGAR	Miskin & Miskin Tegar	   	<ul style="list-style-type: none"> Membantu mengurangkan beban kos sara hidup secara sistematik dan tersasar kepada golongan miskin tegar termasuk Orang Asli di NCER Integrasi antara Program Pembangunan Modal Insan untuk menjana pendapatan yang mampan Meningkatkan kadar kelulusan pelajar SPM dan penempatan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi mencegah kemiskinan masa hadapan 	 Pegawai Lapangan dari komuniti setempat
	Pelajar berprestasi rendah daripada keluarga B40 & Orang Asli			 Pusat empowerNCER di 29 daerah
PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BAGI MENJANA PENDAPATAN YANG MAMPAN	B40, Wanita, Belia, Orang Asli		<ul style="list-style-type: none"> Latihan Kemahiran & Keusahawanan dengan Kit Permulaan Perniagaan untuk menjana pendapatan Tahun 2021 menyaksikan peserta menongkah arus trend pendapatan daripada B40 kepada M40/T20 Mentransformasikan sektor tidak formal melalui pendaftaran SSM 	 Pangkalan data bersepadu
	Graduan Menganggur, Pekerja yang Diberhentikan			 Laporan Profil setiap 11 daerah
MENYOKONG PERTUMBUHAN & KELANGSUNGAN PERNIAGAAN PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS)	  	<ul style="list-style-type: none"> Insentif untuk PMKS meliputi pelbagai sektor serta membantu perkembangan perniagaan Pembangunan vendor/usahawan mikro untuk menyokong ekosistem rantaian perniagaan Membantu kebolehpasaran produk tempatan ke pasaran yang lebih luas termasuk peringkat antarabangsa Bimbingan untuk meningkatkan kualiti, pengiktirafan dan pemasaran produk usahawan 	 Memperkasakan platform digital
				 Formalisasi perniagaan

Program-program Pembangunan Modal Insan NCER akan terus dijalankan bagi memastikan kelestarian taraf hidup rakyat dan kemampanan ekonomi setempat di NCER

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Program-program modal insan NCER juga memberi penekanan kepada pendekatan holistik untuk mencapai pembangunan mampan untuk semua, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan ("Sustainable Development Goals" - SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang beriltizam untuk membasmi kemiskinan, melindungi alam sekitar dan iklim dunia, serta memastikan setiap orang dapat menikmati kemakmuran dan keamanan.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB



Strategi Menangani Cabaran COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia turut meninggalkan impak yang mendalam terhadap rakyat dan komuniti perniagaan di NCER pada tahun 2021. Sehubungan itu, NCI telah bertindak balas pantas dengan menyediakan dua program "fast track" yang khusus iaitu **JomKerja@NCER** dan **JomNiaga@NCER** yang memberi tumpuan terhadap usaha mempertingkatkan kemahiran serta melatih semula rakyat yang dibuang kerja dan kehilangan pendapatan dan syarikat-syarikat yang terkesan akibat pandemik tersebut bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka yang mencari kerja, serta meningkatkan daya saing perniagaan mikro.



Pandemik COVID-19 telah meninggalkan impak yang mendalam terhadap golongan rentan dan PMKS di wilayah ini

Pelaksanaan Program Modal Insan NCER Pada Tahun 2021

Tahun 2021 menyaksikan seramai **39,152 rakyat dan komuniti usahawan mikro** merentasi kaum, etnik, budaya dan kepercayaan daripada 30 daerah di NCER termasuk wanita, belia dan masyarakat Orang Asli telah mendapat manfaat daripada pelbagai Program Modal Insan yang dilaksanakan oleh NCI.

Para pelajar berprestasi rendah dari keluarga B40 yang menyertai program empowerNCER-Akademik menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan, dengan 97% pelajar lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 berbanding 88.68% peratus lulus di peringkat nasional.

Lebih daripada **12,086** isi rumah miskin dan miskin tegar yang tersenarai di dalam pangkalan data eKasih dan iDamak telah mendapat manfaat daripada program **Kasih Ibu NCER** di Kedah, Perak dan Perlis. Seramai **8,900** warga NCER juga telah mendapat manfaat setelah menyertai program **empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** dan **JomNiaga@NCER**.

Melalui program **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP@NCER)** dan **JomKerja@NCER**, seramai **4,188** graduan yang menganggur dan pekerja yang diberhentikan telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dalam pelbagai industri di NCER.

Dalam usaha menyokong pengembangan perniagaan serta menangani cabaran aliran tunai bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang merupakan tulang belakang ekonomi tempatan untuk kekal bersaing, seramai **6,970 usahawan** di bawah program **entrepreneurNCER** telah menerima manfaat melalui Skim Pembiayaan Usahawan NCI-MAYBANK dan NCI-AGROBANK manakala melalui program **Dana Usahawan NCER**, 15 syarikat PKS telah menerima manfaat dan seterusnya mencipta 993 peluang pekerjaan.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Pencapaian Utama Program-program Modal Insan NCER Pada 2021

Pencapaian PROGRAM 2021



39,152

Jumlah rakyat terlibat dalam Program Modal Insan NCER



Perlis
5,382



Kedah
14,526



Pulau Pinang
6,248



Perak
12,996



B40
25,236



Wanita
18,413



Belia
7,734



Orang Asli
1,860



56,406

Peluang dan penempatan pekerjaan kumulatif daripada program **empowerNCER, entrepreneurNCER, JomNiaga@NCER, NTEP, JomKerja@NCER dan DU@NCER**



12,086
Penerima bantuan

70,532
Tanggungan




RM73.33
Juta

Jumlah pendapatan terkumpul sehingga **12 bulan**

5,144
Jumlah usahawan

3,024
Perniagaan digital



6,970

Jumlah **Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS)**

RM104.7
Juta

Jumlah pembiayaan

SIFAR

Pinjaman tidak berbayar (NPL)



6,900

Jumlah pelajar terlibat

97%

Kadar kelulusan SPM 2020 (jauh melebihi purata nasional **88.68%**)



1,315

Peluang dan penempatan pekerjaan di **33** syarikat tempatan



2,873

Peluang dan penempatan di **47** syarikat tempatan



15

Jumlah syarikat terlibat

993

Peluang pekerjaan

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Strategi untuk Mencapai Sifar Miskin Tegar Menjelang 2025

Objektif utama pembangunan NCER adalah untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan ekonomi antara negeri, serta antara bandar dan luar bandar di wilayah ini. Sehingga kini, negeri-negeri di NCER, khususnya Kedah, Perak dan Perlis merekodkan kadar kemiskinan tinggi iaitu masing-masing pada 12.7%, 11.4% dan 9.9%. Pulau Pinang pula secara keseluruhannya mencatatkan kadar kemiskinan terendah di NCER iaitu sebanyak 3.3%. Ini adalah berikutan kadar urbanisasi di Pulau Pinang yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri NCER yang lain. Kadar kemiskinan di wilayah ini juga turut terkesan oleh impak COVID-19 yang telah menjejaskan ekonomi negeri-negeri terbabit dan para penduduknya.

NCIA memandang serius terhadap peningkatan jurang kemiskinan yang masih wujud ini dan telah mengambil beberapa inisiatif melalui Program-program Pembangunan Modal Insan NCER yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup rakyat.

Antara inisiatif pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh NCIA ialah **Program Kasih Ibu NCER**, **empowerNCER Akademik** dan **Projek Perintis - Pembangunan Sosiokonomi Secara Holistik Untuk Masyarakat Orang Asli di Lata Kinjang** yang berperanan untuk mencegah kemiskinan masa hadapan ("preventing future poor").



Komuniti Orang Asli merupakan salah satu golongan sasaran utama NCER bagi memastikan mereka juga berpeluang merebut kesan limpahan ekonomi di wilayah ini

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Kasih Ibu NCER

1. Apakah Program Kasih Ibu NCER?

①



SALAH SATU PROGRAM yang mengurangkan beban kos sara hidup secara sistematik dan tersasar kepada golongan miskin tegar dan miskin di NCER

③



≤ 2 TAHUN TEMPOH RANGKA KERJA PELAKSANAAN integrasi program Kasih Ibu membolehkan bimbingan yang teratur bagi melepasi PGK 2019

②



IA DIINTEGRASIKAN DENGAN PROGRAM-PROGRAM MODAL INSAN NCER yang lain di mana ia memfokuskan kepada peningkatan pendapatan, latihan keusahawanan, peluang pekerjaan dan pembangunan akademik pelajar-pelajar

④



Program ini perlu **DITERUSKAN** sehingga tahun 2025 berdasarkan TEMPOH RMKe-12 bagi memastikan ia dapat mencapai sasaran sifar miskin tegar

2. Menangani Impak Kenaikan Kos Sara Hidup



BENTUK BANTUAN

Pemberian kad tanpa tunai bagi bantuan keperluan barangan asas dan kesihatan kepada golongan wanita di bawah kategori miskin dan tegar daripada senarai eKasih dan iDamak (Orang Asli)

RM250
Setiap bulan

Pembelian 16 Barangan Asas

RM500
setahun

Penjagaan Kesihatan dari Klinik Swasta

KUMPULAN SASARAN

Miskin & Miskin Tegar dari Pangkalan Data eKasih (ICU) dan iDamak (JAKOA)

20,836

Penerima dari 2019 - 2021

108,527

Tanggungian dari 2019 - 2021

KRITERIA KELAYAKAN

Berdaftar di bawah senarai e-Kasih (ICU)

1

Warga Malaysia yang menetap di Perlis, Kedah dan Perak

2

Wanita berusia 18-60 tahun; dengan tanggungan bawah 21 tahun yang masih belajar

3

Pendapatan yang diterima daripada Persekutuan dan Negeri seperti Zakat, BSH dan BAES turut diambil kira dalam pengiraan pendapatan isi rumah

4

3. Ringkasan Pencapaian Sehingga Kini (2019-2021)

68%

PENDUDUK MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PROGRAM (daripada jumlah data eKasih di ketiga-tiga negeri, Kedah, Perlis & Perak).

633

PESERTA DAN TANGGUNGAN telah diintegrasikan dalam Program Modal Insan NCER

365

BILANGAN PENERIMA DAN TANGGUNGAN yang diintegrasikan dengan Program Modal Insan NCER dan berjaya menjana pendapatan

2,365

PRA-PENDAFTARAN diterima untuk menyertai Program Modal Insan NCER pada tahun 2022

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



Program Kasih Ibu NCER mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh kaum wanita di wilayah ini

INTEGRASI KASIH IBU NCER DENGAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG LAIN

Sejajar dengan sasaran Sifar Miskin Tegar 2025 di bawah RMKe-12, seramai 633 penerima dan tanggungan Kasih Ibu NCER telah menyertai program-program Modal Insan NCER yang lain seperti empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, empowerNCER Akademik dan JomNiaga@NCER. Usaha ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan kadar kemiskinan pada masa hadapan melalui peningkatan pendapatan penerima.

Seramai 365 peserta Kasih Ibu NCER daripada tahun 2019 sehingga kini telah berjaya menjana pendapatan dan 89% daripada kedai panel yang dilantik adalah terdiri daripada peniaga kecil di kawasan luar bandar. Ini sekaligus membuktikan kejayaan program ini dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi golongan sasar.



Salah satu daripada klinik panel program Kasih Ibu NCER



Kegembiraan jelas terpancar di wajah penerima bantuan Kasih Ibu NCER yang kini mampu mendapatkan barangan keperluan asas untuk keluarga mereka



Inisiatif pembelian tanpa tunai untuk barangan keperluan asas berjaya meringankan beban penerima bantuan Kasih Ibu NCER



Penerima bantuan Kasih Ibu NCER turut diintegrasikan dalam program Pembangunan Modal Insan NCER yang lain agar mereka mampu mengukuhkan ekonomi masing-masing

Program Kasih Ibu NCER merupakan sebuah program bersepadu yang sejajar dengan objektif **RMKe-12: Sasaran Sifar Miskin Tegar Menjelang 2025**. Ia telah dilaksanakan di negeri Kedah, Perlis dan Perak serta menyasarkan kaum wanita dan tanggungannya dari kumpulan miskin dan miskin tegar.

Sejak pelaksanaannya pada tahun 2019 sehingga kini, seramai **20,836 wanita** serta **108,527 tanggungan** mereka yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar di ketiga-tiga negeri telah menerima manfaat daripada Program Kasih Ibu NCER di mana ia telah berjaya meringankan beban peningkatan kos sara hidup. Manakala, seramai 1,094 penerima adalah terdiri daripada wanita dari komuniti Orang Asli.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

TESTIMONIAL KASIH IBU NCER



PERLIS

INSON BINTI CHA

Penerima Kasih Ibu Perlis (KIP) Kangar



"Makcik berasa terharu dan berterima kasih atas bantuan yang diberikan NCER dan kerajaan Negeri Perlis. Selama ni Makcik tidak pernah dapat bantuan seperti ini."



KEDAH

NORHAFIZAWATI BINTI BENI

Penerima Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) Daerah Kubang Pasu



"Kad KIDA amat membantu dalam menampung perbelanjaan harian saya dan kos rawatan anak saya yang menghidap penyakit kulit. Harapan saya semoga bantuan KIDA ini dilanjutkan pada masa hadapan."



PERAK

ANDAK BT LONG YUSHI

Penerima Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR) Perak Tengah



"Saya berharap agar bantuan KIDR ini dapat diteruskan kerana program ini memberi manfaat kepada golongan sasaran dan saya amat berterima kasih kepada NCIA kerana memberi kemudahan kepada saya dan penerima-penerima yang lain."

SUPER GMART MINI MARKET

Kedai Panel Kasih Ibu Perlis (KIP) Titi Tinggi



"Pelaksanaan program ini bukan sahaja membantu golongan kurang berkemampuan, tetapi membantu juga usahawan seperti saya menambahkan pelanggan tetap dan meningkatkan pendapatan perniagaan runcit."

JALINAN MESRA

Kedai Panel Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) Daerah Yan



"Harapan dan cadangan saya untuk program bantuan KIDA ini agar pihak Kerajaan memperluaskan lagi bantuan kepada sesiapa sahaja yang layak menerimanya dan pada masa yang sama, kesannya juga dapat menambah pendapatan jualan kepada peruncit dan kedai panel yang lain."

KEDAI RUNCIT MIEANA KASIH

Kedai Panel Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR) Kerian



"Terima kasih kepada pihak NCER kerana telah memilih kedai saya sebagai panel untuk program ini. Pada pendapat saya, program ini sangat bagus kerana dapat membantu ramai orang yang dalam kesusahan. Pada masa sama, ia juga dapat membantu kedai yang menjadi panel untuk menambah pendapatan."

KLINIK FAIZAH

Klinik Panel Kasih Ibu Perlis (KIP) Beseri



"Pelaksanaan program KIP ini amat baik dan wajar diteruskan untuk membantu golongan tidak berkemampuan di negeri Perlis."

POLIKLINIK DR AZHAR DAN RAKAN RAKAN

Klinik Panel Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) Daerah Pendang



"Terima Kasih dan syabas kepada pihak NCER kerana menjalankan program yang sangat bermanfaat ini. Program ini perlu diteruskan kerana ia dapat membantu golongan miskin tegar mendapatkan rawatan dengan lebih cepat tanpa perlu runding memikirkan kos yang perlu ditanggung."

POLIKLINIK DR AZHAR & RAKAN-RAKAN


Klinik Panel Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR) Batang Padang



"Program KIDR banyak membantu penerima dalam mendapatkan rawatan kesihatan secara percuma di klinik swasta. Rata-rata penerima yang datang ke klinik memang daripada golongan yang susah. Oleh itu, bantuan ini banyak membantu mereka dalam mengurangkan beban kewangan terutama dalam musim endemik dan influenza yang berleluasa ini. Pihak klinik amat berbesar hati jika masih diberi peluang untuk menjadi klinik panel bagi program KIDR agar sama-sama dapat membantu penerima dalam mendapatkan rawatan kesihatan yang sewajarnya."

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

empowerNCER Akademik



SASARAN

Program empowerNCER Akademik direka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dari segi akademik dan kemahiran sendiri, khususnya para pelajar Tingkatan 5 daripada keluarga B40 dan murid Orang Asli dari Tahun 5 dan 6.

Program empowerNCER Akademik ini juga merupakan sebuah program kolaboratif strategik bersama rakan pelaksana seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUUKL) serta disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri,

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah-sekolah dan Pejabat Daerah.

Dua komponen utama program adalah **kelas bimbingan akademik** dan **program pembangunan diri** untuk pelajar Tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan SPM dan **Kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira)** khusus untuk murid Orang Asli Tahun 5 dan program bimbingan akademik untuk Tahun 6.

Program empowerNCER Akademik mempunyai kelebihan dan keunikannya tersendiri, antaranya:

- Menggabungkan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian
- Modul yang disesuaikan mengikut keperluan pelajar dan dibangunkan oleh universiti dan Guru Cemerlang
- Pendekatan serampang tiga mata yang melibatkan pelajar, guru dan ibu bapa
- Integrasi dengan program-program modal insan NCIA yang lain
- Bimbingan selepas SPM bagi penempatan pelajar ke institusi pengajian tinggi

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Pihak NCER juga telah menjalinkan kerjasama pintar dengan Yayasan PETRONAS dan Yayasan MyKasih bagi pelaksanaan program ini, yang mana Yayasan PETRONAS telah menaja 1,750 orang pelajar Tingkatan 5 di sekitar daerah Pendang, Sik, Baling, Kuala Muda dan Yan di negeri Kedah.

Manakala Yayasan MyKasih telah memberi manfaat kepada **7,900 pelajar dari 19 buah sekolah** melalui program empowerNCER-MyKasih semenjak tahun 2019.

Yayasan MyKasih juga telah membangunkan program yang menggabungkan pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan robotik (kolaborasi bersama SASBADI) dan Laman Akuaponik, serta memberi bantuan makanan melalui inisiatif Kad Tanpa Tunai serta Pembelajaran Abad ke-21 melalui pengagihan komputer riba dan projektor LCD kepada sekolah-sekolah yang terlibat supaya dapat melancarkan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian.

Kerjasama dengan rakan pelaksana, UPSI pula menyaksikan kesinambungan program empowerNCER Akademik untuk 900 murid Orang Asli Tahun 5 dan 6 di Perak.

Disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sekolah, pihak MyKasih telah membenarkan 31 orang fasilitator yang dilantik oleh UPSI menggunakan kemudahan komputer riba bagi proses pengajaran dan pembelajaran di kampung Orang Asli.

MyKasih turut menyediakan bahan pengajaran dan alat bantuan dalam mempersiapkan murid yang mengikuti Pertandingan Robotik Kebangsaan Maya 2021 yang telah diadakan pada 24 September 2021 selama tujuh hari.

Seramai 74 murid di bawah program empowerNCER MyKasih, termasuk 10 murid Orang Asli daripada lima buah sekolah, terlibat dalam pertandingan tersebut yang telah memberikan mereka pendedahan dan pengalaman baharu di samping memupuk serta menanam minat mereka dalam bidang robotik.



Majlis Penyerahan Tablet kepada peserta Program empowerNCER Akademik dengan kerjasama Yayasan PETRONAS di SMK Ayer Puteh Dalam di Pendang, Kedah



Peserta empowerNCER Akademik didedahkan kepada penggunaan IT dalam proses pembelajaran



Antara murid-murid Orang Asli yang terlibat dalam program empowerNCER-MyKasih

Pencapaian Program empowerNCER-Akademik



97%

pelajar daripada 1,950 pelajar lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020



8%

berjaya mendapat 5A ke atas



61%

Orang Asli Darjah 5 telah menunjukkan peningkatan dalam Kemahiran 3M



9,150

pelajar dari 30 daerah di NCER

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



TESTIMONI PESERTA DAN WARIS



PUAN RODZIAH BINTI OSMAN

Waris kepada:
Nurzalika Binti Rosli
(Bekas Pelajar Tingkatan 5 SPM 2020)
SMK Raja Puan Muda
Tengku Fauziah



"Saya hanya mampu mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pelaksana program kerana memberi peluang kepada anak saya untuk mengikuti kelas tuisyen dengan gunakan modul tambahan.

Alhamdulillah, kini dia menyambung pelajaran di Tingkatan 6 di SMK Tengku Sulaiman."

BEE JIA YUN

Pelajar Tingkatan 5 SPM 2021
Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Besar Utara



"Saya Bee Jia Yun dari SMK Padang Besar Utara dan pelajar SPM 2021. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak NCER yang telah melaksanakan Program empowerNCER Akademik. Program Kelas Tambahan Bahasa Inggeris dan modul empowerNCER Bahasa Inggeris yang disediakan banyak membantu saya dan pelajar-pelajar lain dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Sebelum menyertai program ini, tahap penguasaan Bahasa Inggeris saya sangat lemah dan selalu tidak lulus dalam peperiksaan. Namun, selepas saya menyertai program ini, pencapaian keputusan peperiksaan bagi Bahasa Inggeris saya telah meningkat."

ENCIK NAHARUDEEN BIN OTHMAN

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perlis



"Saya bagi pihak JPN Perlis ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak empowerNCER kerana banyak membantu pelajar SPM sesi 2021/2022. Selain daripada Program Peningkatan Pelajar SPM, penyerahan bantuan makanan dan tablet serta penyediaan modul SPM telah memberi impak kepada pelajar di negeri Perlis.

Sehubungan itu, kami berharap agar kita dapat bekerjasama di masa akan datang."



PUAN NOOR AZRINA BINTI AZUDIN

Waris kepada:
Nurul Izzah Binti Zainol
(Bekas Pelajar Tingkatan 5 SPM 2020)
SMK Alor Janggus
Daerah Kota Setar



"Program empowerNCER ini sangat membantu anak saya, terutamanya selepas dia tamat SPM. Dia lebih tahu akan arah tuju yang terbaik baginya. Sekarang dia menyambung pelajaran di SMK Agama Kedah dalam Tingkatan 6.

Program Ibu Bapa sebelum ini juga banyak membantu keluarga saya dan anak. Saya lebih cakna tentang program-program yang dijalankan serta hala tuju yang bersesuaian dengan kelayakan akademik anak."

MUHAMMAD ANAS RUSYAI BIN ZULKIFLI

Bekas Pelajar Tingkatan 5 SPM 2020
SMK Gulau Daerah Sik



Hala Tuju: Diploma Kejuruteraan Elektronik MARA Japan Industrial Institute

"Kehidupan keluarga saya tidak semewah orang lain, tetapi sempurna buat saya. Cuma pandemik COVID-19 telah menyukarkan keadaan kewangan keluarga kami. Tidak mahu membebankan keluarga, saya memanfaatkan program yang saya ikuti ini. Pelbagai bantuan dan program yang dianjurkan seperti Program empower "Community Connect", bakul makanan ("food basket"), dan lain-lain lagi telah disumbangkan kepada saya sekeluarga.

Melalui program ini juga, saya berjaya meningkatkan gred daripada 3 subjek gagal kepada semua subjek lulus semasa SPM 2020.

Insya-Allah, impian saya untuk menjadi seorang penterjemah Bahasa Jepun pada suatu hari nanti akan menjadi kenyataan.

Terima kasih NCER, Yayasan PETRONAS dan UiTM kerana memilih saya untuk menyertai program ini dan membantu saya meningkatkan pencapaian."

TUAN HAJI ROZAINI BIN AHMAD

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah



"Pihak JPN menyambut baik pelaksanaan program ini serta kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan guru-guru sekolah yang terlibat. Alhamdulillah, dengan adanya **kerjasama yang baik dari semua pihak**, negeri Kedah telah mencatatkan **98.8% peratus layak mendapat sijil SPM 2020 di bawah program empowerNCER Akademik**. Ini merupakan satu kejayaan yang memberangsangkan dan boleh dipertingkatkan pada masa akan datang. Kekangan dan halangan yang dihadapi sektor pendidikan pada tahun 2020 tidaklah menjadi halangan untuk pelajar-pelajar terus berjaya.

Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang telah diperoleh dengan usaha yang telah dilakukan sepanjang tahun bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang ini."

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



TESTIMONI PESERTA DAN WARIS



PULAU PINANG

KANGESWARY A/P MURUGAN

Bekas Pelajar Tingkatan 5
SPM 2020

SMK Pokok Sena Daerah
Seberang Perai Utara

Hala Tuju:
Institut Pendidikan Guru Kampus (P)
Melayu Melaka (Kursus Pendidikan Teknik)



ENCIK MURUGAN A/L SUPRAMANIAM & PUAN THILAGAVAYHY A/P MUNUSAMY

Waris kepada:
Kangeswary A/P Murugan
(Bekas Pelajar Tingkatan 5
SPM 2020)

SMK Pokok Sena Daerah Seberang Perai Utara



TUAN ABDUL RASHID BIN ABDUL SAMAD

Pengarah Jabatan
Pendidikan Negeri
Pulau Pinang



"Program ini bukan sahaja membantu dari segi kemudahan pembelajaran malah turut menyediakan bantuan bimbingan "Coach" kepada setiap pelajar di mana kami dibimbing dalam pelajaran dan hala tuju seterusnya. "Coach" juga membantu saya dalam persediaan menghadapi SPM.

Selepas mendapat keputusan cemerlang, mereka menyelidik pula minat dan cita-cita saya, dan memberi sokongan untuk menyambung pelajaran ke IPG bagi mencapai cita-cita saya untuk menjadi seorang guru seperti "Coach."

"Saya berbangga dengan keputusan SPM anak saya. Keputusan cemerlang ini adalah hasil bantuan dan sokongan daripada para "Coach". Selain itu, mereka turut membantu memberi panduan kepada anak saya berkenaan cara untuk memohon IPG. Anak saya memang mengimpikan untuk menjadi seorang guru."

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada NCIA kerana 300 pelajar tajaan empowerNCER Akademik telah meraih keputusan dan pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan SPM 2020 yang lalu di negeri Pulau Pinang.

Pihak JPNPP berasa sangat teruja dengan penyusunan aktiviti-aktiviti program dibimbing oleh para fasilitator terlatih yang tidak jemu membakar semangat pelajar dalam mengejar impian masing-masing walau apa pun cabaran dan rintangan yang perlu ditempuh dalam mendepani wabak pandemik COVID-19. Komitmen daripada semua pihak telah menghasilkan kejayaan yang luar biasa.

Adalah menjadi harapan saya agar program ini dapat diteruskan lagi untuk membantu memastikan kemenjadian pelajar serta dapat meraih keputusan yang lebih baik lagi pada tahun yang seterusnya."



PERAK

PUAN HENG MEI GAIK

Waris kepada:
Henny Yeoh Keat Sheng
(Pelajar Tingkatan 5
SPM 2021)

SMK Mudzaffar Shah
Daerah Kerian



ALIEYA ASHIKIN A/P HASZRUL ZAINAL

Bekas Pelajar Tingkatan 5
SPM 2020

SMK Sri Tapah
Daerah Batang Padang

Hala Tuju:
Tingkatan 6 SMK Sri Tapah



ENCIK AZMI BIN DAHALI

Timbalan Pengarah
Pendidikan

Sektor Pengurusan
Sekolah

Jabatan Pendidikan
Negeri Perak



"Program empowerNCER Akademik ni merupakan satu program yang amat membantu anak saya. Setiap program tambahan seperti bengkel dan juga kelas tambahan dapat menjadikan anak saya lebih memahami dan tekun untuk belajar dan mengulangkaji pelajaran. Dengan adanya bantuan tablet yang diberikan, ini memudahkan anak saya untuk memasuki kelas walaupun terpaksa menghadapi cabaran yang ada dalam sistem PdPR ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada empowerNCER Akademik."

"Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar terhadap prestasi akademik saya disebabkan kekangan untuk belajar secara bersemuka bersama guru. Saya juga telah disahkan positif COVID-19 beberapa hari sebelum peperiksaan SPM, namun saya tetap terus bersemangat dan tidak berputus asa.

Pihak NCIA dan UPSI telah memberi sumbangan berbentuk tablet yang banyak membantu kami kerana ia mempunyai pelbagai nota tambahan yang memudahkan kami untuk membuat rujukan bagi mata pelajaran yang kami kurang kuasai.

Saya tidak ingin menia-siakan peluang keemasan yang telah disediakan sama ada oleh pihak sekolah mahu pun pihak NCER dan UPSI untuk membuktikan bahawa kami adalah pelajar yang mampu untuk menjadi cemerlang. Selain dari segi pembelajaran, program empowerNCER Akademik telah membantu meningkatkan tahap keyakinan dalam diri saya untuk melakukan sesuatu supaya saya tidak merasa rendah diri apabila berdepan dengan masyarakat. Saya berharap agar adik-adik di luar sana jangan pernah takut untuk gagal tetapi takutlah jika tidak mencuba dan berusaha. Ambillah peluang yang disediakan untuk meneruskan pengajian supaya dapat menambah ilmu pengetahuan yang sebanyak mungkin."

"Terima kasih kepada NCIA, IUUKL dan UPSI kerana mengadakan Program empowerNCER Akademik bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan, di samping membantu para guru mempelbagaikan kaedah PdP dan menerapkan keseronokan belajar untuk meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang."







Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

MENONGKAH ARUS TREND PENDAPATAN SUSULAN IMPAK PANDEMIK COVID-19


Tahun 2021 turut menyaksikan satu fenomena menarik apabila para peserta program-program Pembangunan Modal Insan menunjukkan pencapaian yang menongkah arus dari segi pendapatan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Program-program modal insan berteraskan rakyat ini, terutamanya **empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** dan **JomNiaga@NCER**, berjaya menyantuni rakyat ke arah pembangunan menyeluruh bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan serta peningkatan pendapatan isi rumah, terutamanya dalam kalangan golongan B40.

Sehingga Disember 2021, pendapatan terkumpul melalui program empowerNCER Latihan Kemahiran & Keusahawanan adalah sebanyak **RM 51.37 juta**, manakala pendapatan terkumpul melalui program JomNiaga@NCER adalah sebanyak **RM21.96 juta**.

5,675 Peserta Yang Tamat Latihan Mencapai Peningkatan Pendapatan Yang Berterusan

 5,675 Graduan Latihan (2019 - 2021)	 		Jumlah
	 200	 1,400	
	 400		

RM JUTA



-  **86%** BELIA
-  **80%** Wanita
-  **5,144** Usahawan
-  **757** Pewujudan Pekerjaan
-  **38%** Keluar dari PGK 2019

Program ini juga berpotensi meningkatkan Penyertaan Tenaga Buruh dalam kalangan Wanita yang kini adalah sebanyak 55.2% berbanding 81.7% di kalangan lelaki.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

PROGRAM empowerNCER LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN

Program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan merupakan inisiatif pembangunan modal insan yang diperkenalkan oleh NCIA bagi meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup rakyat di NCER, khususnya di kalangan modal insan komuniti B40, melalui penyediaan latihan kemahiran yang mampu menjana pendapatan tambahan untuk peserta.

Kursus-kursus yang telah dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan ekonomi dan rakyat setempat seperti Teknologi Pemprosesan Makanan Sejuk Beku dan Hasil Laut, Barista, Pembuatan dan Pemprosesan Produk Asas Tani, Terapi Urutan, Pengurusan Pelancongan, Teknologi Media Kreatif, Membaik Pulih dan Penyelenggaraan Bot, Pendawaian dan Membaik Pulih Peralatan Elektrik, dan lain-lain lagi.

Program-program ini dirangka bagi menangani keperluan sosioekonomi berdasarkan keperluan sedia ada dengan meningkatkan kemahiran rakyat tempatan agar mereka mampu berdaya saing dan merebut peluang ekonomi yang sedia ada.

Sebanyak 29 Pusat empowerNCER telah diwujudkan, di mana ia berperanan sebagai pusat perkhidmatan kepada para peserta dan komuniti. Selain daripada itu, pusat empowerNCER mempunyai kemudahan yang tersendiri

seperti ruang pejabat, bilik latihan serta kemudahan peralatan untuk digunakan oleh peserta bagi aktiviti pembelajaran dan membantu peserta untuk memulakan perniagaan.

Kriteria pemilihan lokasi pusat empowerNCER ialah kedudukannya yang strategik berhampiran dengan bangunan kerajaan, serta mudah diakses menggunakan pengangkutan awam. Dengan pewujudan pusat empowerNCER, ini sekaligus mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk setempat sebagai Pegawai Lapangan atau "Site Officer", yang turut memainkan peranan penting dalam melaksanakan program-program di daerah masing-masing.

Dalam menangani cabaran yang ditempuhi ketika pandemik, peserta empowerNCER Fasa 1 Kumpulan 1 di 11 lokasi iaitu Perlis, Langkawi, Yan, Sik, Pendang, Kuala Muda, Baling, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Batang Padang, Larut, Matang dan Selama berpeluang mempelajari fungsi dan teknik-teknik pemasaran melalui **platform e-dagang** seperti Shopee dan **media sosial** seperti "Facebook Live" dan Instagram untuk menjana pendapatan ketika rakyat Malaysia berdepan dengan sekatan pergerakan. Hasil daripada program ini, kesemua 100% peserta empowerNCER sudah mula menjual di platform dalam talian, malah ada yang berjaya menembusi pasaran di luar daerah masing-masing.

Pelan Mitigasi Dalam Menangani Cabaran COVID-19

<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ① </div> <p style="margin-top: 10px;">Sesi perkongsian perniagaan secara dalam talian</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ② </div> <p style="margin-top: 10px;">Mentor empowerNCER</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ③ </div> <p style="margin-top: 10px;">Memasarkan produk di kedai panel Kasih Ibu</p>
<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ④ </div> <p style="margin-top: 10px;">Pendaftaran platform dalam talian</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ⑤ </div> <p style="margin-top: 10px;">Jualan di TikTok</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ⑥ </div> <p style="margin-top: 10px;">Iklan di Facebook</p>
<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ⑦ </div> <p style="margin-top: 10px;">Promosi produk & perkhidmatan di laman Facebook empowerNCER</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ⑧ </div> <p style="margin-top: 10px;">Menyediakan risalah & papan tanda untuk promosi dan pemasaran</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> ⑨ </div> <p style="margin-top: 10px;">Pendaftaran dengan platform penghantaran makanan Grab/Foodpanda</p>

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

LAPORAN KEBERHASILAN PROGRAM empowerNCER LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN



Satu **Laporan Keberhasilan Program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** telah disediakan berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia (PKSM) dan UMP Advanced selaku penyedia perkhidmatan untuk mengukur keberkesanan Fasa 1 program ini dan impaknya kepada kumpulan sasaran. Kajian komprehensif ini melibatkan kumpulan pertama Fasa 1 program tersebut yang dilaksanakan sejak Ogos 2019 sehingga Ogos 2021

Secara keseluruhannya, program ini didapati telah berjaya **melonjakkan pendapatan peserta-peserta terbabit**, di mana lebih daripada 1,500 peserta program empowerNCER kini berada dalam kategori **M40 dan T20**, sekaligus muncul sebagai usahawan-usahawan yang boleh dicontohi oleh penduduk setempat.

empowerNCER LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN

IMPAK UTAMA PROGRAM



MENINGKATKAN PENDAPATAN MELALUI PENIAGAAN BAHARU

Inisiatif Utama Dalam Menangani Pandemik COVID-19



Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

KISAH KEJAYAAN empowerNCER LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN



PERLIS

MUHAMMAD HAZIQ AMIR

Kangar

Pendapatan sebelumnya
RM100 sebulan

kini meningkat sebanyak
24 kali ganda



"Kurang upaya tak bererti kurang daya. Mempunyai minat yang mendalam serta kemahiran dalam bidang urutan dan kesihatan, pemuda OKU ini gigih menawarkan perkhidmatan urutan dari rumah ke rumah serta penjualan produk kesihatan sambil dibantu oleh abangnya.

Sebelum ini, semangatnya bagaikan hilang. Suntikan motivasi dan latihan keusahawanan empowerNCER telah mengembalikan keyakinannya. Mengotakan janjinya untuk tidak berputus asa, Haziq kini berjaya meningkatkan pendapatannya."




KEDAH

ZULFADLI ASRI

Pandang

Pendapatan sebelumnya
RM700 sebulan

kini meningkat sebanyak
13 kali ganda



"Peserta berumur 29 tahun ini berjaya memecah 'siling kaca' bagi anak-anak muda B40 untuk mengubah nasib mereka sendiri. Bak kata pepatah, 'Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'.

Sebelum menyertai empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, Zulfadli meraih pendapatan bulanan yang rendah menjual aksesori telefon. Selepas mengikuti kursus membaik pulih telefon dan bimbingan keusahawanan, beliau kini memiliki dua buah kedai telefon dan 6 orang pekerja serta menjana pendapatan yang meningkat berlipat kali ganda."

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

KISAH KEJAYAAN empowerNCER LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN

PULAU PINANG

NOR AZLINA ASMUNI
Seberang Perai Tengah

Pendapatan sebelumnya
RM500 sebulan

kini meningkat sebanyak
17 kali ganda



Musibah pandemik memberi satu pengajaran penting iaitu 'Sediakan payung sebelum hujan'. Mengambil iktibar daripada pengalaman perniagaan baju bundle yang terpaksa gulung tikar, Nor Azlina memulakan perniagaan spa secara bergerak dan menjual alat-alat kecantikan seperti minyak urut dan kosmetik setelah mendapat latihan kemahiran keusahawanan empowerNCER.

Beliau juga kembali aktif menjual baju bundle tetapi kali ini secara dalam talian. Dengan bantuan empowerNCER, beliau mampu menjayakan perniagaannya kali ini, justeru membolehkannya hidup dengan selesa.

PERAK

TUAN SHAHIDA BINTI TUAN LONG
Larut, Matang dan Selama

Pendapatan sebelumnya
RM850 sebulan

kini meningkat sebanyak
2.5 kali ganda



"Mendung tak bererti hujan." Tergoyah oleh cabaran pandemik, usahawan spa ini yakin bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan alasan untuk berpeluk tubuh. Terbitnya kegagalan dalam kepasrahan. Beliau enggan menyerah kalah, semata-mata memasrahkan doa dan harapan tanpa berusaha."

Tuan Shahida merupakan pengusaha spa, Shahida Beauty and Health, yang menawarkan perkhidmatan urutan tradisional dan bekam kepada masyarakat setempat. Namun, harapan melihat perniagaannya berkembang hancur musnah akibat pandemik. Terpaksa gulung tikar, beliau berikhtiar mencari alternatif lain dengan menghasilkan produk keluaran sendiri iaitu 'Shahida Energy Coffee' dan kudapan 'Gsha'. Menerusi program empowerNCER, beliau didedahkan kepada strategi pemasaran digital. "Latihan dan bimbingan yang diberikan sangat penting kerana dapat membantu usahawan yang terkandas seperti saya menghadapi norma baharu dan bersedia ke arah ekonomi digital," katanya lega. Sepanjang tempoh pandemik, beliau memanfaatkan platform digital di mana kedua-dua produknya dipasarkan sepenuhnya melalui media sosial. Kini beliau mempunyai 10 ejen dan pada masa yang sama, masih giat menguruskan perkhidmatan spa secara dalam talian. Melalui latihan dan bimbingan empowerNCER, beliau telah berjaya meningkatkan pendapatannya dan mengembangkan perniagaannya.

Benar kata orang, hanya jauhari juga yang mengenal manikam. Hanya seseorang yang bijaksana yang mampu mengetahui kebaikan sesuatu ilmu. Apatah lagi ilmu yang baharu. Kisah Tuan Shahida menuai kejayaan melalui ekonomi dan teknologi digital menjadi inspirasi kepada usahawan PKS untuk bangkit semula dalam mengharungi krisis pandemik.

"Pandemik adalah rahmat di sebalik musibah. empowerNCER telah membantu usahawan seperti saya untuk bangkit semula dengan memanfaatkan platform digital."

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

JomNiaga@NCER

JomNiaga@NCER merupakan sebuah program modal insan yang menyediakan latihan kemahiran asas keusahawanan dan e-dagang untuk menempatkan kumpulan sasaran, terutamanya mereka yang berasal dari sektor tidak formal (“informal”) ke dalam kapasiti produktif bagi memperoleh pendapatan yang lebih tinggi serta penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat di NCER melalui program “train and place” atau “place and train”. Ia juga bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi golongan rentan di NCER, terutamanya mereka yang terkesan oleh impak COVID-19.

Selaras dengan objektif kerajaan untuk mencapai Sifar Miskin Tegar menjelang 2025, program JomNiaga@NCER telah diintegrasikan dengan program-program modal insan yang lain seperti Kasih Ibu NCER dan entrepreneurNCER untuk meningkatkan kemahiran produktif peserta. Ini seterusnya membolehkan mereka memperoleh pendapatan yang lebih tinggi, sekaligus meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga masing-masing.



Program JomNiaga@NCER telah berjaya melahirkan para usahawan berwibawa dalam kalangan rakyat di NCER walaupun negara masih dalam era pandemik

KUMPULAN SASARAN BAGI PROGRAM JomNiaga@NCER

KUMPULAN SASARAN

Peserta Individu

- Belia, Wanita dan Orang Asli
- Komuniti dari kawasan kurang maju
- Graduan menganggur
- Pekerja yang diberhentikan kerja

Syarikat

- Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mengambil pekerja kerana perniagaan yang semakin meningkat/kekurangan pekerja

Sektor



Pembuatan



Makanan & Minuman



Logistik & Teknikal



Kesihatan & Kecantikan



Industri Kraf



Automotif



Telekomunikasi



Pelancongan & Rantaian Bekalan

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Seramai 154 penerima manfaat Kasih Ibu NCER telah diintegrasikan ke dalam JomNiaga@NCER, yang mana 32 daripada mereka berjaya keluar dari Paras Garis Kemiskinan 2019 (PGK 2019) susulan penyertaan mereka dalam program tersebut.

INTEGRASI PROGRAM JomNiaga@NCER DENGAN PROGRAM-PROGRAM MODAL INSAN NCER YANG LAIN



KEDAH

WAIDA BINTI PANJANG

Penerima Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) & Peserta JomNiaga@NCER
Daerah Baling, Kedah



“Saya dapat mempelajari kemahiran membuat roti dan kek melalui kursus JomNiaga@NCER. Kini, saya mula menggunakan platform WhatsApp Business dan Facebook untuk perniagaan.”

Program JomNiaga@NCER memberi penekanan kepada penggunaan platform digital dalam kalangan para peserta sebagai salah satu saluran pemasaran utama untuk produk dan perkhidmatan mereka. Strategi ini ternyata amat penting dalam memastikan capaian pasaran sewaktu perintah kawalan pergerakan berkuatkuasa tatkala pandemik. Malah, penggunaan platform digital merupakan salah satu modul wajib bagi para peserta untuk melengkapkan proses latihan mereka.



Program modal insan “fast-track” yang menyediakan latihan dalam bidang kemahiran, keusahawanan asas dan e-dagang supaya rakyat boleh meraih pendapatan yang lebih tinggi


IMPAK UTAMA PROGRAM

3,475 Peserta (Fasa 1)

RM21.96 JUTA

(Pendapatan Terkumpul Selepas Program)

Kumulatif untuk 6 bulan



RM2.12 JUTA

(Pendapatan Terkumpul Asal)

1,612

Peserta di atas Paras Garis Kemiskinan 2019 (PGK 2019)

206

Peserta yang Meningkatkan ke Kategori M40 dan T20

227

Pekerjaan Diwujudkan (118 oleh Usahawan B40)

596

Komited Penempatan Pekerjaan di 86 syarikat tempatan di NCER

Peserta selebihnya berjaya meningkatkan pendapatan melebihi 20%
1,478 peserta Fasa 2 sedang mengikuti latihan

Meningkatkan Pendapatan Melalui Peniagaan Baharu

Inisiatif Utama Dalam Menangani Pandemik COVID-19



E-DAGANG

2,006

Peserta menggunakan platform e-dagang untuk mencapai pasaran yang lebih luas



PENDAFTARAN SSM

754

Peserta memajukan perniagaan tidak formal mereka



KIT PERMULAAN PERNIAGAAN

3,661

Peserta menerima kit permulaan perniagaan setelah tamat latihan

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

JomNiaga@NCER

KISAH KEJAYAAN PESERTA JomNiaga@NCER

PERLIS

MOHD NASIR BAHAROM @ ISMAIL
Arau

Pendapatan sebelumnya
RM3,500 sebulan

kini meningkat sebanyak
1.7 kali ganda



JomNiaga@NCER Berjaya Membantu Meningkatkan Taraf Isi Rumah B40 Kepada M40

“Berakit-rakit dahulu, berenang-renang ke tepian. Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.”

Adik lelaki kepada penerima bantuan Kasih Ibu Perlis (KIP) ini menempuh pelbagai kesusahan sebelum mendapat kesenangan, berkat kegigihannya dan bantuan program JomNiaga@NCER. Dahulu, beliau hanya menjual burger di tepi jalan. Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau membina sebuah gerai tetap di halaman rumahnya dan mempelbagaikan menu.



KEDAH

K.HEMARRUBAN
Ruben Pastry, Kuala Muda

Pendapatan sebelumnya
Tiada

kini meningkat sebanyak
Mencecah 4 angka



“Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.” Remaja buta yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik ini ditinggalkan ibu bapa semasa kecil dan terpaksa menyara neneknya yang berusia 76 tahun.

Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau memanfaatkan kemahiran membuat pastri dengan memulakan perniagaan mikro menjual biskut dan kek dari rumah kepada pelanggan. Mereka bukan sahaja berasal dari Kedah, malah ada yang dari Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan dan beliau kini menjana pendapatan mencecah 4 angka sebulan.



Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



KISAH KEJAYAAN PESERTA JomNiaga@NCER



SITI WAN NORADILA MANSOR
Diella Creation Boutique
 Seberang Perai Tengah

Pendapatan sebelumnya
RM2,500 sebulan

kini meningkat sebanyak
13 kali ganda



JomNiaga@NCER telah menunjukkan impak yang ketara dalam hidup ibu B40 ini yang membesarkan seorang anak berusia 10 tahun meningkatkan status sosioekonominya setelah menerima kit perniagaan mesin jahit.

Selepas menyertai JomNiaga@NCER, beliau mula mengambil tempahan menjahit pelbagai jenis pakaian dan meraih pendapatan mencecah 5 angka, sekali gus mengeluarkannya daripada kancas kemiskinan.



MOHD SHAHRIZAL BIN MOHAMAD
Rieyzhau
 Hulu Perak

Pendapatan sebelumnya
RM1,000 sebulan

kini meningkat sebanyak
9.6 kali ganda



Beliau sebelum ini tidak mempunyai pengalaman dalam bidang bakeri dan pastri.

Dengan tekad dan semangat yang ada, beliau mendalami bidang bakeri dan pastri. Daripada berniaga secara kecil-kecilan di pasar malam dan penghantaran dari rumah ke rumah, kini beliau mempunyai sebuah kedai serta pelanggan tetap dan produk jenama sendiri.

Bagi melancarkan pengurusan kewangan yang dipelajari melalui kelas keusahawanan JomNiaga@NCER, beliau menggunakan "System Product Sales Report (POS System)" untuk memastikan laporan jualan yang lebih teratur.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

MENYOKONG PERTUMBUHAN DAN KELANGSUNGAN PERNIAGAAN PMKS DI NCER

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang mendalam terhadap Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di NCER. PMKS di wilayah ini menghadapi masalah seperti aliran tunai yang tenat untuk meneruskan perniagaan mereka, serta menghadapi masalah dalam menyediakan pekerjaan dan mengekalkan pekerja masing-masing. Justeru, pihak NCIA menerusi program entrepreneurNCER dan JomNiaga@NCER (Syarikat) telah berjaya menangani permasalahan tersebut.

entrepreneurNCER

Program ini adalah **selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN)** untuk memacu kembali ekonomi secara progresif dan seterusnya memastikan kemampuhan, kelangsungan, kewujudan dan pengekalan pekerjaan kepada PMKS di Malaysia.

Program entrepreneurNCER melalui kerjasama dengan pihak bank terpilih menerusi **Skim Usahawan NCIA-Maybank** dan **Skim Usahawan NCIA-AGROBANK** telah membantu PMKS bagi **mempertahankan perniagaan mereka** dan seterusnya **memudahkan aliran tunai PMKS yang terjejas** kesan daripada pandemik COVID-19.

Penghujung tahun 2021 juga turut menyaksikan penglibatan dua lagi bank iaitu **CIMB dan AFFIN Bank** yang akan turut bekerjasama dengan NCIA bagi program entrepreneurNCER. Seramai 22,500 usahawan PMKS dijangka mendapat manfaat daripada program ini sepanjang tempoh RMKe-12 (2021-2025) dengan penglibatan keempat-empat bank tersebut.

Melalui komponen pembangunan usahawan dan produk, PMKS turut diberikan **bimbingan mengenai pengurusan kualiti produk, penjenamaan dan pembungkusan serta persijilan Halal dan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri)** bagi memastikan kesinambungan pembangunan usahawan NCER ke tahap yang lebih tinggi.

Untuk peringkat permulaan, program perintis bagi Program entrepreneurNCER-SIRIM dilaksanakan di tiga buah lokasi terpilih iaitu Pangkor di Perak, serta Baling dan Sik di Kedah untuk **menyokong** projek-projek berimpak tinggi NCER yang lain seperti **Pembangunan Pulau Bebas Cukai Pangkor, iCON Baling dan iCON Yan**.

Program entrepreneurNCER-SIRIM ini turut digabungkan dengan program-program pembangunan modal insan NCER yang lain seperti empowerNCER dan JomNiaga@NCER. Untuk peringkat seterusnya, **integrasi antara program-program** ini akan memberi bimbingan berterusan kepada **100 usahawan baharu dan sedia ada** di kalangan graduan-graduan di bawah program empowerNCER dan JomNiaga@NCER untuk membawa mereka ke tahap yang lebih tinggi dan memperluaskan jangkauan pasaran.



Program entrepreneurNCER telah membantu PMKS dalam memastikan kelangsungan perniagaan mereka yang terjejas akibat kesan pandemik COVID-19

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



Figkrisz (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar produk minuman kesihatan tempatan yang menggunakan teknologi Jepun, merupakan salah satu peserta entrepreneurNCER yang terpilih untuk mempromosikan produk mereka di Expo 2020 Dubai

Penglibatan Dalam Program Pameran Tempatan dan Misi Perdagangan Antarabangsa

Melalui program entrepreneurNCER, usahawan-usahawan NCER turut berpeluang menyertai program pameran dan misi perdagangan antarabangsa yang berprestij seperti Expo 2020 Dubai, China-ASEAN Expo (CAEXPO) dan "International Inspirasi Khadijah 2020". Untuk tahun 2021 sahaja, seramai **10 usahawan** di NCER telah memanfaatkan sepenuhnya penyertaan mereka dalam Expo 2020 Dubai dengan lebih RM30 juta nilai kontrak telah ditandatangani semasa ekspo tersebut.

Selain itu, NCIA turut dilantik sebagai salah satu agensi yang bertanggungjawab sebagai jawatankuasa untuk melaksanakan Klinik Usahawan dan webinar sepanjang **Karnival Maya Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2021 (PENBVEX 2021)** yang telah berlangsung dari 19 hingga 30 November 2021. Beberapa sesi perkongsian secara langsung oleh usahawan empowerNCER dan JomNiaga@NCER telah diadakan sepanjang karnival ini, serta sesi taklimat oleh rakan kolaborasi keusahawanan NCIA iaitu Maybank dan Agrobank.




Wakil-wakil syarikat Figkrisz (M) Sdn Bhd di Expo 2020 Dubai



Ahmad Hambal Mohd Shood, peserta entrepreneurNCER dari Perak Tengah, berjaya memiliki dron sendiri untuk kegunaan dalam penanaman padi beliau setelah menyertai program tersebut

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat


Pencapaian entrepreneur NCER pada Tahun 2021



Jumlah Usahawan	1,238	3,787	521	1,424
Peserta Wanita	329	799	135	367
Peserta Bumiputera	1,219	3,696	457	1,312
Jumlah Pembiayaan Bank	RM11.8 Juta	RM51.4 Juta	RM14.6 Juta	RM28.9 Juta

Pecahan Peserta Mengikut Skim Pembiayaan

Skim Usahawan NCIA-MAYBANK	25	150	116	101
Skim Usahawan NCIA-AGROBANK	1,213	3,637	405	1,323



Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



KISAH KEJAYAAN PESERTA entrepreneurNCER



PERLIS

Perniagaan Tetap Berkembang Maju Semasa Pandemik COVID-19

NARONGRIT KHUNPHITHAK A/L ERUN

GSM RACING

Arau



Beliau merupakan seorang usahawan dari Arau, Perlis yang menjalankan perusahaan bengkel, alat ganti dan aksesori motosikal sejak 5 tahun lepas dengan dibantu oleh 7 orang pekerja.

Melalui pembiayaan di bawah program NCIA-MAYBANK Entrepreneur Scheme (NMES), beliau telah berjaya mengembangkan perniagaannya dengan menambah 1 lot kedai baru bersebelahan kedai sedia ada bagi menampung permintaan pelanggan yang semakin meningkat walaupun di dalam situasi pandemik COVID-19.



KEDAH

SITI HAJAR GHAZALI

DSB SYAFI ENTERPRISE

Baling



Slogan "Ayam Hijrah Tanpa Was-was" Bawa Keuntungan Besar Buat Usahawan Wanita



Bermotakan rasa kasihan terhadap haiwan ternakan, keprihatinan usahawan ini telah dengan rezeki melimpah-ruah.

Siti Hajar merupakan pengasas produk Ayam Hijrah yang sinonim dengan slogan "Ayam Hijrah Tanpa Was-was". DSB Syafi Enterprise, pengeluar ayam sejuk beku Bumiputera sejak tahun 2013, memiliki kilang di Kawasan Perindustrian Kuala Ketil. Baling dengan kapasiti pemprosesan 1,500 ekor ayam sehari. Keunikan Ayam Hijrah terletak pada konsep penyembelihan

"Halalan Toyyiban" yang tidak menyiksa haiwan, tanpa menggunakan renjatan elektrik dan mengeluarkan ususnya sebelum dicelur. Pencapaian hebat usahawan ini adalah faktor mengapa syarikatnya menerima dua jenis pembiayaan. Berkat suntikan dana Skim Usahawan NCIA-AGROBANK dan entrepreneurNCER-SIRIM, jualan syarikat meningkat daripada RM30,000 kepada RM160,000 sebulan serta mewujudkan lebih 200 peluang perniagaan melalui konsep ejen dan stokis kepada penduduk setempat, khususnya golongan ibu tunggal yang terkesan akibat COVID-19.

Syarikat ini telah mewujudkan sebanyak 10 peluang pekerjaan melalui program JomNiaga@NCER. "Pembiayaan ini juga membolehkan kami mempelbagaikan produk dan mewujudkan pakej perniagaan ayam goreng RM1 kepada usahawan yang berminat," katanya.

Kejayaan ini mengajar Siti Hajar mengenali siapa dirinya, bukan hanya sebagai usahawan tetapi sebagai seorang "insan", seiring dengan aspirasi entrepreneurNCER untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran, berdaya saing serta prihatin.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat



KISAH KEJAYAAN PESERTA entrepreneurNCER



PULAU PINANG

Berjaya Membuka Cawangan Perniagaan Baharu

NURSULIANA BINTI ATHOILLAH

UWAIS AL-QARNI TRADING
Bukit Mertajam



Memulakan perjalanan perniagaan dalam perusahaan jualan buku-buku dan kitab-kitab agama, syarikat ini telah memperluaskan produk-produk daripada negara timur tengah seperti makanan sunnah, wangian berkualiti, madu asli dan lain-lain lagi.

Menerusi skim pembiayaan NCIA-AGROBANK Entrepreneur Scheme (NAES), syarikat ini telah berjaya **mengembangkan perniagaan dengan menubuhkan cawangan baru di Georgetown, Pulau Pinang**. Walaupun perniagaan sedikit terjejas ketika PKP yang lalu, namun dengan pembiayaan ini serta strategi pemasaran secara dalam talian, syarikat ini telah berjaya kembali pulih dan berupaya meneruskan perniagaan.



PERAK

Bangkit Semula Setelah Terjejas Akibat COVID-19

JAKE CHAN YANG KONG

INKFINITY SOLUTIONS
Kinta



Jake Chan menjalankan perniagaan perkhidmatan percetakan dan pengiklanan di daerah Kinta, Perak sejak 2009.


Perniagaannya hampir lumpuh setelah tidak dapat beroperasi hampir 3 bulan akibat kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

Namun, dengan pembiayaan Skim Usahawan NCIA-MAYBANK, beliau bangkit semula dalam memulihkan kembali dan meneruskan perniagaannya.

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

JomNiaga@NCER: Membantu Kelangsungan Syarikat Yang Terkesan Akibat Pandemik

Bagi memastikan kelangsungan perniagaan syarikat-syarikat yang terjejas susulan impak COVID-19, NCI telah menawarkan **insentif subsidi gaji** di bawah program JomNiaga@NCER yang sedikit sebanyak telah dapat membantu PMKS tempatan. Ini sekaligus berjaya menyediakan peluang penempatan pekerjaan kepada rakyat di NCER, khususnya kepada pekerja yang diberhentikan, graduan yang menganggur dan lain-lain lagi. Sektor pelancongan yang terjejas teruk turut menerima manfaat melalui program ini selepas pembukaan semula destinasi-destinasi pelancongan di bawah inisiatif Gelembung Pelancongan ("Tourism Bubble").



JomNiaga@NCER telah membantu dalam memulihkan semula PKMS yang terjejas, terutamanya syarikat-syarikat berkaitan pelancongan, dengan penambahbaikan insentif sedia ada pada bulan September 2021 seperti berikut:

Tempoh insentif selama

12 BULAN

untuk semua

PMKS

Jumlah insentif:

Minimum

RM600

RM1,000

maksimum

50% daripada gaji bulanan yang dibayar kepada pekerja oleh syarikat bagi setiap individu yang diambil bekerja

Pekerja sedia ada yang telah bekerja dengan syarikat selama enam bulan sebelum tarikh permohonan insentif ini diluluskan adalah layak untuk menyertai program ini

PENYERTAAN PMKS DALAM PROGRAM JomNiaga@NCER

236 Graduan Menganggur		3	19
65 Pekerja yang Diberhentikan		19	218
118 Lepasan Sekolah		16	118
		17	110
	JUMLAH	55	465

18 Syarikat telah diluluskan dengan 212 penempatan pekerjaan dengan penambahbaikan polisi subsidi upah dari pelbagai sektor

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

TESTIMONIAL PESERTA JomNiaga@NCER



PERLIS

AMIR AFFENDY BIN HASHIM

Pengarah Urusan
Pasaraya Al Naim
Kuala Perlis
Sektor Peruncitan



Pasaraya Al Naim milik Encik Amir Affendy

"Semasa PKP diumumkan, pasaraya kami baru sahaja mula beroperasi dan amat memerlukan bantuan. Ketika itu, terdapat banyak tempahan barangan dan kami perlu mengambil pekerja, sekali gus menanggung kos permulaan yang amat tinggi. Walaupun perniagaan kami sangat terjejas, kami masih perlu membayar gaji pekerja seperti biasa. Dengan adanya bantuan daripada NCER, ia sangat membantu meringankan beban syarikat kami. Terima kasih NCER!"



KEDAH

FAUZAN BIN YAACOB

Pemilik
Riverra Inn
Langkawi
Sektor Perhotelan



Kakitangan Riverra Inn kini mampu menarik nafas lega dengan adanya bantuan di bawah program JomNiaga@NCER

"Semasa PKP diumumkan, kami kehilangan banyak tempahan. Ramai pelanggan terpaksa membatalkan tempahan bilik kerana tidak dapat bercuti ke Langkawi. Perniagaan kami sangat terjejas, namun kami masih perlu membayar gaji pekerja seperti biasa. Dengan adanya bantuan daripada NCER, ia sangat membantu meringankan beban syarikat kami."

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

TESTIMONIAL PESERTA JomNiaga@NCER



MUHAMMAD RA'ABILSHAH

*Pemilik
MRS Niaga Enterprise
Barat Daya
Sektor Perkhidmatan*



Syarikat MRS Niaga Enterprise berupaya meneruskan operasi dengan adanya bantuan di bawah program JomNiaga@NCER

“Semasa PKP diumumkan, kami mengalami kesukaran termasuklah masalah kewangan. Ramai pekerja yang terpaksa diberhentikan demi menampung kelangsungan perniagaan. Peluang subsidi yang telah diberikan oleh JomNiaga@NCER amat membantu kami untuk terus beroperasi. Kami telah mula menggajikan pekerja baharu tanpa perlu risau bebanan kewangan yang akan kami tanggung.”



HAMIDAH SULAIMAN

*Pemilik
Iddas Frozen Enterprise
Hulu Perak
Sektor Pembuatan Makanan*



Syarikat Iddas Frozen Enterprise berupaya menggaji kakitangan baharu selepas terjejas akibat pandemik dengan adanya program JomNiaga@NCER

“Program JomNiaga@NCER telah membantu memastikan kelangsungan perniagaan kami yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Kami juga berjaya memberi peluang pekerjaan kepada pekerja baharu.

Kami berharap agar program JomNiaga@NCER dapat diteruskan pada masa hadapan bagi membantu syarikat-syarikat industri kecil seperti kami.”

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

KOLABORASI DENGAN SEKTOR SWASTA

NCIA berpegang teguh kepada prinsip berkolaborasi dengan rakan-rakan kerjasama strategik dalam menjayakan Program-program Pembangunan Modal Insannya. Ini termasuklah kolaborasi dengan Yayasan PETRONAS serta Yayasan MyKasih untuk program empowerNCER.

Kolaborasi dengan Yayasan PETRONAS

NCIA berkerjasama dengan Yayasan PETRONAS untuk pelaksanaan Program empowerNCER di lima buah daerah di Kedah iaitu Baling, Yan, Kuala Muda, Sik dan Pendang. Yayasan PETRONAS merupakan cabang tanggungjawab sosial korporat PETRONAS yang telah ditubuhkan sejak tahun 2019 dengan misi untuk memperkayakan kehidupan untuk masa depan yang lestari. Yayasan PETRONAS berhasrat untuk memberikan impak yang mampan, meningkatkan kualiti hidup dan hasil sosioekonomi, penjagaan kesihatan, keselamatan dan persekitaran hidup dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Salah satu program Yayasan PETRONAS di bawah teras Kesejahteraan dan Pembangunan Masyarakat ialah Program Memapankan Ekonomi Asas Rakyat atau lebih dikenali sebagai Program MEKAR.

Bagi menjayakan Program MEKAR, pihak Yayasan PETRONAS telah bekerjasama dengan rakan-rakan strategik dan implementasi seperti NCIA bagi menyediakan bantuan jangka panjang dan berimpak tinggi dalam bentuk keperluan asas, latihan teras serta solusi rangkaian perniagaan dan perkhidmatan dengan tujuan untuk memapankan ekonomi rakyat, terutamanya golongan B40 di Malaysia.

Berdasarkan kejayaan program yang memberangsangkan untuk Fasa 1 Kumpulan 1, Yayasan PETRONAS telah memberi dana untuk pelaksanaan program ini di daerah yang sama di Kedah dan dua daerah di Perak iaitu



Intan Syafinaz Binti Abdul Razak (kanan), peserta empowerNCER yang merupakan pembekal kuih raya Yayasan PETRONAS bersama produk beliau

Batang Padang serta Larut, Matang dan Selama. Yayasan PETRONAS juga memberi peruntukan untuk terus membangunkan graduan program Fasa 1 Kumpulan 1 ke program entrepreneurNCER di bawah "go-to-market strategy", di mana seramai 100 graduan disasarkan untuk mengikuti program ini.

Yayasan PETRONAS juga telah membuka peluang untuk peserta-peserta menjadi pembekal produk-produk berupa hamper untuk Hari Raya dan Krismas, yang mana produk-produk tersebut diedarkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Inisiatif ini telah membina keyakinan peserta untuk menghasilkan kuantiti produk yang lebih banyak dan diiktiraf oleh syarikat bertaraf "Fortune 500 Companies" seperti PETRONAS.



Penyediaan bakul hamper sebagai hadiah korporat oleh para peserta empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan berjaya membina keyakinan diri mereka



Peserta-peserta empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan bertungkus-lumus menyediakan pesanan kuih raya untuk hamper korporat PETRONAS

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Kolaborasi dengan Yayasan MyKasih



Pada tahun 2021, kesinambungan program empowerNCER MyKasih diteruskan yang mana ia merupakan **kolaborasi awam-swasta** antara NCIA dengan Yayasan MyKasih. Para pelajar di kawasan pedalaman diberi akses kepada kemudahan dan fasiliti terkini, termasuk **bantuan makanan**. Dengan peruntukan sepenuhnya oleh sektor swasta, program ini mempunyai

tiga komponen utama iaitu **pemberian bantuan makanan dan peralatan sekolah secara tanpa tunai kepada pelajar ("cashless aid")**, **Pembelajaran Abad Ke-21 ("21st Century Classroom")** dan **program "Robotic Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Learning"**.

MENGOPTIMUMKAN FASILITI MYKASIH SEDIA ADA BAGI MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN PROGRAM UNTUK 900 MURID ORANG ASLI TAHUN 5 & 6

Pelaksanaan 2021

- **SK Pos Kemar - Hulu Perak**
- **SK Batu 14 & SK Batu Tujuh - Batang Padang**
- **SK Pos Legap & SK Pos Perwor - Kuala Kangsar**

KAD TANPA TUNAI



PEMBELAJARAN ABAD KE-21



ROBOTIK



AKUAPONIK



- Penggunaan **kad tanpa tunai untuk pemberian makanan kepada murid** sewaktu program empowerNCER Akademik dikendalikan oleh fasilitator dari kalangan Orang Asli dari perkampungan komuniti terbabit
- **Bakul makanan bernilai RM150** diedarkan kepada **1,600 murid** dari 5 sekolah Orang Asli
- Pembelajaran Abad Ke-21 dioptimumkan sepenuhnya sebagai kaedah pembelajaran yang lebih kreatif untuk **mempertingkatkan tahap penguasaan 3M** di kalangan murid-murid Orang Asli
- Sinergi antara **MyKasih, UPSI and JAKOA** untuk memastikan kelangsungan program

Pertandingan Robotik Maya Kebangsaan (VNRC) 24-30 Sept 2021






- Peralatan dan bahan untuk Pembelajaran Abad Ke-21 dan Robotik disediakan **dengan kerjasama SASBADI** untuk meniadakan halangan bagi murid bagi pertandingan tersebut
- Sejumlah 15 murid dari **5 sekolah Orang Asli** mengambil bahagian dalam VNRC

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Projek Perintis - Pembangunan Sosiokonomi Secara Holistik Untuk Masyarakat Orang Asli di Lata Kinjang

Bagi memastikan kemampuan ekonomi yang berterusan, khususnya di kalangan Orang Asli di NCER, NCIA telah melaksanakan sebuah projek perintis Orang Asli di Lata Kinjang, Perak yang memfokuskan kepada pembangunan aktiviti berkaitan pelancongan secara holistik di destinasi popular tersebut. Projek pembangunan yang disokong oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri ini memfokuskan kepada pendekatan serampang tiga mata yang merangkumi:

 <p>Penaiktarafan infrastruktur dan kemudahan pelancongan Taman Eko Rimba Lata Kinjang, bermula dengan Fasa 1 pada tahun 2021 dan dijangka siap pada JULAI 2022</p>	 <p>Pelaksanaan Program-program Modal Insan NCER iaitu empowerNCER Akademik di SK Sri Kinjang dan SMK Chenderiang, empowerNCER Latihan Kemahiran & Keusahawanan, JomNiaga@NCER dan Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR)</p>	 <p>Penubuhan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad (KOALKB) pada 15 JULAI 2021</p>
---	--	---

MODEL PEMBANGUNAN IN-SITU HOLISTIK KOMUNITI ORANG ASLI - PROJEK PERINTIS DI LATA KINJANG



- 1 Peneraju projek dan menyalurkan peruntukan dana
- 2 Menaik taraf kemudahan infrastruktur ekopelancongan di Eko Rimba Lata Kinjang
- 3 Melaksanakan program pembangunan modal insan yang bersepadu bagi menjana pendapatan yang mampan membantu memudah cara proses peralihan aset kepada KOALKB

Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad (KOALKB)

- 1 Mengurus dan menjana pendapatan daripada aktiviti ekopelancongan
- 2 Menjaga kebajikan dan pendidikan anggota KOALKB
- 3 Berperanan sebagai kedai panel Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR)

1
Penaiktarafan
Infrastruktur

2
Pembangunan
Modal Insan

3
Penubuhan Koperasi
Komuniti Orang Asli

Objektif

- Meningkatkan tarikan pelancongan di Lata Kinjang
- Membina keupayaan keusahawanan di kalangan komuniti Orang Asli
- Memupuk & membangunkan perniagaan mikro & kecil

Pendekatan Strategik Serampang 3 Mata Untuk Memastikan Kemampuan Ekonomi Komuniti Orang Asli



266 Orang Asli di Lata Kinjang



5 kampung termasuk Kg. Lata Kinjang dengan 1,404 penduduk



Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

Penubuhan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad (KOALKB) berperanan untuk mengurus dan mengendalikan kemudahan di **Taman Eko Rimba Lata Kinjang** dengan kerjasama NCIA, JAKOA dan beberapa agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang lain bagi mempromosikan destinasi ekopelancongan tersebut. Suntikan aktiviti pelancongan di Taman Eko Rimba Lata Kinjang yang diterajui NCIA dan diuruskan oleh KOALKB akan membuka ruang kepada komuniti Orang Asli dan penduduk di sekitarnya untuk meningkatkan pendapatan masing-masing dan aktiviti ekonomi setempat. KOALKB turut dilantik sebagai panel kedai KIDR dan sehingga kini telah mencatatkan pendapatan bersih hampir RM25,000 dalam tempoh empat bulan beroperasi.

Pembukaan Taman Eko Rimba Lata Kinjang yang dijangka pada Julai 2022 dengan wajah baharu dan aktiviti tambahan yang lain ini secara tidak langsung dapat menghidupkan semula aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut. Projek ini dijangka akan memberi limpahan ekonomi kepada 1,404 penduduk setempat daripada lima buah kampung berhampiran. Lebih membanggakan, pembangunan tersebut telah pun memberi manfaat kepada 154 Orang Asli yang menyertai Program-program Modal Insan Bersepadu NCER setakat ini.

PROGRAM INSAN NCER UNTUK KOMUNITI LATA KINJANG

Sasaran pendapatan ialah RM1,400/bulan

1



Sebuah program peningkatan kemahiran dan keusahawanan untuk memperkasakan komuniti

Latihan yang disediakan: Pembangunan Perniagaan (Kraftangan), Kulinari & Pemprosesan Makanan Sejuk Beku, Jahitan & Rekaan Fesyen dan Percetakan & Cenderamata

Peserta: 13

2



Inisiatif tindak balas pemulihan untuk menyediakan keusahawanan dan kemahiran yang relevan untuk komuniti memperoleh pendapatan

- Kit Permulaan akan disediakan untuk melengkapkan peserta dengan alatan yang sesuai untuk memulakan perniagaan mereka
- Sasaran pendapatan peserta: RM1,400 sebulan

Peserta: 61

3



Untuk membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka dalam pembangunan akademik dan sahsiah

- 2 sekolah berdekatan Lata Kinjang terlibat dalam program ini:
 - SMK Chenderiang - 23 pelajar Orang Asli Tingkatan 5
 - SK Sri Kinjang - 38 murid Orang Asli Tahun 5 dan 6

Peserta: 50

4



Untuk membantu para ibu dan suri rumah menyediakan makanan asas dan barangan keperluan untuk keluarga mereka

- KIDR Fasa 2 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022
- Koperasi Lata Kinjang telah dilantik sebagai kedai panel bagi program KIDR

Peserta: 28

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

PROGRAM MODAL INSAN NCER UNTUK KOMUNITI LATA KINJANG



Kursus-kursus yang dijalankan di bawah program empowerNCER Akademik serta empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, JomNiaga@NCER dan Koperasi Orang Asli Lata Kinjang



Program Peningkatan Kemahiran Perniagaan dan Keusahawanan - JomNiaga@NCER

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat

PROSPEK



Peserta empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan bagi kursus Rangkaian Antena Wayarles dan "Scaffolding"

Berdasarkan kepada pencapaian prestasi program-program modal insan berteraskan rakyat NCER yang telah dilaksanakan sejak tahun 2019-2021, program-program ini akan diteruskan sepanjang tempoh RMKe-12 (2021-2025).

Sejajar dengan fasa pemulihan negara, program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan akan diteruskan pada tahun 2022 bagi memberi peluang kepada 9,800 rakyat di NCER dari kalangan B40 untuk meningkatkan pendapatan mereka, khususnya golongan wanita, graduan menganggur, belia dan Orang Asli melalui kursus-kursus latihan yang disediakan.

Bagi tahun 2022, seramai 100 graduan program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan akan dikenal pasti untuk diberi bimbingan pembangunan perniagaan tambahan di bawah program entrepreneurNCER-SIRIM. Antara outcome yang disasarkan adalah peningkatan dari segi penjenamaan dan pembungkusan serta pengurusan kualiti bagi membolehkan perniagaan mereka menembusi pasaran yang lebih luas sehingga ke luar negara.

Pada masa yang sama, program "fast-track" JomNiaga@NCER akan diteruskan ke Fasa 3 bagi membolehkan perniagaan tidak formal dan pekerja yang diberhentikan serta graduan menganggur untuk

Pembangunan Modal Insan Berteraskan Rakyat


meneruskan kelangsungan hidup melalui inisiatif keusahawanan yang memfokuskan kepada e-dagang dengan bantuan sokongan kit permulaan perniagaan.

Bagi perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di NCER, program JomNiaga@NCER juga menawarkan insentif subsidi upah bagi membantu usahawan-usahawan terbabit mengekalkan warga kerja mereka, di samping mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan penduduk setempat. Manakala program entrepreneurNCER akan terus membantu PMKS melalui pembiayaan dan bimbingan untuk mengembangkan dan mengekalkan perniagaan masing-masing, terutamanya mereka yang terkesan akibat COVID-19.

Kerjasama strategik NCIA bersama Maybank dan Agrobank dalam program entrepreneurNCER akan diperluaskan melalui kerjasama baharu dengan CIMB Bank dan AFFIN Bank. Seramai 22,500 lagi usahawan PMKS di NCER dijangka mendapat manfaat daripada program ini dalam tempoh 2022 hingga 2025 dengan penglibatan kedua-dua bank tersebut.

Selaras dengan objektif kerajaan untuk mencapai Sifar Kemiskinan Tegar 2025, seramai 104 penerima bantuan di inisiatif program Kasih Ibu NCER telah menyertai program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan lantas meningkatkan kapasiti produktif bagi memperolehi pendapatan yang tinggi dan secara langsung dapat menambah baik status sosioekonomi keluarga. Seramai 67 graduan daripada program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan juga akan diintegrasikan dengan projek berimpak tinggi NCIA seperti Integrated Economic & Community Centre (iCON@NCER) di Baling dan Yan di Kedah serta Hulu Perak dan Pulau Pangkor di Perak, dan juga projek pemerksaan komuniti Orang Asli di Lata Kinjang.

Kerjasama awam dan swasta di antara NCIA dan Yayasan PETRONAS juga akan diteruskan untuk program empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dengan peluasan tajaan ke 2 daerah di Perak iaitu Daerah Batang Padang serta Daerah Larut, Matang dan Selama, selain kerjasama sedia ada di 5 daerah di Kedah iaitu Yan, Baling, Pendang, Sik dan Kuala Muda.



LAPORAN KEMAJUAN PROJEK & PROGRAM DI NCER



Taman Perindustrian Tematik NCER

- Chuping Valley Industrial Area (CVIA)
- Kedah Rubber City (KRC)
- SilverValley Technology Park (SVTP)
- Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing (SLAM) Hub
- Kedah Science & Technology Park (KSTP)



Perniagaan Tani

- NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ)
- EMM 2.0 Pendang
- Akuakultur
- Perlis Superfruits Valley



Pelancongan

- Pembangunan Kompleks Jeti Kargo dan Terminal Penumpang di Pulau Pangkor
- Arkeopelancongan: Pusat Arkeologi Guar Kepah
- Ipoh Heritage Tourism (Pakej 1A, 1B dan Pakej 2)



Logistik & Kesalinghubungan

- Northern Corridor Highway (NCH)
- Perlis Inland Port (PIP)
- Pembangunan Bersepadu Pelabuhan Yan



Projek-Projek Berimpak Tinggi Berteraskan Rakyat

- Kedah Digital Library
- Integrated Economic & Community Centre (iCON) Baling dan Yan

Pelaksanaan projek-projek dan program-program strategik di NCER terus berjalan seperti dirancang walaupun menghadapi pelbagai kekangan akibat pandemik

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

PROJEK-PROJEK NCER MENGIKUT NEGERI




Projek-Projek Strategik dan Berimpak Tinggi di Perlis

Bil. Projek

- 1 Perlis Inland Port (PIP)**
Pengurusan nilai dan reka bentuk terperinci untuk komponen-komponen kemudahan infrastruktur luaran telah siap disempurnakan.
- 2 Chuping Valley Industrial Area (CVIA)**
Peratus siap semasa Fasa 1: 61.82%. Dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2022.
- 3 NAEZ: Perlis Superfruit Valley**
Ladang nukleus telah siap dibangunkan.

NCIA dan FigDirect telah memeterai perjanjian untuk mengembangkan program keusahawanan dengan sasaran sebanyak 15 peserta.
- 4 Lebuhraya Koridor Utara (NCH)**
Jajaran Padang Besar-Changlun dijangka siap menjelang 2030.

Kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan NCH secara RFP telah diperolehi.
- 5 Kangar Sentral**
Peratus siap semasa: 26%.



Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER




Projek-Projek Strategik dan Berimpak Tinggi di Kedah

Bil. Projek

- 1 Kedah Science & Technology Park (KSTP)**
Reka bentuk terperinci siap disempurnakan.
- 2 Lebuhraya Koridor Utara (NCH)**
Seksyen 2: Changlun - Sg. Petani dijangka siap menjelang 2030.

Seksyen 3: Sg. Petani - Changkat Jering dijangka siap menjelang 2027.

Kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan NCH secara RFP telah diperolehi.
- 3 Kedah Rubber City (KRC)**
Peratus siap semasa Fasa 1: 63.42% dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2022
- 4 Kedah Digital Library**
Kerja-kerja pembinaan Fasa 2 telah siap sepenuhnya.
- 5 NAEZ: Model Pengurusan Estet (EMM) 2.0**
Aktiviti pengadaptasian Sistem Pertanian Pintar dimulakan
- 6 Integrated Economic & Community Centre (iCON); iCON Baling & iCON Yan**
Reka bentuk skematik telah siap disempurnakan.
- 7 Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing (SLAM) Hub**
Proses Pengambilan Tanah Bermula
- 8 SLAM Hub: Kesalinghubungan Jalan Raya**
Kajian kebolehlaksanaan telah siap disempurnakan.



Petunjuk

- Jajaran NCH
- Jalan Raya dan Lebuhraya
- Landasan Kereta Api
- Stesen Kereta Api

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER



Projek-Projek Strategik dan Berimpak Tinggi di Pulau Pinang

Bil. Projek

**1 Arkeopelancongan:
Pusat Arkeologi
Guar Kepah**

Reka bentuk skematik telah siap disempurnakan.

2 NCER Technology Innovation Centre (NTIC)

Program NTIC akan bermula pada suku kedua 2022 dan kini sedang dalam perancangan.

3 Lebuhraya Koridor Utara (NCH)

Seksyen 4: Jambatan Kedua Pulau Pinang

Jajaran Seksyen Serdang - Batu Kawan sedang diselaraskan dengan perancangan pembangunan oleh PDC di BKIP 2. Pembinaan dijangka siap pada 2029.

Kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan NCH secara RFP telah diperolehi



Petunjuk

- Jajaran NCH
- Jalan Raya dan Lebu Raya
- Landasan Kereta Api
- Stesen Kereta Api

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER



Projek-Projek Strategik dan Berimpak Tinggi di Perak

Bil. Projek

- 1 Lebuhraya Koridor Utara (NCH)**
 Seksyen 3: Sg Petani - Changkat Jering dijangka siap menjelang 2027.

 Kelulusan Kabinet untuk pelaksanaan NCH secara RFP telah diperolehi.
- 2 SilverValley Technology Park (SVTP)**
 Reka bentuk skematik telah siap disempurnakan.
- 3 Kajian Pembangunan dan Model Perniagaan Kompleks Terminal Jeti P. Pangkor**
 Kajian model perniagaan telah dimulakan.
- 4 Pelancongan Warisan Ipoh Heritage Tourism**
 Pakej 1A dan 1B telah siap sepenuhnya.



Petunjuk

- Jajaran NCH
- Jajaran Lebuhraya Pantai Barat (WCE)
- West Ipoh Span Expressway (WISE)
- Jalan Raya dan Lebu Raya
- Landasan Kereta Api
- Stesen Kereta Api

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

PROJEK-PROJEK STRATEGIK: PEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI WILAYAH



Bagi memastikan NCIA merealisasikan sasaran Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), pelbagai projek dan inisiatif strategik yang berimpak tinggi sedang dirancang dan dilaksanakan

Pada tahun 2021, NCIA terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan dan infrastruktur berimpak tinggi di wilayah ini dalam usaha menjana semula ekonomi NCER dalam era pasca COVID-19. Projek dan program strategik tersebut berada pelbagai peringkat pelaksanaan, antaranya, pembangunan **taman-taman perindustrian tematik** untuk memangkin pelaburan swasta, projek-projek yang memberi penekanan terhadap **Sekuriti Makanan dan Pembangunan Ekonomi Komuniti**, serta **projek-projek lain** yang bermatlamat mensejahterakan komuniti setempat di NCER.

TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DI NCER: MERANGSANG PERTUMBUHAN INDUSTRI PEMBUATAN BERNILAI TINGGI

Taman-taman perindustrian tematik di NCER terdiri daripada projek-projek pembangunan taman perindustrian yang mempunyai **pengkhususan dan industri sasaran masing-masing**. Ia bermatlamat **memanfaatkan kelebihan sedia ada** di kawasan-kawasan terbabit, antaranya, **lokasi yang strategik** serta infrastruktur dan rangkaian kesalinghubungan yang cekap. Perancangan untuk setiap taman perindustrian di NCER ini adalah berdasarkan kepada sektor pembuatan sebagai sektor utama, bagi meningkatkan **aktiviti bernilai tinggi** yang akan memberi impak kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di setiap negeri NCER.

Taman-taman perindustrian tematik di NCER ini bukan sahaja mampu mengupayakan pertumbuhan dalam pembuatan produk-produk bernilai tinggi, malah ia turut memainkan peranan penting dalam memangkin pembangunan sektor **rantaian bekalan industri**, mewujudkan **rangkaian industri sokongan dan pembekal**, sekaligus menyediakan **ekosistem perniagaan yang lebih lengkap**. Ini seterusnya dapat menjana lebih banyak peluang perniagaan di wilayah ini, lantas mengurangkan kebergantungan kepada barangan import.

Pada tahun 2021, dua buah taman perindustrian tematik di NCER telah bersedia menerima kemasukan pelabur dari dalam dan luar negeri, iaitu **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)** di Chuping, Perlis dan **Kedah Rubber City (KRC)** di Padang Terap, Kedah.

NCIA juga sedang dalam peringkat prapelaksanaan bagi pembangunan taman-taman ekoindustri tematik untuk memangkin pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di NCER di bawah **RMKe-12** melalui pendekatan bersepadu. Taman-taman tersebut antaranya ialah **Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing (SLAM) Hub** dan **Kedah Science & Technology Park (KSTP)** di Kedah, **SilverValley Technology Park (SVTP)** di Perak, serta **Penang Technology Park** dan **Taman Perindustrian Bersepadu** di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang akan diterajui oleh pelabur swasta. Secara keseluruhan, pembangunan taman perindustrian baharu ini dijangka akan memberikan impak kepada **KDNK kumulatif NCER berjumlah RM61.8 bilion** serta akan menarik pelaburan swasta berpotensi berjumlah **RM61.6 bilion** yang akan mewujudkan **92,000** peluang pekerjaan baharu di NCER.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Chuping Valley Industrial Area (CVIA)


CVIA merupakan sebuah taman perindustrian bersepadu yang bakal melonjakkan Perlis menjadi negeri perindustrian berpendapatan tinggi menjelang 2030. Ia bakal menempatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berteraskan **industri halal, pembuatan hijau dan penjaan tenaga boleh diperbaharui**. CVIA dijangka akan menyumbang lebih dari **RM2.58 bilion** untuk Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia, serta menarik sejumlah **RM4.5 bilion pelaburan swasta** yang akan mewujudkan lebih dari **12,000 pekerjaan** menjelang 2030.

Pembangunan keseluruhan CVIA dengan keluasan 2,468 ekar melibatkan Fasa 1 dan Fasa 2. Pembangunan projek Fasa 1 dibahagikan kepada 3 komponen, iaitu Pusat Perniagaan Bersepadu ("Integrated Business Centre" - IBC), kerja-kerja tanah dan pembinaan infrastruktur, dan juga penyediaan loji rawatan kumbahan. Pembinaan IBC telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada Jun 2020, manakala 60 ekar pertama Fasa 1 CVIA telah siap pada Disember 2021 dan bersedia untuk menerima kemasukan pelabur. Fasa 1 CVIA dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2022.

Sehingga Disember 2021, CVIA telah menarik **pelaburan swasta berpotensi berjumlah RM2.56 bilion** yang akan mewujudkan hampir **2,000 peluang pekerjaan** dari syarikat tempatan dan juga syarikat asing. Pelabur-pelabur yang telah dikenal pasti untuk CVIA terdiri daripada pemain dalam sektor **produk makanan dan nutraseutikal halal, pembinaan, semikonduktor (elektrik dan elektronik)** dan **pertanian pintar**.



Sesi temu duga syarikat pelabur di CVIA dengan kerjasama NCIA dan BPEN Perlis



Pada 11 April 2021, **salah sebuah syarikat** yang akan melabur di CVIA iaitu Jabil Sdn Bhd telah mengadakan **sesi temu duga kerja** dengan **kerjasama NCIA dan BPEN Perlis** di Dewan Warisan, Kangar, sekaligus membuktikan komitmen dan keyakinannya terhadap projek tersebut. Pada sesi berkenaan, seramai **475 orang pencari kerja telah hadir** untuk sesi temu duga, yang mana seramai **354 orang berjaya** mendapat tawaran pekerjaan dan penempatan di cawangan syarikat tersebut di Pulau Pinang selama dua tahun. Mereka seterusnya akan ditempatkan di kilang syarikat tersebut di CVIA sebagai **kakitangan perintis** apabila siap kelak.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Pembangunan CVIA



Pakej 1: Kerja-kerja Tanah Bagi Penyediaan Plot Industri



Pakej 1: Pembinaan Tangki Simpanan Air



Pakej 2: Pembinaan Tangki Sedut Berserta Rumah Pam



Pakej 2: Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan

Kedah Rubber City (KRC)

KRC merupakan sebuah projek berimpak tinggi nasional dan taman perindustrian berasaskan produk getah khusus pertama yang dibangunkan di daerah Padang Terap, Kedah. Matlamat KRC adalah untuk menjadi peneraju pembangunan industri getah negara, serta berperanan sebagai hab getah bernilai tinggi global. Tujuh kluster teras berasaskan getah telah dikenal pasti di KRC iaitu produk lateks termaju, tayar dan produk berkaitan tayar, komponen getah automotif, produk kejuruteraan getah, getah termaju dan bahan getah, bioteknologi dan perkhidmatan serta sokongan.

KRC dijangka akan menyumbang sebanyak **RM14.7 bilion** kepada KDNK negara, dengan jangkaan kemasukan pelaburan sebanyak **RM10 bilion** dan mewujudkan sebanyak **15,000 peluang pekerjaan** dalam tempoh 15 tahun beroperasi.

Pembangunan keseluruhan KRC melibatkan kawasan seluas 1,244 ekar, merangkumi 496 ekar bagi Fasa 1 dan 748 ekar bagi Fasa 2. Seluas 60 ekar pertama Fasa 1 (64%) telah siap pada Januari 2021 dan bersedia untuk menerima para pelabur yang berminat untuk melabur di KRC. Fasa 1 dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2022.

Sehingga Disember 2021, KRC telah berjaya menarik **pelaburan swasta yang diluluskan** berjumlah **RM3.055 bilion** yang akan mewujudkan **830 peluang pekerjaan**, terutamanya kepada penduduk setempat. Pelabur-pelabur yang telah menyatakan komitmen mereka adalah **Hong Seng Industries** dari sektor pengeluaran bahan getah seperti sebatian lateks "nitrile butadiene" (NBL) dan sarung tangan getah, serta **LTS Logistic** dari sektor perkhidmatan logistik dan pergudangan.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Pada 1 November 2021, Hong Seng Industries telah mengadakan Majlis Pecah Tanah bagi projeknya di KRC yang telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Kedah di Hotel Zenith, Putrajaya. Pada acara tersebut, Hong Seng Industries telah mengumumkan pembinaan **kilang bersepadu "Nitrile Butadiene Latex" (NBL)** yang terbesar di dunia di KRC dengan kapasiti 960 KTPA dalam empat fasa serta pembinaan "tank farm" yang terletak di Pelabuhan Pulau Pinang untuk penyimpanan bahan mentah yang digunakan dalam pengeluaran NBL dengan jangkaan jumlah pelaburan swasta sebanyak **RM5 bilion** dan mewujudkan lebih **2,600 peluang pekerjaan**.



Perasmian Majlis Pecah Tanah oleh syarikat Hong Seng Industries di Hotel Zenith, Putrajaya



Lawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid ke tapak projek KRC



Pakej 1: Kerja-kerja Tanah di KRC



Pakej 2: Loji Rawatan Kumbahan



Pakej 3: Naik Taraf Jalan K11



Pakej 4: Pemecahan Batu

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

SilverValley Technology Park (SVTP)

SVTP akan dibangunkan sebagai sebuah taman perindustrian teknologi generasi masa hadapan di kawasan seluas 1,500 di Mukim Hulu Kinta, Perak. Ia akan memberi tumpuan kepada **aktiviti pembuatan bernilai tinggi dan ekonomi digital** yang akan mengubah landskap sosioekonomi Perak pada masa hadapan.

Kajian semula pelan induk pembangunan SVTP telah dimuktamadkan oleh juruperunding, Ernst & Young Consultancy dan pelan induk SVTP telah diperakukan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Perak Bil. 2/2020 pada Julai 2020. Pengambilan tanah bagi 9 lot yang terlibat bagi kemasukan jalan masuk utama SVTP juga telah diperakukan dengan Borang K pada April 2021.

SVTP turut diperakukan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara Bil.1/2020 pada 6 Mei 2021 di bawah Seksyen (2A)(2)(b). Setakat 2021, SVTP kini berada di dalam peringkat proses penyelesaian isu tanah dan reka bentuk terperinci.



Ilustrasi SilverValley Technology Park menurut gambaran artis

Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing (SLAM) Hub

SLAM Hub merupakan satu lagi projek berimpak tinggi nasional di NCER, yang mana ia akan dibangunkan di Mukim Sidam Kiri, Kulim, Kedah. SLAM Hub bakal melengkapkan pembangunan Kedah Aerotropolis, dengan memfokuskan kepada aktiviti bernilai tinggi khusus termasuk **Logistik, Aeroangkasa dan Pembuatan**.

SLAM Hub dijangka menarik sebanyak **RM18.1 bilion** pelaburan swasta yang akan menyumbang RM8 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan mewujudkan 24,951 pekerjaan dalam tempoh 20 tahun selepas beroperasi.

Kajian kebolehlaksanaan SLAM Hub telah disiapkan pada Oktober 2020 dan perunding bagi reka bentuk terperinci

telah dilantik pada Oktober 2021. Terkini, SLAM berada di peringkat proses pengambilan tanah dan reka bentuk terperinci.



Pelan Induk Susun Atur SLAM Hub

Kedah Science & Technology Park (KSTP)

KTSP adalah sebuah projek berimpak tinggi nasional dan taman perindustrian moden di Bukit Kayu Hitam, Kedah yang memfokuskan kepada pembangunan industri agromakanan, bahan termaju, produk kimia, bioteknologi dan teknologi nano. KSTP berpotensi menarik pelaburan swasta berjumlah **RM12.9 bilion** dan menawarkan **23,244 peluang pekerjaan** apabila siap sepenuhnya kelak

Terkini, NCIA telah menandatangani Perjanjian Kerjasama KSTP bagi Pembangunan Fasa 2 bersama agensi kerajaan negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Perjanjian Kerjasama tersebut telah merealisasikan usaha kerjasama antara PKNK sebagai pemilik tanah dan NCIA sebagai pemaju tanah.



Pelan Induk KSTP

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

PENEKANAN TERHADAP SEKURITI MAKANAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI KOMUNITI

AgriBio merupakan salah satu sektor utama di NCER, dan kepentingannya terus diperkukuhkan dengan pewujudan **NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ)** bagi mendukung agenda sekuriti makanan negara dan hala tuju agromakanan di NCER. Pembangunan NAEZ akan diterajui oleh pihak swasta, yang mana ia dijangka menyumbang sebanyak RM6-8 bilion kepada KDNK, menggantikan import makanan sebanyak RM3-5 bilion, serta mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi dan melahirkan lebih ramai usahawan agro menjelang tahun 2025.

Tahun 2021 juga telah menyaksikan pelancaran projek **Pusat Ekonomi dan Komuniti Bersepadu** atau **"Integrated Economic & Community Centre" (iCON)** di Baling dan Yan secara maya pada 28 Oktober, yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 200 usahawan dan 500 peluang pekerjaan baharu apabila kedua-duanya beroperasi kelak.

PERNIAGAAN TANI

Menyadari kepentingan sektor Perniagaan Tani di NCER terutamanya dalam agenda sekuriti makanan negara, NCIA telah melantik McKinsey & Co dan APUDG untuk melakukan kajian kebolehlaksanaan inisiatif dan projek-projek pertanian di NCER. Berdasarkan kajian tersebut, sebuah kawasan khas ekonomi khas yang dikenali sebagai **NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ)** telah dicadangkan untuk memangkin pertumbuhan ekonomi wilayah dan menjamin sekuriti makanan negara dengan sokongan pihak Kerajaan.



Aktiviti pertanian bernilai tinggi di NCER mampu membantu agenda sekuriti makanan negara

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

NCER AgriBio Economic Zone (NAEZ)

NAEZ merupakan sebuah **zon agribio** yang mengintegrasikan aktiviti - aktiviti perniagaan tani yang diterajui pelaburan pihak swasta. Fokus utama NAEZ ialah mewujudkan zon pertanian yang bersepadu dengan aktiviti **huluan dan hiliran** bagi melengkapkan rantai nilai untuk sekuriti makanan, dan pada masa yang sama merangsang pertumbuhan ekonomi dan merapatkan jurang ekonomi dalam sektor pertanian. Projek-projek utama di NAEZ tertumpu di dua kawasan iaitu **Chuping-Bukit Kayu Hitam** dan **Transkrian**.

NAEZ juga bertujuan mengenal pasti aktiviti serta kawasan pertanian yang berpotensi untuk dimajukan oleh bakal

pelabur, sekaligus membantu dalam merangka insentif yang perlu ditawarkan bagi menarik pelabur swasta dari dalam dan luar negara untuk datang ke NCER.

NAEZ dijangka dapat membantu meningkatkan KDNK melalui pelaburan swasta dari dalam dan luar negara dalam sektor pertanian. Dalam hal ini, NCER memiliki kelebihan tersendiri memandangkan insentif pelaburan NCIA adalah yang terbaik pada ketika ini, terutamanya untuk kawasan kurang membangun (LDA). Sebagai contoh, pelaburan yang melebihi RM200 juta di LDA berpotensi untuk mendapat pakej rangsangan yang menarik seperti pengecualian cukai sehingga 20 tahun dan seumpamanya.

NAEZ TRANSKRAN DAN CHUPING AKAN MEMPUNYAI CADANGAN NILAI YANG BERBEZA NAMUN BERSIFAT SALING MELENGKAPI

Transkrian Smart Agrihub

143,000 hektar

- Meningkatkan produktiviti melalui teknologi yang dipertingkatkan
- Kerjasama dan perkongsian antara tiga negeri

Visi


Sebuah hab bagi mensiap siaga produk pertanian teras NCER untuk masa hadapan

Tema

Hab inovasi termasuk kilang pintar dan rantai bekalan, serta pertanian rumah hijau

Peluang kerjasama untuk **pemindahan teknologi** bagi meningkatkan produktiviti akuakultur

Zon huluan untuk penanaman padi EMM dan perluasan ladang kelapa



Chuping-Bukit Kayu Hitam Agribelt

113,000 hektar

- Ekosistem jagung dan lembu tenusu bersepadu
- Peluang rentas sempadan dengan Thailand

Visi

Pemangkin untuk horizon baharu pertanian dan kerjasama rentas sempadan

Tema

Ekosistem ternakan dan makanan ternakan baharu (hiliran, huluan dan rantai bekalan)

Klim mikro (kelembapan rendah, musim kering) yang optimum untuk tenusu dan jagung

Lokasi yang berdekatan dengan Selatan Thailand memberikan nilai pilihan daripada **kerjasama rentas sempadan** berpotensi

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

NCER AGRIBIO ECONOMIC ZONE (NAEZ)

① "Megatrends" Agromakanan: Ke Arah Pemulihan & Daya Tahan Pasca COVID-19

Kelestarian

Perubahan Teknologi

Persaingan Sumber Asli (Tanah & Air) & Perubahan Iklim

Perubahan Demografi dan Corak Pemakanan

Implikasi Terhadap NCER

1

Sekuriti Makanan

2

Teknologi & Inovasi

3

Transformasi Rantaian Makanan

② Komponen NAEZ

Integrasi keseluruhan rantaian bekalan aktiviti pertanian, termasuk teknologi, inovasi dan aktiviti R&D di dalam zon NAEZ



- ① Tenaga Hijau
- ② Penghasilan Benih
- ③ Pertanian Komersial
- ④ Penuaian/Pemrosesan
- ⑤ Pengeluaran/ Hiliran
- ⑥ Penedaran
- ⑦ Perkhidmatan Sokongan/ R&D

④ Keberhasilan 2022-2025

RM6-8 BILION

KDNK RM6-8 bilion

17,600

Peluang Pekerjaan

900

Usahawan

RM5 BILION

Pelaburan Berpotensi

RM3-5 BILION

Penggantian Import

③ Inisiatif-inisiatif NAEZ

▶ Lembu Tenusu

▶ Jagung Bijirin

- Memenuhi 20% keperluan susu segar
- Mengurangkan pergantungan jagung bijirin import (4 juta tan metrik setahun)

▶ Kelapa

- Mengurangkan pergantungan import (1 juta biji setahun)
- Meningkatkan pengeluaran benih berkualiti

▶ Akuakultur

- Meningkatkan pengeluaran sebanyak 30% melalui teknologi & inovasi

▶ Superfruits & Agro Valley

- Produk pertanian bernilai tinggi

▶ Padi

- Peningkatan hasil melalui pengoptimuman data & input serta pertanian pintar

▶ Hab Inovasi

- Ekosistem rantaian makanan yang merangkumi elemen R&D&I&C&T



Agenda Strategik Sekuriti Makanan di bawah NAEZ ini adalah selari dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NCIA-MAFI pada 20 Januari 2022.

Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kerajaan Negeri menyokong perancangan dan pelaksanaan keseluruhan NAEZ, dan NCIA akan meneruskan kerjasama strategik ini bagi mewujudkan ekosistem lengkap rantaian makanan bagi menyumbang kepada agenda sekuriti dan nutrisi makanan, memacu pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

NCIA turut bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memudahkan cara perlaburan syarikat-syarikat yang berminat. Kelebihan lain yang dimiliki oleh NCER ialah masih terdapat banyak kawasan pertanian yang belum diusahakan secara optimum, bekalan tenaga kerja terlatih yang ramai, serta ketersediaan infrastruktur seperti lebuh raya, bekalan elektrik dan air yang baik.

Pada tahun 2021, NCIA telah menyempurnakan kedua-dua fasa kajian kebolehlaksanaan NAEZ yang masing-masing dijalankan oleh McKinsey & Company (Fasa 1) dan APUDG (Fasa 2). Fasa 1 menggariskan strategi dan pelan pelaksanaan NAEZ bagi Chuping-Bukit Kayu Hitam dan Transkrian,

manakala Fasa 2 memberi penekanan kepada mengenal pasti lokasi yang bersesuaian di kawasan-kawasan NAEZ. Gerak kerja untuk program-program dalam NAEZ dijangka akan dimulakan pada tahun 2022. Setakat penghujung tahun yang sama, lebih **RM400 juta pelaburan** telah berjaya dibawa masuk ke NCER dalam sektor perniagaan tani yang akan mewujudkan lebih 2,000 peluang pekerjaan baharu.

Antara syarikat terkemuka yang telah melabur di NCER adalah **FGV Integrated Farming Sdn Bhd** untuk aktiviti pertanian bernilai tinggi di Chuping, Perlis, serta **Aerodyne Geospatial Sdn Bhd** untuk penyediaan teknologi pintar dan berketepatan tinggi dalam industri pertanian di seluruh NCER.

PROJEK-PROJEK PERNIAGAAN TANI

EMM 2.0 Pendang

Projek **Estate Management Model (EMM) 2.0 Pendang untuk** penanaman padi ini dijalankan di kawasan seluas 64.1 hektar di Kg. Asam Jawa, Pendang di Kedah. Objektif projek ini adalah untuk meningkatkan purata hasil padi peserta daripada 3 tan/ha kepada 8 tan/ha menjelang tahun 2026, sekaligus memberi jaminan pendapatan tetap dan sampingan kepada para peserta dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

Pada masa yang sama, projek ini mampu mengoptimalkan penggunaan tanah di kawasan terbabit, serta meningkatkan kecekapan pembangunan dan pengurusan melalui modenisasi dan pertanian pintar.

Tempoh perjanjian projek ini meliputi 13 musim penanaman, yang bermula dari Musim Pertama 2020 hingga Musim Pertama 2026. Untuk musim pertama

2021, projek ini telah berjaya mencapai hasil 4.5 metrik tan per hektar.

Komponen projek ini merangkumi penggabungan tanah ("land consolidation"), pemulihan tanah, pembangunan infrastruktur asas, mekanisasi dan automasi ladang, pertanian pintar, tanaman kontan dan pelancongan agro. NCIA berperanan sebagai pemilik projek dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

MADA bertanggungjawab meneraju, menyelaras dan memantau projek secara bersama dengan Pertubuhan Peladang Kedah (PPK) FIII Pendang, memastikan hak penggunaan tanah dan akses untuk pelaksanaan projek, menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk Projek EMM 2.0, membangunkan dan mengurus projek mengikut pelan pelaksanaan yang dipersetujui, serta menyelenggara aset dan infrastruktur yang dibangunkan.



Pemulihan Tanah



Infrastruktur



Mekanisasi dan Automasi



Pertanian Pintar ("Smart Farming")

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Akuakultur

Salah satu projek akuakultur utama yang dilaksanakan di NCER ialah **ladang penternakan abalone dalaman ("indoor")** berteknologi tinggi oleh SE Aquatech Sdn Bhd di Segari, Perak. SE Aquatech Sdn Bhd sebagai Syarikat Peneraju projek juga bertanggungjawab membangunkan modul dan SOP bagi penghasilan produk akuakultur premium.

Objektif projek ini adalah untuk membangunkan rantaian nilai produk premium akuakultur dan menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk komuniti setempat. Tempoh projek tersebut adalah dari 24 Ogos 2016 hingga 23 September 2021, dengan kos berjumlah RM3.15 juta.

Projek ini dijangka dapat membantu menghasilkan sumber protein baharu untuk rakyat Malaysia dan meningkatkan peningkatan pendapatan bagi golongan sasaran. Ia juga membantu membangunkan teknologi akuakultur baharu bagi tujuan pengkomersilan produk premium akukultur seperti abalone, serta menarik pelaburan dalam pasaran "niche" dalam segmen produk akuakultur.

Setakat 2021, projek ini berjaya mewujudkan 30 peluang pekerjaan dan melahirkan 10 peladang sinergi, serta 5 juta benih abalone.



Pemandangan udara ladang abalone SE Aquatech Sdn Bhd di Segari, Perak



Peladang sinergi menjalani latihan penternakan abalone



Abalone matang sedia untuk dijual di pasaran komersil



Kolam ternakan dalaman abalone

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Perlis Superfruits Valley

Superfruits merupakan buah-buahan yang mengandungi nutrien dan tahap antioksidan yang tinggi, serta biasanya dijual pada harga premium di pasaran. Hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan dan meneroka pasaran baharu tanaman bernilai tinggi telah pun membuahkan hasil apabila projek Superfruits Valley di Perlis siap sepenuhnya pada penghujung 2020. Buah-buahan superfruits seperti buah tin, gac, lemon dan markisa yang dahulunya asing di kalangan masyarakat tempatan telah mula mendapat tempat, bahkan dijual di pasaraya eksklusif seperti Qra dan Village Grocer.

Fokus juga turut diberikan kepada penghasilan produk-produk nilai tambah yang berkualiti tinggi seperti produk nutrasetikal, kosmetik dan sebagainya. Inisiatif ini dilaksanakan melalui model perniagaan **Syarikat Peneraju** yang akan melahirkan lebih ramai peladang satelit di NCER. Selain mewujudkan peluang pekerjaan dan kelompok usahawan tani, projek Superfruits Valley ini turut menjadi ikon baharu di negeri Perlis.

Setakat 2021, Program Usahawan Tani di Perlis Superfruits Valley telah dibangunkan bagi melahirkan 15 usahawan tani, dengan penyediaan 15 rumah hijau untuk buah tin ("fig") dan infrastruktur guna sama asas ladang.



Program Usahawan Tani di Perlis Superfruits Valley berupaya membangunkan lebih ramai usahawan tani di kalangan rakyat tempatan



Pemandangan dalam salah sebuah rumah hijau ("greenhouse") di Perlis Superfruits Valley

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan di NCER terdiri daripada beberapa subkluster yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, Pendidikan dan Ekonomi Digital**. Setiap subkluster ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi wilayah, dengan memanfaatkan warisan alam semula jadi dan sejarah di negeri-negeri NCER, rangkaian infrastruktur dan logistik yang mampan dan cekap, serta ekosistem mesra pelaburan yang sedia wujud di wilayah ini.

Pelancongan



Cadangan Pembangunan Kompleks Jeti Kargo dan Terminal Penumpang di Pulau Pangkor menurut gambaran artis

Sektor pelancongan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi Malaysia, yang merangkumi 15.9% dari jumlah KDNK. Ia juga merupakan antara sektor ekonomi utama di NCER yang telah berjaya melonjakkan wilayah ini sebagai salah satu destinasi pelancongan yang unggul di Malaysia.

Namun demikian, pandemik COVID-19 telah menjejaskan hampir kesemua sektor ekonomi negara, termasuklah sektor pelancongan. Ini telah memberi impak yang ketara terhadap kelestarian industri pelancongan tanah air. Statistik daripada Tourism Malaysia telah menunjukkan terdapat penurunan pelancong sebanyak 78% di kesemua negeri NCER pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.

Sehubungan itu, NCIA melalui kerjasama dengan MOTAC dan Kerajaan Negeri telah merangka dan mengenal pasti beberapa inisiatif untuk menghidupkan kembali industri pelancongan di NCER. Konsep pembangunan yang digarap ini telah mengambil kira kepentingan rakyat dan pembangunan negara.

Kajian Model Perniagaan dan Pelan Pelaksanaan Bagi Pembangunan Kompleks Jeti Kargo dan Terminal Penumpang di Pulau Pangkor

Pulau Pangkor yang dikenali dengan pantai-pantai yang indah dan juga mempunyai status sebagai pulau bebas cukai merupakan salah satu destinasi pelancong yang terkenal di NCER. Pulau Pangkor telah diwartakan sebagai Pulau Bebas Cukai pada tahun 2019, berkuat kuasa dari 1 Januari 2020.

Tujuan utama pelaksanaan status Pulau Bebas Cukai adalah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi Pulau Pangkor dan meningkatkan daya tarikan Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan. Bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan di pulau tersebut, NCIA telah melantik perunding pada 29 Oktober 2021 untuk menjalankan Kajian Model Perniagaan dan Pelan Pelaksanaan Bagi Pembangunan Kompleks Jeti Kargo dan Terminal Penumpang di Pulau Pangkor.

Kajian ini bertujuan untuk memperkukuhkan Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan yang premier terutamanya di era pasca pandemik. Kajian ini akan meliputi pembangunan pelan induk untuk pembangunan semula jeti-jeti yang sedia ada di Pulau Pangkor dan mengenal pasti model pelaksanaan yang bersesuaian dengan konsep yang ingin diketengahkan oleh pihak perunding, yang mana ia dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Ogos 2022.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER



Lawatan ke tapak arkeopelancongan Guar Kepah oleh TKSUK JPM, YBhg. Datuk Seri Jamil bin Rakon

Arkeopelancongan: Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah

Guar Kepah yang terletak di Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dipercayai merupakan salah satu penempatan awal manusia terawal di Semenanjung Malaysia. Kerja-kerja ekskavasi sejarah awal yang dilakukan oleh Van Stein Callenfels pada tahun 1934-1936 telah menemui bukti-bukti kehidupan Orang Asli suku Semang seperti tulang manusia, sisa makanan, serpihan seramik, alatan batu dan sebagainya di kawasan tersebut.

Pada tahun 2017, pasukan Pusat Penyelidikan Arkeologi USM yang diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin telah menemui tengkorak manusia dan tulang rusuk yang dipercayai dari zaman Neolitik yang berusia kira-kira 5,710 tahun. Susulan daripada penemuan ini, kerajaan negeri Pulau Pinang telah memberi hak milik tanah di tapak arkeologi Guar Kepah kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang bagi membangunkan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah.

NCIA dengan kerjasama CMI Pulau Pinang akan membangunkan semula Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah bagi melindungi dan memajukannya sebagai sebuah lokasi destinasi arkeopelancongan di Pulau Pinang. Pembangunan semula yang dirancang akan melibatkan elemen interaktif digital yang mengintegrasikan bukti-bukti penemuan arkeologi dan warisan zaman Neolitik Guar Kepah.



Replika "Penang Woman" yang dipamerkan di Galeri Guar Kepah

Bagi menyokong pembangunan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah berserta kawasan sekeliling, program-program modal insan yang bertujuan untuk membangun dan memperkasakan komuniti perniagaan tempatan bagi menyokong jejak arkeologi Guar Kepah turut dijalankan oleh NCIA.

NCIA telah melantik perunding untuk kerja-kerja reka bentuk pada Julai 2021 dan pihak perunding dijangka akan memuktamadkan pelan reka bentuk pada suku pertama 2022 dengan fasa pelaksanaan pada suku ketiga 2022.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

“Ipoh Heritage Tourism” Pakej 1A & 1B (Ipoh Padang & Kinta Riverwalk)

Bandaraya Ipoh merupakan bandar yang keempat terbesar dari segi populasi penduduk di Malaysia dan merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri Perak. Ia berada di lokasi yang strategik di antara Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, serta kaya dengan peninggalan bangunan-bangunan bersejarah yang diwarisi dari zaman British.

Ipoh juga boleh diakses dengan mudah melalui Lebuhraya PLUS dan juga perkhidmatan kereta api ETS. Selain daripada bangunan-bangunan warisan yang penuh dengan nilai sejarah, Ipoh juga mempunyai pelbagai tarikan tersendiri seperti Lost World of Tambun, Pekan Lama Ipoh dan Muzium Darul Ridzuan.

Terdapat desakan untuk memelihara kelebihan dan keunikan yang sedia ada di Bandaraya Ipoh dan menjadikannya sebagai daya tarikan pelancong. Sehubungan itu, NCIA bersama-sama dengan rakan strategiknya iaitu Majlis Bandaraya Ipoh telah merancang pembangunan projek “Ipoh Heritage Tourism” bagi memastikan kelestarian industri pelancongan di bandaraya tersebut.

Projek “Ipoh Heritage Tourism” ini akan menjadi satu platform bagi aktiviti kekeluargaan yang baharu dan selamat pada waktu malam. Ia juga akan menjadi satu alternatif pelancongan yang sihat dengan mengukuhkan sistem keselamatan di pusat bandaraya.

Pakej 1B pula melibatkan kerja-kerja menaik taraf Kinta Riverwalk termasuk memperbaiki laluan dan jambatan pejalan kaki serta kedai-kedai di sepanjang Kinta Riverwalk. Fasa pembinaan pakej 1A dan 1B bermula dari September 2020 dan telah disiapkan pada Disember 2021. Pakej 1B bakal dilancarkan pada suku pertama 2022 manakala pakej 1A bakal dilancarkan pada suku kedua 2022.

Kemajuan Pembangunan Ipoh Heritage Tourism



Pakej 1A: Pembinaan dinding fasad untuk pertunjukan cahaya dan bunyi di Ipoh Padang



Pakej 1B: Menaik taraf kemudahan pelancong di Kinta Riverwalk



Pakej 2: Ipoh Townhall dan Pejabat Pos Lama Ipoh

KOMPONEN “IPOH HERITAGE TOURISM” TERDIRI DARIPADA:

Pakej 1A

Pertunjukan cahaya dan bunyi di Ipoh Padang

Pakej 1B

Penaiktarafan di Kinta Riverwalk

Pakej 2

Ipoh Townhall dan Pejabat Pos Lama Ipoh

Pakej 1A bakal memaparkan pertunjukan cahaya dan bunyi mengenai sejarah dan budaya negeri Perak, destinasi-destinasi pelancongan serta lakaran kartun oleh kartunis tersohor Datuk Lat yang juga merupakan anak jati Perak.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

NCIA sentiasa merangka pelan pembangunan projek-projek logistik sebagai ekosistem sokongan kepada pembangunan taman-taman perindustrian tematik yang dilaksanakan di NCER. Di samping itu, projek-projek logistik juga dikategorikan sebagai projek pemangkin yang mampu membuka koridor pembangunan baharu, khususnya di kawasan luar bandar, mengukuhkan jaringan rantaian bekalan (“supply chain”), mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur untuk mengembangkan perdagangan di NCER.

Projek logistik dalam fasa pelaksanaan pada tahun 2021 ialah **Perlis Inland Port (PIP)** dan aktiviti **Ship-to-Ship (STS) di Pelabuhan Yan**. Manakala projek-projek yang sedang dalam fasa perancangan ialah **Northern Corridor Highway (NCH)** dan cadangan **Loji Janakuasa Kitar Padu (“Combined Cycle Gas Turbine”) di Pelabuhan Yan**.


Northern Corridor Highway (NCH)

NCH merupakan projek lebuhraya mega sepanjang 331 km dengan 28 persimpangan (“interchange”) yang bakal menghubungkan bandar dan petempatan dari Padang Besar di Perlis hingga ke Changkat Jering di Perak, serta ke Batu Kawan di Pulau Pinang.

NCH akan meningkatkan kemudahsampaian ke kawasan kurang membangun dan seterusnya membuka koridor pembangunan baharu di sepanjang jajarannya. Ini dapat merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar serta mengurangkan ketidakseimbangan wilayah.

Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan (JKP) Kementerian Kerja Raya (KKR) yang dipengerusikan Ketua Setiausaha KKR pada 26 Mac 2021 telah bersetuju pada dasarnya untuk NCH dilaksanakan melalui Kerjasama Awam Swasta (PPP).

NORTHERN CORRIDOR HIGHWAY (NCH) BAKAL MENGHUBUNGAN KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR, TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DAN MELENGKAPKAN JARINGAN PENGANGKUTAN DI NCER



Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Bagi menjayakan pelaksanaan projek NCH melalui Kerjasama Awam Swasta, pihak Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Kerja yang terdiri daripada pelbagai kementerian serta agensi pusat, dan turut diwakili oleh Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Kerajaan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Ia bertujuan membantu penyediaan maklumat-maklumat untuk dokumen pelaksanaan.

Susulan daripada kelulusan Memorandum Jemaah Menteri pada November 2021 bagi pelaksanaan projek NCH melalui RFP, satu lawatan tapak telah diadakan. Lawatan tersebut bertujuan meninjau dan memperhalusi cadangan jajaran yang meliputi keempat-empat negeri tersebut. Dokument RFP dijangka akan dimuktamadkan dan diiklankan pada penghujung suku ketiga 2022.



Lawatan Tapak Oleh KSU KKR Ke Cadangan Jajaran KESBAN Untuk NCH

Perlis Inland Port (PIP)

PIP merupakan projek strategik berimpak tinggi berkepentingan nasional yang bakal mentransformasi landskap ekonomi negeri Perlis. PIP akan mengukuhkan Perlis sebagai peneraju dan pintu masuk utama bagi perdagangan rentas sempadan dengan Thailand serta menyediakan sokongan logistik bagi pembangunan bersepadu kawasan sempadan negara di Lembah Chuping terdiri daripada CVIA, Chuping Agrovalley, NAEZ Chuping-Bukit Kayu Hitam Agribelt dan Perlis Superfruits Valley.

PIP dilaksanakan melalui **model kerjasama awam swasta (PPP)**, yang mana Mutiara Perlis Sdn Bhd (MPSB) selaku pelabur swasta akan memajukan PIP dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.2 bilion, manakala Kerajaan Persekutuan melalui NCIA akan melaksanakan infrastruktur luaran. Pakej infrastruktur luaran tersebut merangkumi **Pakej 1** iaitu **"bonded road"** dari Kompleks ICQ Padang Besar ke PIP dan **Pakej 2** iaitu **landasan rel sisian** yang menghubungkan PIP dengan landasan rel berkembar Padang Besar-Ipoh dan **jejambat ("flyover")** yang melintasi landasan cabang rel di Jalan Ulu Pauh-Padang Besar (FT79).

PIP YANG BERKELUASAN 500 EKAR AKAN MENJADI PUSAT SEHENTI ("ONE-STOP-CENTRE") BAGI AKTIVITI LOGISTIK DENGAN MENAWARKAN PERKHIDMATAN BERIKUT:

- **Pusat Transit**
- **Konsolidasi dan Dekonsolidasi**
- **Perkhidmatan Penghantaran Barang, Pergudangan dan Perkhidmatan 3PL**
- **Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO), Gudang Rantaian Sejuk**
- **"Bonded Road" dengan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen & Kuarantin (CIQ) khusus untuk trak kargo dari Thailand.**

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Proses Pengurusan Nilai bagi infrastruktur luaran PIP telah dimuktamadkan dengan Makmal Pengurusan Nilai ("Value Management Lab") yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Nilai Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 5-9 April 2021 dan Makmal Kejuruteraan Nilai ("Value Engineering Lab") yang dikendalikan oleh JKR pada 27-31 Disember 2021.

Dengan kerjasama Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), NCIA telah mengadakan Pemeriksaan Awam bagi Skim Keretapi bagi infrastruktur luaran "railway spur line" dari 8 Oktober 2021 hingga 8 Januari 2022 untuk ulasan orang ramai sebelum mendapat kelulusan YB Menteri Pengangkutan.

NCIA sedang dalam proses pelantikan kontraktor pembinaan bagi Pakej 1 "bonded road" dan dijangka memulakan pembinaan pada suku pertama 2022. Pakej 2 "railway spur line" dan jejambat akan dilaksanakan pada suku ketiga 2022.

MPSB sedang mengenal pasti kontraktor untuk pembinaan PIP, di mana Fasa 1 PIP dijangka bermula pada suku ketiga 2022 dan dijangka siap pada 2024 dengan kapasiti tahunan sebanyak 250,000 TEU.

Projek PIP telah dibentangkan di peringkat Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dan dipersetujui sebagai sebuah **projek "flagship" kerjasama serantau**. MPSB telah diiktiraf oleh TERAJU di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB) 2030, di mana PIP dikenal

pasti sebagai salah satu Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). PIP turut diketengahkan di pameran TPB 2030 di KL Convention Centre (KLCC) pada 6 Disember 2021.



Penganjuran Makmal Pengurusan Nilai (VML) untuk pembangunan Perlis Inland Port (PIP) bersama pihak EPU dan Kerajaan Negeri Perlis di Kompleks DUN Kangar




VML untuk pembangunan PIP yang berlangsung di Pejabat Satelit NCIA, Cyberjaya

PERLIS INLAND PORT (PIP)



NCIA akan melaksanakan infrastruktur luaran PIP seperti berikut

- i Pakej 1: "Bonded road" akan menghubungkan pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar ke PIP
- ii Pakej 2: Jajaran "railway spur line" yang menghubungkan PIP ke Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar dan "flyover" di Jalan FT79



Rajah memaparkan tiga infrastruktur luaran yang akan menyokong pembangunan dan operasi PIP kelak

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Pembangunan Bersepadu Yan, Kedah



Pembangunan daerah Yan dijangka mencetuskan peluang-peluang baharu dalam industri pelancongan yang akan memanfaatkan rakyat tempatan

Pembangunan daerah Yan di Kedah telah dirancang dengan berteraskan empat aspirasi iaitu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat setempat, menggerakkan kelestarian, membina kemakmuran bersama dan mengimajinasi semula pembangunan. Ini berdasarkan hasil kajian yang mendapati bahawa walaupun daerah Yan mempunyai potensi untuk menjadi tarikan pelancongan utama, namun ia masih memerlukan penambahbaikan dari segi produk-produk pelancongan dan infrastruktur asas.

Pembangunan ini akan memfokuskan kepada tiga industri iaitu **pelancongan berasaskan komuniti, industri akuakultur pesisir pantai** serta **terminal gas asli cecair dan penjana tenaga**. Projek ini dijangka akan menghasilkan limpahan ekonomi seperti peluang-peluang keusahawanan dalam industri pelancongan yang memanfaatkan keindahan semula jadi pulau-pulau berhampiran seperti Pulau Bunting, Pulau Songsong, Pulau Telur dan Pulau Bidan.

Projek pembangunan bersepadu di Yan, Kedah dijangka akan menyumbang sebanyak **RM21.44 bilion kepada KDNK tanahair** dan menarik **RM8.75 bilion pelaburan** yang akan mewujudkan **2,580 pekerjaan**.

Pelabuhan Yan telah diisytiharkan sebagai sebuah Pelabuhan Persekutuan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 10 Mei 2021, di bawah Seksyen 5, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Had Pelabuhan juga telah diisytiharkan di dalam warta sama, yang melibatkan keluasan perairan 600 kilometer persegi dengan mengambil kira jarak sejauh 20 batu nautika dari pantai.

Pembangunan Pelabuhan Yan dijangka akan meningkatkan aktiviti perkapalan di perairan tersebut, sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat. Ia juga akan merangsang pembangunan kawasan sekitar dan turut menyokong pembangunan industri perkapalan serta memajukan sektor pelancongan tempatan.

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

PROJEK-PROJEK BERIMPAK TINGGI BERTERASKAN RAKYAT

Peningkatan kesejahteraan rakyat dan komuniti setempat di NCIA terus menjadi keutamaan NCIA pada tahun 2021 dengan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang lain seperti Kedah Digital Library (KDL) dan Integrated Economic & Community Centre (iCON).

Kedah Digital Library (KDL)

Selaras dengan perkembangan teknologi moden seperti Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT), terdapat keperluan untuk mewujudkan **perpustakaan digital** di NCER yang berupaya memberi perkhidmatan kepada **komuniti, sekolah dan agensi tempatan**.

Mesyuarat Majlis NCIA ke-20 yang berlangsung pada 18 Mac 2019 telah memutuskan agar NCIA diamanahkan untuk mereplikasi Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) ke negeri-negeri lain di NCER. Kedah merupakan negeri pertama yang memulakan projek ini dengan pembangunan **Kedah Digital Library (KDL)**.

Pembangunan KDL meliputi beberapa komponen, antaranya, sebuah Perpustakaan Rumah Agam, ruang-ruang bacaan, serta galeri yang akan memaparkan pemimpin-pemimpin ternama Kedah. Kesemua ini akan dilengkapi dengan kemudahan komersial seperti sebuah kafeteria dan restoran, serta sebuah dewan komuniti yang akan berperanan sebagai ruang untuk pelbagai jenis acara.

KDL kini sedang dibangunkan di Bangunan Memorial Tunku Abdul Rahman, Alor Setar di kawasan seluas 2.13 ekar. Pembangunan KDL terdiri daripada **dua fasa**, iaitu Fasa 1 yang merangkumi renovasi bangunan sedia ada menjadi sebuah Perpustakaan Rumah Agam, serta Fasa 2 yang meliputi pembinaan sebuah bangunan sambungan baharu.

Susulan penyiapan kerja-kerja pembinaan **Fasa 1** projek KDL pada **Januari 2021**, kerja-kerja pembinaan untuk **Fasa 2** telah siap pada **28 Disember 2021**. KDL dijangka dirasmikan pada bulan Mac 2022, yang mana ia akan menjadi mercu tanda ikonik dan tarikan terbaru untuk para pelajar dan orang awam di Alor Setar apabila pembangunannya siap kelak.



Pemandangan Udara Fasa 1 & 2



Ruang Perbincangan



Suasana Galeri Putra Pada Waktu Malam



Ruang Membaca



Galeri Putra

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

Integrated Economic & Community Centre (iCON)

iCON adalah sebuah inisiatif **pembangunan ekonomi komuniti** baharu yang bertujuan **merapatkan jurang sosioekonomi bandar-luar bandar**, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Ia merupakan sebuah projek pemangkin yang berperanan memupuk **budaya keusahawanan** di kalangan rakyat luar bandar, sekaligus **mengalakkan penyertaan usahawan tempatan** dalam aktiviti ekonomi.

Di samping itu, iCON bakal menjadi tarikan pelancongan di kawasan-kawasan terbabit, sekaligus meningkatkan lagi ekonomi setempat. Projek ini juga bertujuan mengurangkan migrasi keluar penduduk kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Projek ini merangkumi penyediaan ruang perniagaan bersepadu dan kemudahan awam untuk usahawan tempatan dan pengunjung.

Bagi melaksanakan projek iCON, NCIA sebagai pemilik projek menjalinkan kerjasama dengan pemegang taruh utama iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) bagi iCON Baling yang terletak di Pekan Baling, Kedah dan State Secretary, Kedah (Incorporation) (SSK) bagi iCON Yan yang terletak di Guar Chempedak, Kedah. Selain itu NCIA juga bekerjasama dengan lain-lain agensi Persekutuan, Negeri dan pihak yang berkaitan.

Salah satu keistimewaan iCON ialah, **calon-calon peserta** yang berpotensi dipilih melalui **program-program modal insan NCER** seperti **entrepreneurNCER**, **empowerNCER**, **Dana Usahawan (DU@NCER)** dan **JomNiaga@NCER**, serta usahawan-usahawan tempatan yang lain. Sehubungan itu, pihak NCIA sedang melaksanakan program "Quick Win" sebagai persediaan dan telah memulakan proses bagi pemilihan pengusaha yang berpotensi untuk beroperasi di iCON bermula pada suku pertama tahun 2021.

Pelaksanaan projek iCON Baling dan iCON Yan sebagai projek perintis ini telah pun bermula pada suku pertama tahun 2021. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada suku keempat 2022, yang mana ia dijangka siap dan mula beroperasi pada suku pertama 2024.

Ilustrasi Pembangunan "Quick Win" (QW) iCON Baling



Tempoh Pembangunan
Jun 2022 - November 2022

Tempoh Mula Beroperasi
Oktober 2022 - Disember 2023

Kemudahan Lengkap Untuk Peserta (Mesin & Peralatan Jahitan,
Peralatan Memasak dan Kelengkapan Promosi Produk Sejuk Beku)

Fasiliti

- Pejabat empower@NCER
- Inkubator Jahitan
- Ruang Jualan Sejuk Beku
- Ruang F&B

Majlis Pelancaran iCON Baling dan Yan telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Haji Muhammad Sanusi Md Nor pada 28 Oktober 2021, dengan disaksikan oleh dif-dif kehormat iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim; EXCO Pelaburan Kedah merangkap Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail; Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Seri Jamil bin Rakon; dan Ketua Eksekutif NCIA, YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John.

IMPAK PROJEK



1,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan



Meningkatkan nilai produk tempatan



Memberi manfaat kepada lebih 600 Usahawan Kecil dan Sederhana tempatan



Menjadi kawasan tarikan baharu

Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

CADANGAN PEMBANGUNAN iCON BALING MENGIKUT GAMBARAN ARTIS



Laporan Kemajuan Projek Dan Program Di NCER

CADANGAN PEMBANGUNAN iCON YAN MENGIKUT GAMBARAN ARTIS





WARGA KERJA NCIA



Budaya i-STARS

- Pengenalan elemen "Strategic" dalam nilai i-STAR yang kini dikenali sebagai i-STARS



NCIA Emergency Response Team (NCERT)

- NCERT terus melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan keselamatan warga kerja NCIA berdasarkan SOP COVID-19 yang digariskan oleh pihak berkuasa



Lebih 50 Program Latihan Untuk Kakitangan

- Peningkatan kemahiran warga kerja tetap diteruskan dalam suasana norma baharu bagi memastikan objektif organisasi berjaya dicapai



Kelab Sukan & Rekreasi NCIA

- Penganjuran aktiviti riadah dan kerohanian yang mematuhi SOP untuk memastikan keseimbangan kehidupan dan kerjaya

Warga kerja NCIA komited menjalankan tanggungjawab mereka bagi memastikan kejayaan agenda pembangunan NCER

Warga Kerja NCIA



Para i-STARS sewaktu sesi Townhall NCIA berlangsung

MENZAHIRKAN NILAI-NILAI i-STARS DALAM BUDAYA KERJA

Warga kerja NCIA merupakan tunjang organisasi yang amat penting dalam memastikan agenda pembangunan NCER dilaksanakan sebaik mungkin dan dengan penuh integriti, terutamanya dalam tempoh yang serba mencabar sewaktu pandemik COVID-19. Walaupun pelbagai kekangan dihadapi seperti sekatan pergerakan serta penutupan sempadan dalam negeri dan antarabangsa, tahun 2021 muncul sebagai **tahun yang cemerlang** buat NCIA apabila NCER berjaya mencatatkan penarikan pelaburan yang melangkaui jangkauan, manakala pelaksanaan program-program modal insan berteraskan rakyat serta projek dan program strategik pula merekodkan impak yang membanggakan.

Pencapaian ini berjaya direalisasikan hasil usaha warga kerja NCIA yang kekal komited dalam menjalankan tanggungjawab mereka, baik di ibu pejabat mahupun di lapangan, dengan diterajui oleh kepimpinan tertinggi organisasi. Malah, kakitangan NCIA merupakan cerminan

nilai-nilai **i-STARS** iaitu **“Integrity, Speed, Teamwork, Accountability, Respect and Strategic” (Integriti, Pantas, Kerja Berpasukan, Akauntabiliti, Hormat dan Strategik)** yang diterapkan oleh NCIA dalam seluruh aspek operasinya.

Setakat 31 Disember 2021, terdapat seramai **250 warga kerja NCIA** yang terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, kelayakan profesional dan pengkhususan. Para i-STARS NCIA terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam kedua-dua sektor awam dan swasta, serta memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang yang merangkumi sektor perkilangan, pertanian, teknologi maklumat, bioindustri, pelancongan, perkhidmatan sosial dan lain-lain lagi.

Latar belakang profesional mereka yang mantap telah membolehkan NCIA melaksanakan projek dan program di NCER dengan cekap dan efisien, dalam usaha menjana semula ekonomi wilayah dan mensejahterakan rakyat di Wilayah ini.

Warga Kerja NCIA

MEMASTIKAN KESELAMATAN WARGA KERJA SEWAKTU PANDEMIK

Tahun 2021 menyaksikan sebahagian besar warga kerja NCIA meneruskan amalan "Work From Home" atau Bekerja Dari Rumah susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terus berkuat kuasa. Dalam hal ini, Jabatan Teknologi Maklumat NCIA terus memainkan peranan penting dalam memastikan prasarana IT organisasi berada pada tahap optimum, agar segala mesyuarat yang dijalankan secara dalam talian berjalan dengan lancar.

Pelonggaran PKP pada suku tahun keempat 2021 perlahan-lahan menyaksikan pengaktifan semula aktiviti lapangan dan promosi pelaburan secara fizikal. Tidak kira di mana mereka berada, warga kerja NCIA terus cekal dan tabah dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membangunkan NCER. Malah, semangat dan usaha mereka kian kental untuk mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan walaupun pelbagai cabaran harus dihadapi dalam era pandemik.

Jawatankuasa **NCIA Emergency Response Team (NCERT)** yang telah ditubuhkan untuk menangani isu berkaitan COVID-19 di NCIA terus melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan warga kerja NCIA di tempat kerja. NCERT juga sentiasa mengemaskini garis panduan COVID-19 dari semasa ke semasa, selaras dengan pengumuman terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Di samping itu, maklumat-maklumat serta isu-isu semasa turut disampaikan secara berkala oleh Jabatan Sumber Manusia kepada semua warga kerja NCIA melalui e-mel rasmi NCIA. Para i-STARS juga digalakkan untuk mengambil vaksin COVID-19 berdasarkan saranan Kerajaan, manakala kakitangan yang disahkan positif dan menjadi kontak rapat dipantau secara berkala.

Menyedari kepentingan kesihatan mental yang kian meningkat sewaktu pandemik, bimbingan dan kaunseling turut diberikan kepada kakitangan yang sedang dijangkiti COVID-19.

ACARA-ACARA PENTING BERKAITAN WARGA KERJA PADA 2021

Pada 24 Februari 2021, NCIA telah menganjurkan sesi "**Townhall**" untuk berkongsi pencapaian keseluruhan NCER bagi tahun 2020 dan suku tahun pertama 2021 dengan para kakitangan. Pada sesi tersebut, pihak pengurusan turut berkongsi mengenai Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan jangkaan terhadap warga kerja NCIA bagi menjayakan pelan tersebut. Aspek yang ditekankan ialah Ketersediaan Organisasi dan anjakan daripada "**Good to Great**" ("Bagus ke Hebat").


Tahun 2021 juga menyaksikan pengenalan elemen baharu dalam nilai i-STAR, yang kini dikenali sebagai i-STARS, iaitu "Strategic" (Strategik) sebagai tambahan kepada "Integrity, Speed, Teamwork, Accountability and Respect" (Integriti, Pantas, Kerja Berpasukan, Akauntabiliti dan Hormat) sebelum ini.



Penganjuran sesi "Townhall" membolehkan warga i-STARS mendapat maklumat mengenai pencapaian terkini pembangunan NCER dan perancangan organisasi untuk masa hadapan

Warga Kerja NCIA

Nilai-nilai i-STARS Adalah Pemangkin Untuk Kami Menjadi Sebuah Organisasi Hebat



Adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan NCIA untuk memastikan Nilai Teras i-STARS ditegakkan dan diamalkan dengan cekap dan berkesan, selaras dengan visi dan misi NCIA untuk berkembang dengan Ekuiti Sosial dan menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia dan hab teknologi menjelang 2025.

PROGRAM-PROGRAM LATIHAN

Peningkatan kemahiran kakitangan merupakan salah satu elemen utama dalam menjayakan pelaksanaan **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** agar setiap projek dan program dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti dirancang demi manfaat rakyat.

Seperti tahun sebelumnya apabila pandemik COVID-19 mula diumumkan, pelbagai **program latihan secara dalam talian** telah dijalankan bagi memastikan kemahiran dan kepakaran warga kerja NCIA terus dipertingkatkan.

Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2021 adalah taklimat induksi untuk kakitangan baharu, program latihan berkaitan pengurusan projek, kemahiran komunikasi efektif, pengurusan projek, integriti dan kelestarian, serta sesi perkongsian mengenai Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025).

AKTIVITI PEMBANGUNAN ROHANI

Sejajar dengan nilai i-STARS, **aspek kerohanian** turut memainkan peranan penting dalam melahirkan warga kerja yang cemerlang dan penuh integriti. Dalam hal ini, pelbagai aktiviti keagamaan telah dianjurkan pada tahun 2021 seperti majlis tazkirah Ramadan, bacaan surah Yasin dan munajat untuk kakitangan NCIA, dengan dipimpin oleh para penceramah yang dijemput khas.

Warga Kerja NCIA

AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

Keseimbangan kehidupan bekerja perlu berjalan seiring dengan kecergasan fizikal dan kesihatan mental. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan dan riadah yang berlandaskan norma baharu juga mampu membantu **meningkatkan motivasi dan keterlibatan** para kakitangan dalam kegiatan yang dianjurkan oleh pihak NCIA, di samping **mengertatkan lagi semangat berpasukan** sesama mereka.



Menyedari hakikat tersebut, Kelab Sukan & Rekreasi i-STARS (KSRIS) telah menganjurkan pelbagai aktiviti riadah untuk ahlinya, yang mana salah satunya ialah "Special Olympic Tokyo 2020 KAHOOT!" pada bulan Ogos dan September 2021 bersempena temasya sukan Olimpik Tokyo 2020.

Mesyuarat Agung Kedua KSRIS juga telah diadakan pada 10 September 2021 bagi membentangkan perbelanjaan dan aktiviti. Dalam mesyuarat berkenaan, program-program dan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi telah dirancang dengan lebih rapi dengan mengambil kira maklum balas daripada semua ahli. Agenda yang telah dibentangkan pada mesyuarat agong berkenaan adalah seperti berikut:

<p>Membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kelab</p>	<p>Membentangkan Penyata Kewangan (Kredit dan Debit) serta jumlah ahli kelab</p>	<p>Cadangan aktiviti untuk sesi baharu</p>	<p>Membentangkan usul yang diterima</p>
---	---	---	--

Pada 15 Disember 2021, KSRIS turut mengadakan kutipan derma kilat bagi membantu kakitangan NCIA yang terkesan akibat banjir. Inisiatif ini membuktikan semangat kekitaan dan keakraban sesama i-STARS dan sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka akibat musibah tersebut.









**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 [Akta 687].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Pihak Berkuasa Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 [Akta 687]. Anggota Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Pihak Berkuasa;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Pihak Berkuasa dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Pihak Berkuasa telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 [Akta 687] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOR AZIAN BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
02 NOVEMBER 2022



PIHAK BERKUASA PERLAKSANA KORIDOR UTARA (NCIA)

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB** dan **YANG MULIA DATUK TENGKU MUHAMMAD TAUFIK BIN TENGKU KAMADJAJA AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,



DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



DATUK TENGKU MUHAMMAD TAUFIK BIN TENGKU KAMADJAJA AZIZ
Anggota Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh

29 JUN 2022

Tempat

: Kuala Lumpur



PIHAK BERKUASA PERLAKSANA KORIDOR UTARA (NCIA)

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN** dan **VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR**, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Antara Bajet dan Perbelanjaan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di Pulau Pinang pada **29 JUN 2022**


MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN


VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR



PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	Dinyatakan semula 2020 RM
ASET SEMASA			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	83,256,294	225,831,225
Pelaburan jangka pendek	4	73,387	22,073,417
Akaun Belum Terima - Urusniaga bukan pertukaran	5	6,046,150	-
Akaun Belum Terima - Urusniaga pertukaran	6	270,430	513,529
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	7	56,554,078	37,246,449
		146,200,339	285,664,620
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	8	34,750,571	31,770,052
Hartanah Pelaburan	9	477,895,476	275,851,000
Aset tak ketara	10	42,387	66,095
Kerja dalam kemajuan	11	405,397,007	285,054,927
		918,085,441	592,742,074
JUMLAH ASET		1,064,285,780	878,406,694
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Geran Tertunda	12	475,637,930	503,176,028
Pendahuluan diterima bagi Kedah Rubber City		12,472,317	1,942,340
Pajakan kewangan	13	729,199	729,477
		488,839,446	505,847,845
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	14	56,891,396	39,690,878
Pajakan kewangan	13	278	265
		56,891,674	39,691,143
JUMLAH LIABILITI		545,731,120	545,538,988
ASET BERSIH		518,554,660	332,867,706
ASET BERSIH			
Dana Pembangunan	15	52,816,973	52,823,498
Akaun Khas Kedah Rubber City	16	453,069,476	251,660,000
Lebihan terkumpul		12,668,211	28,384,208
		518,554,660	332,867,706

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	Dinyatakan semula 2020 RM
HASIL			
Hasil urusniaga bukan pertukaran	17	224,942,389	109,135,080
Hasil urusniaga pertukaran		995,860	1,115,970
Pendapatan operasi lain		1,926,984	6,293,127
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa Hartanah Pelaburan		202,044,476	252,301,007
JUMLAH HASIL		429,909,709	368,845,184
PERBELANJAAN			
Emolumen	18	31,455,856	27,728,596
Perbelanjaan pejabat		1,312,806	811,204
Sewaan pejabat		249,042	437,937
Latihan dan pembangunan modal insan		44,325	28,011
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan		1,514,683	511,434
Kos kerajaan		159,726	131,254
Kos perubatan		2,228,642	1,746,039
Penyelenggaraan dan pembaikan		2,168,083	1,303,746
Susutnilai aset tetap		1,176,013	1,267,202
Kos operasi lain	19	6,946,198	9,403,000
Perbelanjaan Pembangunan	20	196,967,381	64,195,714
Perbelanjaan Dana Khas Teraju		-	4,209,373
JUMLAH PERBELANJAAN		244,222,755	111,773,510
LEBIHAN DALAM TAHUN CUKAI		185,686,954	257,071,674
LEBIHAN SELEPAS CUKAI		185,686,954	257,071,674

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	<u>Dana Pembangunan</u>	<u>Dana Kedah Rubber City</u>	<u>Lebihan Terkumpul</u>	<u>Jumlah Aset Bersih</u>
Pada 1 Januari 2020:	52,161,119	-	23,634,913	75,796,032
Lebihan dalam tahun	662,379	251,660,000	4,749,295	257,071,674
Pada 31 Disember 2020	52,823,498	251,660,000	28,384,208	332,867,706
Pada 1 Januari 2021	52,823,498	251,660,000	28,384,208	332,867,706
Lebihan/(kurangan) dalam tahun	(6,525)	201,409,476	(15,715,997)	185,686,954
Pada 31 Disember 2021	52,816,973	453,069,476	12,668,211	518,554,660

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan bagi tahun	185,686,954	257,071,674
Pelarasan perkara-perkara yang tidak melibatkan aliran tunai:		
Susutnilai hartanah,loji dan peralatan	1,176,015	1,353,531
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	1	1,091
Keuntungan peningkatan nilai saksama hartanah pelaburan	(202,044,476)	(252,239,740)
Perlunasan geran	(196,993,389)	(69,135,080)
Faedah diterima	(1,926,984)	(6,293,127)
Faedah dibayar	37,995	38,009
Kurangan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(214,063,884)	(69,203,642)
Perubahan Modal Kerja		
Kerja dalam kemajuan	(120,342,080)	(157,410,393)
Akaun belum terima	(5,803,051)	(215,677)
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	(19,307,629)	(16,663,668)
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	(98,603)
Pelbagai pemiutang dan akruan	17,200,518	36,468,624
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(342,316,126)	(207,123,359)
Faedah diterima	1,926,984	5,963,858
Faedah dibayar	(37,995)	(38,009)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(340,427,137)	(201,197,510)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pertambahan hartanah,loji dan peralatan	(4,132,827)	(389,121)
Pertambahan hartanah pelaburan	-	(791,260)
Pertambahan aset tak ketara	-	(141,098)
Pengurangan/(Pertambahan) pelaburan jangka pendek	22,000,030	(22,073,417)
Aliran Tunai Bersih Diperolehi/(Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan	17,867,203	(23,394,896)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Penerimaan Geran Pembangunan	169,980,606	202,100,564
Bayaran balik Dana Teraju	(525,315)	-
Penerimaan pendahuluan Kedah Rubber City	10,529,977	1,942,340
Peningkatan Akaun Kedah Rubber City	-	729,993
Bayaran Pajakan Kewangan	(265)	(251)
Aliran Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Pembiayaan	179,985,003	204,772,646
Pegurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(142,574,931)	(19,819,760)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	225,831,225	245,650,985
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	83,256,294	225,831,225

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**PENYATA PERBANDINGAN ANTARA BAJET DAN PERBELANJAAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	<u>Bajet</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Varian [^]</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
PENERIMAAN			
Urusniaga bukan pertukaran	40,000,000	27,949,000	(12,051,000)
Lain-lain terimaan	3,000,000	2,922,844	(77,156)
	43,000,000	30,871,844	(12,128,156)
PEMBAYARAN			
Emolumen	28,398,673	31,455,856	(3,057,183)
Perbelanjaan pejabat	925,811	1,312,806	(386,995)
Sewaan pejabat	300,000	249,042	50,958
Latihan dan pembangunan modal insan	625,000	44,325	580,675
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan	400,670	1,514,683	(1,114,013)
Kos mesyuarat dan keraian	157,617	159,726	(2,109)
Kos perubatan	1,054,251	2,228,642	(1,174,391)
Penyelenggaraan dan pembaikan	574,305	2,168,083	(1,593,778)
Kos operasi lain	8,363,673	6,946,198	1,417,475
	40,800,000	46,079,361	(5,279,361)
PENERIMAAN/(PEMBAYARAN) BERSIH	2,200,000	(15,207,517)	(17,407,517)

Penjelasan perbezaan bagi Penyata Perbandingan Bajet dan Perbelanjaan Sebenar adalah seperti berikut:

- Perbezaan jumlah penerimaan sebanyak RM12,128,156 atau 28% berbanding bajet adalah kerana Geran Mengurus yang telah disalurkan kepada NCIA bagi tahun 2021 hanya sebanyak RM27,949,000 sahaja. NCIA telah menggunakan lebih terkumpul bagi menampung kekurangan sebanyak RM15,207,517 pada tahun 2021.
- Peningkatan perbelanjaan operasi sebanyak RM5,279,361 atau 13% berbanding bajet adalah kerana bajet 2021 disediakan semasa situasi yang tidak menentu ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") masih lagi berkuatkuasa serta kesukaran pihak Pengurusan NCIA untuk menganggarkan prestasi kewangan dan anggaran perbelanjaan untuk tahun 2021.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. UMUM

1.1 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

(a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan

(b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Ibu pejabat NCIA berada di No 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Penang Science Park, Simpang Ampat, 14100, Penang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Cyberjaya, Alor Setar, Ipoh dan Chuping.

1.2 Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan NCIA.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui Resolusi Pekeliling yang bertarikh pada 29 Jun 2022.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan NCIA disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Garis Panduan Jabatan Akauntan Negara serta Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).

2.1.2 NCIA telah memilih untuk menggunakan piawaian MPSAS bermula dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2020. Pematuhan sepenuhnya standard Piawaian MPSAS berkuatkuasa dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2021.

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2.2 **Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.2.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM 500.00 setiap satu.
- 2.2.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai atau rosotnilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.
- 2.2.3 Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.
- 2.2.4 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian didalam penyata prestasi kewangan.

2.3 **Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

- 2.3.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Rosotnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.
- 2.3.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

<u>Hartanah, Loji dan Peralatan</u>	<u>Kadar tahunan</u>
Tanah pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2%
Kenderaan	25%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Pengubahsuaian	10%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%

- 2.3.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2.4 Hartanah Pelaburan

- 2.4.1 Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.
- 2.4.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos termasuk kos- kos langsung yang terlibat, manakala perolehan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.
- 2.4.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai pasaran semasa. Nilai pasaran semasa ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran tersiar, sekiranya ada. Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan secara tahunan berdasarkan penilaian oleh jurunilai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf dan relevan dan mempunyai pengalaman terkini berkaitan lokasi dan kategori hartanah pelaburan yang dinilai itu. Perubahan nilai semasa hartanah pelaburan akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

2.5 Aset Tak Ketara

- 2.5.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada NCIA dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.5.2 Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan pelunasan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.5.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.5.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.
- 2.5.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.5.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbedaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.6 **Kerja Dalam Kemajuan**

Kerja dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi kerja dalam kemajuan adalah termasuk kos-kos pembinaan dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung terkumpul disepanjang proses pembinaan dilaksanakan.

Semua kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Kos bagi projek siap yang akan menjadi milik NCIA akan dipermodalkan sebagai hartanah pelaburan atau hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan dinilai/disusutnilai. Sekiranya projek yang telah siap perlu diserahkan kepada pihak ketiga, kos bagi projek tersebut akan dibelanjakan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tahun dimana serahan berlaku.

2.7 **Aset Kewangan**

2.7.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila NCIA menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru aset kewangan.

2.7.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.7.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana NCIA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.7.5 NCIA hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

i. *Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

ii. *Pelaburan jangka pendek*

Pelaburan jangka pendek merupakan pelaburan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang mempunyai tarikh matang yang lebih daripada 3 bulan.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Rosot nilai aset kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, NCIA akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
- ii. Pembayaran tertunggak
- iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam NCIA yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta NCIA telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8 **Peruntukan dan Liabiliti**

- 2.8.1 Peruntukan diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila NCIA menjangkakan beberapa atau semua peruntukan atau dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.9 **Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

- 2.9.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan NCIA keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

- 2.9.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh NCIA. NCIA tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.10 **Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka**

- 2.10.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila NCIA menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.10.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru liabiliti .
- 2.10.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.
- 2.10.4 NCIA mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

i. *Urusniaga Pertukaran Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, urusniaga pertukaran belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

ii. *Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan dipertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.11 **Percukaian**

NCIA dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan pada tahap pendapatan berkanun (kecuali untuk dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

2.12 **Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.13 **Manfaat Pekerja**

Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

NCIA tidak menggunakan kaedah Gantian Cuti Rehat. Cuti yang dibawa dari tahun sebelumnya akan dihapuskan sekiranya kakitangan NCIA tidak dapat menghabiskan cuti berkenaan sebelum bulan Jun tahun berikutnya.

2.14 **Rosotnilai Aset Bukan Kewangan**

2.14.1 *Aset Penjanaan Tunai*

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, NCIA mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.14.2 *Aset Penjanaan Bukan Tunai*

NCIA akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka NCIA akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, NCIA telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, NCIA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, NCIA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.15 **Maklumat Bajet**

- 2.15.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan yang meliputi bajet operasi sahaja.
- 2.15.2 Penyediaan Bajet telah mengambilkira aktiviti-aktiviti utama dan perbelanjaan terdahulu NCIA dan objektif serta program-program yang telah dirangka. Ia juga termasuk belanja-belanja penting yang membolehkan outcome dicapai. NCIA juga mengambilkira pencapaian sosioekonomi di Wilayah Utara.
- 2.15.3 Pihak Berkuasa melalui Mesyuarat Keempat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PB4) pada 8 Januari 2010 telah menurunkan kuasa bagi hal-hal pengurusan operasi NCIA kepada Ketua Eksekutif. Permohonan bajet tahunan disediakan oleh NCIA sebelum diangkat kepada Kementerian Pengawal untuk perakuan dan seterusnya kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

2.16 **Perimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

2.16.1 Perimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.16.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

i. Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

NCIA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, NCIA menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara.

Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

ii. Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. NCIA menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

iii. Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah NCIA adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka NCIA akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan.

Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

iv. Pengukuran Peruntukan

NCIA sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.17 **Mengkontra Instrumen Kewangan**

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.18 **Pihak Berkaitan**

NCIA menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas NCIA, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli NCIA.

2.19 **Pajakan**

Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan atau Hartanah Pelaburan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada NCIA.

NCIA pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa NCIA akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, NCIA menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.20 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.20.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.20.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh NCIA termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

ii. Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis NCIA mengikut syarat perjanjian penyewaan dan nilai sewaan yang dikenakan adalah sewa dengan nilai sewaan yang digunakan oleh pasaran.

iii. Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.20.2 (i) hingga (iii) di atas. Lanya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.21 **Nilai saksama**

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusiaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambilkira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, NCIA menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa;

Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak; dan

Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan.

2.22 **Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran**

2.22.1 Pertimbangan perakaunan kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.22.2 Ketidakpastian dalam sumber utama anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

i. Elaun hutang ragu bagi Belum Terima

NCIA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang buktif objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat buktif objektif hutang ragu, Lembaga menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat buktif potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

- ii. Perubahan anggaran jangka hayat bagi hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. NCIA menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh 2 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

- iii. Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah NCIA adalah dipegang bagi mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian suatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka NCIA akan mengkatégorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika suatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.



PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Tunai dan kesetaraan tunai	83,256,294	225,831,225
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
1) Simpanan Tetap Di Bank-bank dan Institusi Kewangan Berlesen		
Kumpulan wang pembangunan	-	181,000,000
	-	181,000,000
2) Perjanjian Belian Semula (<i>Overnight Credit</i>) Di Bank Berlesen	72,351,892	22,639,815
3) Tunai di tangan dan di bank		
Tunai di tangan	14,000	14,000
Wang di bank	10,890,402	22,177,410
	10,904,402	22,191,410
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	83,256,294	225,831,225

* Termasuk di dalam jumlah wang di bank ialah wang yang mewakili Kumpulan Wang berikut:

	RM	RM
Dana mengurus	128,425	9,697,601
Dana pembangunan	10,761,977	10,387,641
Dana khas teraju	-	525,315
Akaun khas Kedah Rubber City	-	1,566,853
	10,890,402	22,177,410

4. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Pelaburan Jangka Pendek	73,387	22,073,417

Pelaburan jangka pendek merupakan simpanan tetap di bank berlesen yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. AKAUN BELUM TERIMA - URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Geran Pembangunan - Yayasan Petronas	6,046,150	-
	6,046,150	-

6. AKAUN BELUM TERIMA - URUSNIAGA PERTUKARAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Sewaan	270,430	513,529
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	-	-
	270,430	513,529

Analisis pengumuman Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:-

Tempoh 1 hingga 30 hari	23,962	417,073
Tempoh 31 hingga 60 hari	24,305	6,603
Tempoh lebih dari 61 hari	222,163	89,853
	270,430	513,529
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	-	-
	270,430	513,529

7. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Pelbagai penghutang	75,865	288,421
Tolak : Peruntukan hutang ragu	(33,107)	(33,107)
	42,758	255,314
Deposit	438,406	345,466
Prabayar	3,477,072	3,456,043
Wang pendahuluan projek	52,595,842	33,189,626
	56,554,078	37,246,449

Pergerakan peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:

Baki pada 1 Januari	33,107	33,107
Tambahan peruntukan semasa	-	-
Baki pada 31 Disember	33,107	33,107

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Perabot & Peralatan pejabat	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Ubahsuaian	Komputer & Peralatan berkaitan komputer	Kenderaan	Ubahsuaian di dalam pembinaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS:								
Baki pada 1 Januari 2021	2,476,704	9,660,000	20,340,000	3,031,158	1,704,266	1,312,580	92,414	38,617,122
Tambahan dalam tahun	48,625	-	-	-	117,822	-	3,966,380	4,132,827
Kurangan dalam tahun	-	-	-	-	-	(177,939)	-	(177,939)
Baki pada 31 Disember 2021	2,525,329	9,660,000	20,340,000	3,031,158	1,822,088	1,134,641	4,058,794	42,572,010
SUSUTNILAI TERKUMPUL:								
Baki pada 1 Januari 2021	2,366,018	383,943	983,559	331,351	1,469,627	1,312,572	-	6,847,070
Susutnilai tahun semasa	50,628	184,293	472,108	303,116	142,162	-	-	1,152,307
Kurangan dalam tahun	-	-	-	-	-	(177,938)	-	(177,938)
Baki pada 31 Disember 2021	2,416,646	568,236	1,455,667	634,467	1,611,789	1,134,634	-	7,821,439
NILAI BAWAAN								
Pada 1 Januari 2021	110,686	9,276,057	19,356,441	2,699,807	234,639	8	92,414	31,770,052
Pada 31 Disember 2021	108,683	9,091,764	18,884,333	2,396,691	210,299	7	4,058,794	34,750,571
Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan:								
Aset Operasi	102,020	-	-	2,396,691	202,086	7	4,058,794	6,759,598
Aset Pembangunan	6,663	9,091,764	18,884,333	-	8,213	-	-	27,990,973

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Perabot & Peralatan pejabat	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Ubahsuaian	Komputer & Peralatan berkaitan komputer	Kenderaan	Ubahsuaian di dalam pembinaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS:								
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	2,708,964	9,660,000	20,340,000	3,031,237	2,300,781	1,609,939	-	39,650,921
Tambahan dalam tahun	33,064	-	-	-	263,643	-	92,414	389,121
Kurangan dalam tahun	(265,324)	-	-	(79)	(860,158)	(297,359)	-	(1,422,920)
Baki pada 31 Disember 2020	2,476,704	9,660,000	20,340,000	3,031,158	1,704,266	1,312,580	92,414	38,617,122
SUSUTNILAI TERKUMPUL:								
Baki pada 1 Januari 2020 Susutnilai tahun semasa	2,578,225	199,651	511,452	-	2,188,772	1,523,516	-	7,001,616
Kurangan dalam tahun	49,346	184,292	472,107	331,351	137,254	86,412	-	1,260,762
	(261,553)	-	-	-	(856,399)	(297,356)	-	(1,415,308)
Baki pada 31 Disember 2020	2,366,018	383,943	983,559	331,351	1,469,627	1,312,572	-	6,847,070
NILAI BAWAAN								
Pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	130,739	9,460,349	19,828,548	3,031,237	112,009	86,423	-	32,649,305
Pada 31 Disember 2020	110,686	9,276,057	19,356,441	2,699,807	234,639	8	92,414	31,770,052
Nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan:								
Aset Operasi	110,686	-	-	2,699,807	234,639	8	92,414	3,137,554
Aset Pembangunan	-	9,276,057	19,356,441	-	-	-	-	28,632,498

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

9. HARTANAH PELABURAN

	Tanah dan Bangunan RM	Tanah Pajakan RM	Jumlah RM
Pada nilai penilaian semula:			
Pada 1 Januari 2021	24,191,000	251,660,000	275,851,000
Tambahan di dalam tahun semasa Keuntungan daripada perubahan nilai semasa	635,000	201,409,476	202,044,476
Baki pada 31 Disember 2021	<u>24,826,000</u>	<u>453,069,476</u>	<u>477,895,476</u>

Tanah pajakan merupakan tanah yang dipajak daripada Persurhaja Tanah Persekutuan selama 99 tahun bagi pembangunan projek Kedah Rubber City. Tanah ni akan dipajak semula kepada pihak ketiga.

10. ASET TAK KETARA

	Perisian Komputer RM	Jumlah RM
KOS:		
Pada 1 Januari 2021	58,085	58,085
Pindahan dari Hartanah, loji dan peralatan Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	83,013	83,013
Tambahan dalam tahun	141,098	141,098
Baki pada 31 Disember 2021	<u>141,098</u>	<u>141,098</u>
SUSUT NILAI TERKUMPUL:		
Baki pada 1 Januari 2021	3,236	3,236
Pindahan dari Hartanah, loji dan peralatan Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	71,767	71,767
Susut nilai tahun semasa	75,003	75,003
Baki pada 31 Disember 2021	<u>23,708</u>	<u>23,708</u>
NILAI BAWAAN		
Pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	<u>66,095</u>	<u>66,095</u>
Pada 31 Disember 2021	<u>42,387</u>	<u>42,387</u>

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

11. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
KOS:		
Baki pada awal tahun	285,054,927	127,644,534
Tambahan dalam tahun	120,342,080	157,410,393
Baki pada akhir tahun	405,397,007	285,054,927

Kerja dalam kemajuan adalah kos kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan bagi cadangan projek-projek pembangunan di bawah geran pembangunan.

12. GERAN TERTUNDA

	Dana Pembangunan	Dana Teraju	Yayasan Petronas	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2020	366,325,856	1,534,688	2,350,000	370,210,544
Terimaan dalam tahun	198,400,564	3,200,000	500,000	202,100,564
Pelunasan dalam tahun	(64,195,714)	(4,209,373)	-	(68,405,087)
Pelarasan dalam tahun	(729,993)	-	-	(729,993)
Pada 31 Disember 2020	499,800,713	525,315	2,850,000	503,176,028
Pada 1 Januari 2021	499,800,713	525,315	2,850,000	503,176,028
Terimaan dalam tahun	161,084,456	-	8,896,150	169,980,606
Pelunasan dalam tahun	(189,194,381)	-	(7,773,000)	(196,967,381)
Pelarasan dalam tahun	(26,008)	(525,315)	-	(551,323)
Pada 31 Disember 2021	471,664,780	-	3,973,150	475,637,930

13. PAJAKAN KEWANGAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Bayaran minimum pajakan kewangan:		
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	38,260	38,260
Bayaran balik diantara lebih dari 1 tahun	3,672,960	3,711,220
	3,711,220	3,749,480
(folak): Faedah tertunda	(2,981,743)	(3,019,738)
	729,477	729,742
Dianalisa seperti berikut:		
Matang dalam tempoh 1 tahun	278	265
Matang selepas tempoh 1 tahun sehingga 5 tahun	1,625	1,203
Matang selepas tempoh 6 tahun sehingga 99 tahun	727,574	728,274
	729,477	729,742

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

14. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Pelbagai Pemiutang	47,896,973	6,129,780
Perbelanjaan terakru	8,994,423	33,561,098
	<u>56,891,396</u>	<u>39,690,878</u>

Semua pembayaran kepada pemiutang telah diselesaikan pada tahun 2022.

15. DANA PEMBANGUNAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Baki pada awal tahun	52,823,498	52,161,119
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa aset	635,000	1,371,000
Tambahan dalam tahun	26,008	-
Susunilai tahunan hartanah, loji dan peralatan	(667,533)	(708,621)
Baki pada akhir tahun	<u>52,816,973</u>	<u>52,823,498</u>

Dana pembangunan terdiri daripada geran pembangunan yang digunakan bagi pemilikan aset tetap, tanah dan bangunan.

16. AKAUN KHAS KEDAH RUBBER CITY (KRC)

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Baki pada awal tahun	251,660,000	-
Pelunasan geran - Hartanah Pelaburan KRC	37,995	768,002
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa aset	201,409,476	250,930,007
Belanja faedah atas pajakan kewangan	(37,995)	(38,009)
Baki pada akhir tahun	<u>453,069,476</u>	<u>251,660,000</u>

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

17. HASIL URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Geran mengurus	27,949,000	40,000,000
Perlunasan Geran Pembangunan	196,967,381	64,195,714
Perlunasan Dana Khas - Teraju	-	4,209,373
Pertambahan Hartanah Pelaburan	-	729,993
Pertambahan Aset Dana Pembangunan	26,008	-
	224,942,389	109,135,080

18. EMOLUMEN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Gaji	24,226,417	20,864,203
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	3,948,729	3,458,622
Kumpulan Wang Keselamatan Sosial	180,871	154,742
Elaun kenderaan	1,925,813	1,833,666
Elaun perjalanan	50,216	56,525
Lain-lain kos	1,123,810	1,360,838
	31,455,856	27,728,596

Pada akhir tahun kewangan jumlah keseluruhan kakitangan NCIA adalah seramai 259 orang (2020 :203 orang)

19. KOS OPERASI LAIN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Penginapan dan perjalanan	1,461,554	2,773,897
Fi guaman dan profesional	1,929,181	3,904,943
Elaun Ahli Majlis NCIA	36,617	94,478
Elaun Ahli Jawatankuasa Pengurusan	38,000	40,650
Elaun Ahli Jawatankuasa Tender	11,000	9,000
Elaun Ahli Jawatankuasa Audit	10,500	9,000
Kos percetakan dan alat tulis	392,290	598,737
Caj bank	604	672
Kos utiliti	653,591	1,055,584
Pos dan penghantaran	3,105	9,452
Kos telekomunikasi	846,448	740,941
Fi Audit	33,210	42,210
Sewaan peralatan lain	1,530,097	116,752
Kerugian daripada pertupusan hartanah, loji dan peralatan	1	1,091
Perbelanjaan cukai	-	5,593
	6,946,198	9,403,000

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

20. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2021	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM
Infrastruktur/Projek Fizikal	106,761,553	4,441,394
Program modal insan	81,677,593	32,723,600
Perniagaan tani	1,284,265	1,410,931
Pusat kecemerlangan dan Program R&D	2,529,273	14,569,835
Kajian	3,428,874	10,933,911
Lain-lain	1,285,823	116,043
	196,967,381	64,195,714

Program modal insan adalah termasuk program-program pembangunan sosioekonomi dan program pembasmian kemiskinan di seluruh NCER.

21. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti NCIA sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli NCIA sahaja dimana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2021	2020
	RM	RM
Jumlah ganjaran	96,117	153,128

22. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajibannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, NCIA mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi dan institusi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sahaja.

Objektif NCIA adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. NCIA hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi NCIA bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa NCIA akan menghadapi kesukaran dalam menempuh kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan NCIA kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti NCIA pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2021			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	56,891,396	-	56,891,396
Pajakan kewangan	278	729,199	729,477
	56,891,674	729,199	57,620,873
Pada 31 Disember 2020			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	39,690,878	-	39,690,878
Pajakan kewangan	265	729,477	729,742
	39,691,143	729,477	40,420,620

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan NCIA akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan NCIA kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan NCIA dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Aset dan liabiliti kewangan NCIA yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara atas Penyata Prestasi Kewangan NCIA.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

23. KOMITMEN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM
Diluluskan dan dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	396,057,311	652,552,525

24. KOMITMEN PERBELANJAAN OPERASI DAN MODAL

	<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM
Diluluskan dan dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan operasi dan modal	4,486,631	3,494,515

25. LIABILITI LUAR JANGKA

NCIA telah menandatangani MOU pada 29 Mac 2010 dan perjanjian pada 17 Januari 2011 bagi Program Akuakultur Selinsing Perak (PASP) dengan syarikat Hannan Corporation Sdn Bhd (Hannan). Pihak NCIA telah melakukan penilaian pencapaian projek dan pemeriksaan di lapangan pada 2017 dan memutuskan bahawa Hannan telah gagal memenuhi terma perjanjian.

NCIA memulakan prosiding undang-undang terhadap Hannan pada tahun 2018 dan prosiding tersebut mengambil masa lebih kurang empat (4) tahun dari tahun 2018 sehingga tahun 2022.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat keputusan yang memihak kepada NCIA pada 30 Julai 2021 dimana Hannan dikehendaki membayar kepada NCIA sejumlah wang sebanyak RM25,181,012.80 dengan faedah berterusan pada kadar 5% bermula 25 Mei 2018 sehingga selesai bayaran penuh.

Kegagalan Hannan untuk memenuhi kehendak Penghakiman ini telah menyebabkan NCIA menfailkan Petisyen Penggugungan (Winding-Up Petition) terhadap Hannan dimana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memuktamadkan penggugungan syarikat itu pada 1 April 2022.

26. KESAN KESILAPAN TEMPOH TERDAHULU

NCIA telah menerima 'Pendapat Berteguran' di dalam Sijil Ketua Audit Negara (SKAN) mengenai Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 pada 6 September 2021. Pelarasan Tahun Sebelum (PTS) telah dilakukan di dalam Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 2021 untuk isu utama yang telah dibangkitkan iaitu berkaitan 'Hartanah Pelaburan' dan 'Kerja Dalam Kemajuan'. PTS juga telah dilakukan atas cadangan pelarasan yang telah dibangkitkan melalui Surat Pengurusan yang diterima oleh NCIA. Selain itu, NCIA telah mengambil inisiatif tambahan dengan melakukan semakan lanjut ke atas transaksi akaun bagi tahun 2020. Berdasarkan semakan tersebut, pelarasan yang dikenalpasti telah direkodkan di dalam PTS.

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020:

	2020	Pelarasan	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM	RM
ASET SEMASA			
Tunai dan kesetaraan tunai	224,887,295	943,930	225,831,225
Pelaburan jangka pendek	22,073,417	-	22,073,417
Urusniaga pertukaran belum terima	510,821	2,708	513,529
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	37,062,145	184,304	37,246,449
	<u>284,533,678</u>		<u>285,664,620</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	31,788,712	(18,660)	31,770,052
Hartanah Pelaburan	275,912,025	(61,025)	275,851,000
Aset tak ketara	54,849	11,246	66,095
Kerja dalam kemajuan	255,598,043	29,456,884	285,054,927
	<u>563,353,629</u>		<u>592,742,074</u>
JUMLAH ASET	<u>847,887,307</u>		<u>878,406,694</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Dana Pembangunan	503,166,937	(3,366,224)	499,800,713
Dana Khas - Teraju	525,315	-	525,315
Dana Yayasan Petronas	-	2,850,000	2,850,000
Pendahuluan diterima bagi Kedah Rubber City	1,566,853	375,487	1,942,340
Pajakan kewangan	768,017	(38,540)	729,477
	<u>506,027,122</u>		<u>505,847,845</u>
LIABILITI SEMASA			
Urusniaga pertukaran belum bayar	115,288	(115,288)	-
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	8,919,676	30,771,202	39,690,878
Pajakan kewangan	239	26	265
	<u>9,035,203</u>		<u>39,691,143</u>
JUMLAH LIABILITI	<u>515,062,325</u>		<u>545,538,988</u>
ASET BERSIH	<u>332,824,982</u>		<u>332,867,706</u>
ASET BERSIH			
Dana Pembangunan	53,553,733	(730,235)	52,823,498
Akaun Khas Kedah Rubber City	250,929,765	730,235	251,660,000
Lebihan terkumpul	28,341,484	42,724	28,384,208
	<u>332,824,982</u>		<u>332,867,706</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Ringkasan bagi pelarasan tahun sebelum yang dinyatakan semula di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- 26.1 Pelarasan bagi 'Tunai dan Kesetaraan Tunai' berjumlah **RM943,930** melibatkan perkara berikut:
- Faedah yang diterima berjumlah RM943,572 tidak direkodkan.
 - Transaksi perbelanjaan wang panjar berjumlah RM8,646 tersalah rekod ke dalam Akaun Wang Panjar (Control Account)
 - Transaksi melebihi 6 bulan pada Penyata Penyesuaian Bank yang tidak diselaras berjumlah RM8,288.
- 26.2 Pelarasan bagi 'Urusniaga Pertukaran Belum Terima' berjumlah **RM2,708** melibatkan perkara berikut:
- Deposit penyewa yang telah keluar daripada unit diselaras dengan akaun Penghutang berjumlah RM5,580.
 - Pelarasan melibatkan perkara 26.1 (iii).
- 26.3 Pelarasan bagi 'Pelbagai Akaun Belum Terima' yang terkurang rekod sebanyak **RM184,304** melibatkan perkara berikut:
- Faedah Belum Terima berjumlah RM295,965 terlebih rekod.
 - Kesilapan merekodkan transaksi berjumlah RM480,269.
- 26.4 Pelarasan bagi 'Hartanah, Loji dan Peralatan' terlebih rekod berjumlah **(RM18,660)** serta 'Aset Tak Ketara' terkurang rekod berjumlah **RM11,246** melibatkan perkara berikut:
- Pengelasan 'Hartanah, Loji dan Peralatan' kepada 'Aset Tak Ketara' berjumlah RM11,246
 - Pembelian peralatan tersalah rekod sebagai 'Hartanah, Loji dan Peralatan' berjumlah RM730.
 - Pelarasan terhadap kesilapan terlebih rekod pada 'Hartanah, Loji dan Peralatan' berjumlah RM6,684.
- 26.5 Pengelasan semula 'Hartanah Pelaburan' kepada 'Kerja Dalam Kemajuan' berjumlah **(RM61,025)**.
- 26.6 Pelarasan bagi 'Kerja Dalam Kemajuan' yang terkurang rekod sebanyak **RM29,456,884** melibatkan perkara berikut:
- Pengelasan semula 'Perbelanjaan Pembangunan' kepada 'Kerja Dalam Kemajuan' berjumlah RM12,167,988.
 - 'Kerja Dalam Kemajuan' bagi tahun 2020 direkodkan pada tahun 2021 berjumlah RM17,227,871.
 - Pelarasan melibatkan perkara 26.5.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

- 26.7 Pelarasan bagi 'Dana Pembangunan' yang terlebih rekod berjumlah **(RM3,366,224)** dan "Dana Yayasan Petronas' berjumlah **RM2,850,000** melibatkan perkara berikut:
- i. Pengelasan semula 'Dana Pembangunan' kepada 'Dana Yayasan Petronas' berjumlah RM2,850,000
 - ii. Pengelasan semula 'Pendahuluan Diterima Bagi KRC' kepada 'Dana Pembangunan' berjumlah RM1,566,853.
 - iii. Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020 direkodkan pada tahun 2021 berjumlah RM14,731,588.
 - iv. Pajakan Kewangan tersalah rekod berjumlah RM254.
 - iv. Pelarasan melibatkan perkara 26.3(ii) dan 26.6(i).
- 26.8 Pelarasan bagi 'Pendahuluan Diterima Bagi KRC' berjumlah **RM375,487** melibatkan perkara berikut:
- i. Pelarasan 'Pendahuluan Diterima Bagi KRC' berjumlah RM1,942,340.
 - ii. Pelarasan melibatkan perkara 26.7(ii).
- 26.9 Pelarasan bagi 'Pajakan Kewangan' berjumlah **(RM38,540)** dan **RM26** melibatkan perkara berikut:
- i. Pajakan Kewangan' tersalah rekod berjumlah RM38,260.
 - ii. Pelarasan melibatkan perkara 26.7(iv).
- 26.10 Pelarasan bagi 'Pelbagai Pemiutang dan Akruan' berjumlah **RM30,655,914** melibatkan perkara berikut:
- i. Perbelanjaan 'Kos Operasi Lain' bagi tahun 2020 direkodkan pada tahun 2021 berjumlah RM804,979.
 - ii. Transaksi tahun-tahun sebelum telah dibatalkan mengakibatkan pelarasan bagi akaun 'GST Output Tax' berjumlah RM421.
 - iii. Transaksi bagi perbelanjaan Kos Perubatan tahun 2020 telah dibatalkan berjumlah RM1,239.
 - iv. Deposit penyewa yang telah keluar daripada unit diselaras dengan Hasil berjumlah RM13,447.
 - v. Faedah Tertunda terlebih rekod berjumlah RM193,233.
 - vi. Kesilapan dalam merekodkan transaksi berjumlah RM12.
 - vii. Pelarasan semula urusniaga pertukaran belum bayar berjumlah RM115,288.
 - viii. Pelarasan melibatkan perkara 26.1(ii), 26.2(i), 26.6(ii), 26.7(iii), 26.8(i) dan 26.9(i).

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan Pada 31 Disember 2020:

	2020	Pelarasan	Dinyatakan semula 2020
	RM	RM	RM
HASIL			
Urusniaga bukan pertukaran	110,369,940	(1,234,860)	109,135,080
Urusniaga pertukaran	1,102,944	13,026	1,115,970
Pendapatan operasi lain	5,452,287	840,840	6,293,127
Keuntungan daripada peningkatan nilai semasa Hartanah Pelaburan	-	252,301,007	252,301,007
JUMLAH HASIL	116,925,171		116,544,177
PERBELANJAAN			
Emolumen	27,728,595	1	27,728,596
Perbelanjaan pejabat	811,204	-	811,204
Sewaan pejabat	437,937	-	437,937
Latihan dan pembangunan modal insan	28,011	-	28,011
Promosi, pemasaran serta galakan pelaburan	511,434	-	511,434
Kos keraian	131,254	-	131,254
Kos perubatan	1,747,278	(1,239)	1,746,039
Penyelenggaraan dan pembaikan	1,302,946	800	1,303,746
Peruntukan hutang ragu	-	-	-
Susutnilai aset tetap	551,980	715,222	1,267,202
Kos operasi lain	8,598,021	804,979	9,403,000
Perbelanjaan pembangunan	66,160,567	(1,964,853)	64,195,714
Perbelanjaan Dana Khas Teraju	4,209,373	-	4,209,373
JUMLAH PERBELANJAAN	112,218,600		111,773,510
LEBIHAN/(KURANGAN) DALAM TAHUN CUKAI	4,706,571	64,095	4,770,667
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI	4,706,571		4,770,667

Ringkasan bagi pelarasan tahun sebelum yang dinyatakan semula di dalam Penyata Prestasi Kewangan Pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- 26.11 Pelarasan bagi 'Urusniaga Bukan Pertukaran' berjumlah **(RM1,234,860)** melibatkan perkara berikut:
- i. Pelunasan 'Dana Pembangunan' terlebih rekod berjumlah RM3,849,014.
 - ii. Hasil hibah daripada Program Pembangunan Modal Insan tidak direkodkan berjumlah RM50,566.
 - iii. Pengelasan semula 'Keuntungan daripada peningkatan nilai saksama Hartanah Pelaburan' berjumlah RM242.
 - vii. Pelarasan melibatkan perkara 26.6(i), 26.7(iii) dan 26.7(iv).

PIHAK BERKUASA PERLAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

- 26.12 Pelarasan bagi 'Keuntungan daripada peningkatan nilai saksama Hartanah Pelaburan' berjumlah **RM252,301,007** melibatkan perkara berikut:
- i. Keuntungan daripada peningkatan nilai saksama Hartanah Pelaburan' Akaun Kedah Rubber City tidak direkodkan berjumlah RM250,930,007.
 - ii. Keuntungan daripada peningkatan nilai saksama Hartanah Pelaburan' Dana Pembangunan tidak direkodkan berjumlah RM1,371,000.
- 26.13 Pelarasan bagi 'Urusniaga Pertukaran' berjumlah **RM13,026** melibatkan perkara 26.10(ii) dan 26.10(iv).
- 26.14 Pelarasan bagi 'Pendapatan Operasi Lain' berjumlah **RM840,840** melibatkan perkara 26.1(i), 26.3(i) dan 26.10(v).
- 26.15 Pelarasan bagi 'Kos Perubatan' berjumlah **(RM1,239)** melibatkan perkara 26.10(iii).
- 26.16 Pelarasan bagi 'Penyelenggaraan dan Pembaikan' berjumlah **RM800** melibatkan perkara berikut:
- i. Pengelasan semula daripada akaun Ubahsuai yang terlebih rekod berjumlah RM70
 - ii. Pelarasan melibatkan perkara 26.4(ii).
- 26.17 Pelarasan bagi 'Susutnilai Aset Tetap' berjumlah **RM715,222** melibatkan perkara berikut:
- i. Susutnilai Aset Pembangunan tidak direkodkan berjumlah RM708,621.
 - ii. Pelarasan bagi susutnilai tahun 2020 berjumlah RM6,438 dan pelupusan aset RM163.
- 26.18 Pelarasan bagi 'Kos Operasi Lain' iaitu Fi Profesional yang tidak direkodkan berjumlah **RM804,979**.
- 26.19 Pelarasan bagi 'Perbelanjaan Pembangunan' berjumlah **(RM1,964,853)** melibatkan perkara berikut:
- i. Pajakan Tanah KRC direkodkan sebagai Perbelanjaan berjumlah RM729,993.
 - ii. Pelarasan melibatkan perkara 26.11.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



www.ncer.com.my

DIREKTORI

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

IBU PEJABAT

No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18,

Penang Science Park,

14100 Simpang Ampat,

Pulau Pinang, MALAYSIA

Tel : + (604) 502 0708

Faks : + (604) 502 0194

PEJABAT PERLIS

Aras Bawah, Pejabat Pentadbiran CVIA-IBC,

Jalan Ulu Pauh - Padang Besar,

Chuping, Mukim Titi Tinggi,

02100 Padang Besar,

Perlis, MALAYSIA

Tel : + (604) 946 2793

Faks : + (604) 946 2651

PEJABAT PERAK

Aras 10 (Office 9),

Menara Perak Techno Trade Centre (PTTC),

Bandar Meru Raya,

Off Jalan Jelapang,

30020 Ipoh,

Perak, MALAYSIA

Tel : + (605) 525 3617

Faks : + (605) 525 3615

PEJABAT KEDAH

No. 30A, Tingkat 2, Wisma PKNK,

Jalan Sultan Badlishah,

05000 Alor Setar,

Kedah, MALAYSIA

Tel : + (604) 732 9881

Faks : + (604) 734 2881

PEJABAT CYBERJAYA

C-09-02, C-09-3A & C-09-06, iTech Tower,

Jalan Impact, Cyber 6,

63000 Cyberjaya,

Selangor, MALAYSIA

Tel : + (603) 8322 2222

Faks : + (603) 8322 6417